

MENUJU PERSEKITARAN HIDUP **MAMPAN & BERKUALITI** UNTUK SEMUA

Terjemahan seni moden pokok yang berwarna-warni di tengah muka hadapan mewakili kemampanan, rumah mampu milik dan persekitaran yang berkualiti yang memandu visi Kementerian. Visual garis kecil sebuah keluarga bahagia di bawah pokok mewakili rakyat yang mendapat manfaat daripada usaha Kementerian.



KANDUNGAN

001 Misi, Visi, Dasar Q, Matlamat
002 Objektif
005 Perutusan Menteri
007 Prakata Ketua Setiausaha
009 Carta Organisasi
011 Profil Pengurusan Tertinggi
019 Profil Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit

LAPORAN

022 Belanjawan KPKT
028 Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri
034 Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Setiausaha
041 Sorotan Utama 2012
045 Liputan Media 2012
053 Anugerah dan Pengiktirafan

PROGRAM

056 **Program Perumahan**
057 • Jabatan Perumahan Negara
070 • Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
076 **Program Kerajaan Tempatan**
077 • Jabatan Kerajaan Tempatan

086 Program Pengurusan Sisa Pepejal

087 • Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

094 • Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

100 Program Perancangan Bandar

101 • Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

108 Program Pembangunan Landskap

109 • Jabatan Landskap Negara

118 Program Kebombaan dan Penyelamatan

119 • Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

128 Program Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai

129 • Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai

134 Program Latihan KPKT

135 • Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan

140 Program Khidmat Sokongan

141 • Bahagian Undang-Undang

144 • Bahagian Dasar

146 • Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek

149 • Bahagian Kewangan dan Perolehan

150 • Bahagian Inspektorat

153 • Bahagian Sumber Manusia

162 • Bahagian Korporat

172 • Bahagian Khidmat Pengurusan

175 • Bahagian Teknologi Maklumat

178 • Unit Audit Dalam

182 • Unit Komunikasi Korporat



MISI

Untuk merancang, menyelaras, dan melaksanakan agenda sosial dan penempatan manusia melalui program perumahan, perancangan dan kawalan pembangunan, perkhidmatan perbandaran dan landskap serta perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang cekap dan berkesan.

VISI

Mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mapan bagi semua lapisan masyarakat Malaysia selaras dengan Wawasan Negara.

DASAR Q

Kami komited terhadap memangkin kecemerlangan perancangan pembangunan dan perkhidmatan ke arah mewujudkan petempatan manusia yang berkualiti.

MATLAMAT

Bagi merealisasikan suasana kehidupan yang selesa dan sejahtera melalui pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang.





OBJEKTIF

Lima (5) objektif Kementerian bagi mencapai matlamat merealisasikan suasana kehidupan yang selesa dan sejahtera melalui pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang.

- **MEWUJUDKAN** dan melaksanakan perancangan yang setara untuk seluruh negara dengan memperkukuhkan dan mempergiatkan sistem fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

- **MENGGALAK**, memaju dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan perkhidmatan bandaran yang bermutu tinggi dan juga kemudahan-kemudahan sosial, rekreasi serta peluang-peluang ekonomi yang seimbang.

- **MEMASTIKAN** kemajuan perumahan yang sempurna, selesa dan seimbang, lengkap dengan segala kemudahan sosial dan rekreasi.

- **MEMASTIKAN** keselamatan nyawa dan harta benda melalui perkhidmatan pencegahan dan pengawalan kebakaran dan ancaman dari bahan-bahan berbahaya, penyelamatan semasa kecemasan yang cekap dan berkesan serta peningkatan pengetahuan orang awam terhadap bahaya kebakaran dan pencegahannya.

- **MEWUJUDKAN** pembangunan landskap, taman dan rekreasi yang berkualiti secara menyeluruh di seluruh negara bagi capai matlamat menjadikan Malaysia negara taman.


55 TAHUN
MERDEKA





PERUTUSAN MENTERI

YB DATO' SERI **CHOR CHEE HEUNG**
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Bidang keutamaan KPKT bagi merealisasikan misi ini termasuklah melaksanakan penambahbaikan dan menyiapkan projek perumahan terbengkalai swasta, menerapkan budaya dan amalan kitar semula, projek pembangunan taman dan penguatkuasaan beberapa Akta berkaitan perumahan dan landskap serta pinjaman wang.

Tahun 2012 telah menyaksikan tamatnya fasa pertama Prakarsa Transformasi yang melibatkan lapangan Kerajaan, ekonomi dan politik dan inisiatif ini telah membawa banyak kesan yang amat positif kepada rakyat dan negara.

Justeru itu, KPKT komited dalam merealisasikan impian dalam menyediakan persekitaran kehidupan yang mapan kepada rakyat dan bertindak cemerlang dalam pembangunan negara sepanjang tahun 2012 apabila hampir keseluruhan dasar dan keutamaan yang diamanahkan berjaya disiapkan dengan sempurna membabitkan usaha mewujudkan pembangunan moden, keselamatan dan keindahan negara. Bidang keutamaan KPKT bagi merealisasikan misi ini termasuklah melaksanakan penambahbaikan dan menyiapkan projek perumahan terbengkalai swasta, menerapkan budaya dan amalan kitar semula, projek pembangunan taman dan penguatkuasaan beberapa Akta berkaitan perumahan dan landskap serta pinjaman wang.

Bagi tahun 2012, antara perkara yang amat dititikberatkan adalah berkaitan perumahan terutamanya menyegerakan masalah rumah terbengkalai swasta seperti membaik pulih dan melengkap infrastruktur kawasan terbabit. Sehingga Disember 2012, KPKT telah berjaya memulihkan 118 daripada 178 projek perumahan swasta yang terbengkalai. Disamping itu, KPKT juga turut menggubal beberapa akta membabitkan perumahan seperti membuat pindaan terhadap Akta Perumahan Persekutuan 1956 yang lebih menjurus kepada kepentingan pembeli dan pindaan yang tersebut telah diluluskan oleh Parlimen.

Selain sektor pembangunan dan baik pulih perumahan, KPKT turut menjalankan tanggungjawab dalam mendidik masyarakat untuk mengamalkan program kitar semula dengan meneruskan inisiatif amalan 3R iaitu Pengurangan (*Reduce*), Penggunaan Semula (*Reuse*) dan Kitar Semula (*Recycle*) kepada rakyat supaya minda mereka terdidik dengan gaya hidup bersih dan sihat. Sehubungan itu, KPKT telah menetapkan 11 November pada setiap tahun sebagai Hari Kitar Semula Kebangsaan malah turut mensasarkan pencapaian kadar kitar semula di Malaysia pada kadar 22 peratus menjelang 2020. Bagi memastikan program kitar semula mencapai

matlamat yang telah ditetapkan maka pengurusan sisa pepejal yang menekankan konsep dan amalan 3R perlu dilaksanakan dengan berkesan. Elemen 3R juga adalah sebahagian daripada Hirarki Sisa Pepejal. KPKT sentiasa mempertingkatkan inisiatif dalam usaha memujuk rakyat menerapkan amalan 3R dalam kehidupan agar penghasilan sisa pepejal yang dilupuskan ke tapak pelupusan dapat dikurangkan.

Program berterusan terutamanya program Pembangunan Taman Awam dan Rekreasi semakin giat dijalankan dengan empat (4) projek pembangunan iaitu Pembangunan Taman Awam Baru, Naik Taraf Taman Awam, Taman Persekutuan dan Pembangunan Rekreasi Awam yang akan diteruskan sehingga tahun 2013. Objektif projek di bawah seliaan Jabatan Landskap Negara ini adalah untuk mewujudkan lebih banyak taman awam dalam bentuk yang lebih sempurna. Dengan pelaksanaan projek ini, ia nyata dapat memberikan ruang yang selesa dari aspek rekreasi dan keindahan di sekitar kawasan penduduk setempat

KPKT turut memainkan peranan penting dalam membasmi jenayah peminjam wang atau lebih dikenali sebagai 'along' yang menjadi isu hangat memandangkan cara bayaran balik pinjaman berkenaan kadangkala menggunakan kekerasan dan dianggap keterlaluan. Justeru, Akta Peminjam Wang 1951 telah dipinda bagi tujuan mencegah aktiviti 'along'. Akta ini dipinda untuk mengenakan hukuman lebih berat sehingga RM250,000 dan penjara tiga (3) tahun jika terus menggangu peminjam yang mana sebelum ini dendanya hanya RM100,000 dan tiada hukuman sebatan.

Selain daripada agenda sedia ada, KPKT juga terlibat dalam menjayakan *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* atau Strategi Lautan Biru yang yang telah diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak. NBOS merupakan satu tindakan Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dengan projek-projek atau idea-idea yang kreatif melalui kesepakatan antara pelbagai Kementerian, Jabatan atau Agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta. Projek-projek ini dilaksanakan dengan segera, berimpak tinggi dan faedahnya dirasai oleh rakyat jelata, dengan menggunakan perbelanjaan yang minimum.

KPKT telah memulakan projek *National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS 7): My Beautiful Neighbourhood (MyBN)* atau Kejiranan Indah pada 28 Julai 2012, yang mana KPKT telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program menambah baik atau membaik pulih kawasan perumahan awam yang dimiliki oleh penduduk berpendapatan rendah dan program pembinaan semula rumah terbakar oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Bagi tempoh 28 Julai 2012 hingga 31 Disember 2012, sebanyak lapan (8) projek membaik pulih perumahan awam dan lima (5) projek membina semula rumah terbakar telah berjaya dilaksanakan. Program NBOS 7 : MyBN ini telah menghasilkan impak yang besar kepada penduduk setempat. Oleh hal yang demikian, program ini akan terus dilaksanakan pada tahun berikutnya.

Segala kejayaan yang telah dicapai adalah hasil usaha semua warga KPKT dan dicambahkan melalui kesediaan rakyat dalam menerima dan menghargai usaha-usaha tersebut. Selaku peneraju warga kerja KPKT, saya menyeru agar kita sentiasa mengekalkan tumpuan kita terhadap usaha membina sebuah ekosistem kehidupan yang berkualiti dan kondusif serta menjadi *touch point* kepada rakyat melalui peningkatan berterusan dalam sektor perumahan, perancangan bandar dan desa, pengurusan landskap, tadbir urus Pihak Berkuasa Tempatan, kebombaan dan penyelamatan serta pengurusan sisa pepejal. Penyertaan aktif rakyat sentiasa digalakkan agar inisiatif yang diusahakan sampai kepada golongan sasar dan seterusnya memacu KPKT dalam menyumbang kepada negara bagi mencapai aspirasi 2020.

"Tahniah Warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan!"



PRAKATA KSU

YBHG. DATUK **ARPAH ABDUL RAZAK**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KPKT telah berjaya menangani isu-isu berkaitan dengan pemajuan perumahan, perancangan fizikal bandar dan desa, pembangunan landskap, perlindungan nyawa dan harta benda, perkhidmatan bandaran dan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izin dan perkenan-Nya, KPKT telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan KPKT Tahun 2012. Laporan tahunan ini bukan sahaja merakamkan program dan projek yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012 malahan menjadi kayu pengukur dalam menilai pencapaian KPKT secara keseluruhan.

Berpandukan kepada lapan (8) teras strategik KPKT serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang digariskan, KPKT telah berjaya menangani isu-isu berkaitan dengan pemajuan perumahan, perancangan fizikal bandar dan desa, pembangunan landskap, perlindungan nyawa dan harta benda, perkhidmatan bandaran dan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Usaha ini adalah untuk memastikan pengurusan kementerian berada di tahap yang cemerlang dan membolehkan perkhidmatan teras disampaikan dengan cekap dan berkesan kepada golongan sasaran. Di samping itu, usaha-usaha penambahbaikan secara berterusan akan terus dilakukan demi memenuhi ekspektasi stakeholder dan rakyat yang berubah dari semasa ke semasa.

Selaras dengan hasrat mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, saya menyeru semua warga KPKT untuk berusaha dengan lebih gigih, memperbaiki kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti sebelum ini, mencari idea-idea baru yang relevan dan signifikan, bagi membolehkan kita memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Adalah menjadi harapan saya agar KPKT mampu mengharungi cabaran dan halangan serta meningkatkan daya tahan untuk mencipta lebih banyak kejayaan dalam negara, justeru dapat pula meningkatkan kualiti hidup rakyat.






KEMENTERIAN
PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN


KSU


UTC



CARTA ORGANISASI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

TIMBALAN MENTERI
YB Datuk Seri Panglima Haji Lajim Haji Ukin (sehingga Julai 2012)

MENTERI
YB Dato' Seri Chor Chee Heung

KETUA SETIAUSAHA
YBhg Datuk Arpah Abdul Razak
(dilantik pada 3 April 2012)

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
YBhg Datin Noriah Hashim

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR DAN PEMBANGUNAN)
Yang Berusaha Tuan Yong Bun Fou

- BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
  Yang Berusaha Tuan Mohd Nadzri Abdul Rahman
- BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN
  Yang Berusaha Puan Nor Inchun Haji Mohd Salleh
- BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
  Yang Berusaha Tuan Mohamad Khir Mat Lazim
- BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
  Yang Berusaha Tuan Abdul Latif Ismail
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROJEK
  Yang Berusaha Tuan Haji Abu Bakar Johar
- BAHAGIAN DASAR
  Yang Berusaha Dr. Ab Rahman Awang
- BAHAGIAN PEMBERI PINJAM WANG DAN PEMEGANG PAJAK GADAI
  Yang Berusaha Tuan Mohamed Khir Md Yusof

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG
Yang Berusaha Tuan Iskandar Ali Dewa

BAHAGIAN INSPEKTORAT
YBhg. Datin Maziah Adnan

BAHAGIAN KORPORAT
Yang Berusaha Tuan Ooi Seong Hoe

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Yang Berusaha Puan Jessylina Mat Lazim

UNIT AUDIT DALAM
Yang Berusaha Puan Lim Sok Kiang

PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
YBhg. Datuk Haji Zaini Mohd Nor

INSTITUT LATIHAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Yang Berusaha Tuan Jazman Azi Jamalludin

TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH
Yang Berusaha Tuan Shamsulbahri Haji Ibrahim

JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA
YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya

JABATAN LANDSKAP NEGARA
Yang Berusaha Tuan Haji Esa Haji Ahmad

JABATAN PERUMAHAN NEGARA
YBhg Dato' Dr. Mohd Padzil Hashim
(Dilantik pada 27 Ogos 2012)

JABATAN KERAJAAN TEMPATAN
YBhg. Dato' Halimi Abdul Manaf

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
YBhg. Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA
YBhg. Dato' Mohd Fadzil Haji Mohd Khir

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBHG. DATUK **ARPAH ABDUL RAZAK**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak dilahirkan di Pulau Pinang pada 27 Mei 1954. Beliau berkelulusan Bachelor of Urban Studies dari Universiti Sains Malaysia dan Master of Planning dari University of Southern California, Amerika Syarikat. Beliau berpeluang mengikuti pelbagai kursus pendek di dalam dan luar Negara sepanjang perkhidmatan termasuk kursus AMP Harvard Business School.

YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Awam pada tahun 1978 sebagai Pegawai Tadbir (Kawalan Pembangunan) di Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan seterusnya dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1979. Beliau memulakan tugas di Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai Penolong Setiausaha. Pada tahun 1983, YBhg. Datuk Arpah diberi amanah untuk memegang portfolio sebagai Pegawai Projek Kanan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Bukit Kiara. Pada tahun 1984, YBhg. Datuk bercuti bagi menyambung pelajaran ke peringkat sarjana dan pada tahun 1986, beliau kembali bertugas sebagai Pegawai Projek Kanan di INTAN, Bukit Kiara dan kekal di INTAN sehingga tahun 1991. Beliau kemudiannya ditugaskan pula di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri sebagai Pegawai Projek Kanan sehingga tahun 1992. Beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Kerjaya YBhg. Datuk Arpah terus menyinar apabila beliau menggalas tanggungjawab sebagai Timbalan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Subang Jaya pada tahun 2000. Seterusnya, pada tahun 2005, beliau menjawat jawatan sebagai Pengarah Korporat di Perbadanan Putrajaya. Pada Oktober 2006, YBhg. Datuk dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT. Selepas 5 tahun meneraju jabatan ini, YBhg. Datuk telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT bermula pada 2 November 2011 dan empat (4) bulan kemudian, iaitu pada tarikh 3 April 2012 YBhg. Datuk Arpah dilantik menjadi Ketua Setiausaha KPKT.

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YANG BERUSAHA **YONG BUN FOU**
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Yang Berusaha Tuan Yong Bun Fou dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 8 Mei 2012. Beliau berasal dari Selangor dan merupakan pemegang Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Memulakan kerjaya dalam sektor awam pada tahun 1981 sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik, (PTD), beliau ditempatkan sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan. Pada tahun 1989 beliau telah dilantik ke Jawatan Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan mengikuti Kursus *'Post Graduate Research Students'* di Yamaguchi University Jepun. Setelah tamat pengajian, beliau ditempatkan di Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan sebagai Penolong Setiausaha pada Mei 1992. Pada tahun 1993 beliau telah dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan, memangku PTD Gred M2 dan telah dinaikkan pangkat ke Gred M2 pada tahun 1997. Pada April 2004, Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan. Pada Jun 2008, Beliau telah dinaikkan pangkat ke PTD Gred Utama C. Daripada kenaikan pangkat tersebut beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Korporat, Kementerian Kewangan. Pada tahun 2010 beliau telah ditukarkan ke Bahagian Analisa Cukai (Operasi), Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Kanan Setiausaha Bahagian. Perkhidmatan beliau di KPKT bermula selepas beliau dinaikkan pangkat ke Gred Utama B pada Mei 2012 dan menyandang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembanguan) sehingga sekarang.

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBHG. DATIN **NORIAH HASHIM**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



YBhg. Datin Noriah Hashim telah dilahirkan di Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang pada 12 Jun 1954 dan merupakan pemegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau pernah berkhidmat sebagai guru dan Pegawai Tadbir di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan mula memasuki perkhidmatan awam pada tahun 1978 sebagai Pegawai Pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara. Dua (2) tahun kemudian, beliau mengikuti Kursus Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Selepas tamat kursus, beliau bertugas sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan, Kementerian Kewangan. Enam (6) tahun kemudian, beliau mengikuti kursus Diploma Sains Pengurusan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selama enam (6) bulan. Beliau dilantik sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Dasar, Kementerian Pertahanan sebelum mengikuti kursus Sarjana Pentadbiran Awam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1990 hingga 1992. Setelah tamat pengajian, beliau menjawat jawatan Penolong Setiausaha, Bahagian Industri di Kementerian Perusahaan Awam. Pada Ogos 1994, beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Industri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebelum menjawat jawatan yang sama di Bahagian Perkhidmatan, Kementerian Pembangunan Usahawan. Pada tahun 2000, beliau menjawat jawatan Timbalan Pengarah (Pengurusan) di Hospital Alor Setar, Kedah. Pada tahun 2004, beliau ditempatkan sebagai Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang. Dua (2) tahun kemudian, beliau dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Kewangan, KPKT dan seterusnya menyandang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) bermula Julai 2007 sehingga sekarang.

YBhg. Datin Noriah Hashim juga banyak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti luar dan memegang beberapa jawatan penting antaranya sebagai Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Negeri Selangor bermula pada Disember 2010 sehingga sekarang; Timbalan Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) bagi tahun 2010 sehingga 2012; Pengerusi PUSPANITA Cawangan KPKT bermula pada tahun 2012 sehingga sekarang; dan Penasihat Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KESKEP) dari 1 Julai 2007 sehingga sekarang.

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBHG. DATO' **FADZIL HAJI MOHD KHIR**

Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia



YBhg. Dato' Fadzil Haji Mohd Khir dilahirkan pada 26 Februari 1954 di Telok Air Tawar, Pulau Pinang. Berkelulusan Ijazah Perancangan Bandar dan Wilayah dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1979, *Certificate in Development Planning-Urban Land Policy and Management* dari University College London, United Kingdom pada 1991 dan *Certificate in City Planning II* – Japan International Cooperation Agency, Tokyo, Japan pada tahun 1999.

YBhg.Dato' Mohd Fadzil telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam lebih 30 tahun bermula pada Jun 1979 sebagai Penolong Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah. Kemudian memangku Tingkatan Kanan Penolong Pengarah di Bahagian Luar Bandar, JPBD Semenanjung Malaysia pada tahun 1982, memangku jawatan yang sama tetapi di Bahagian Kawasan pada 1983. Menjadi Pengarah di JPBD Negeri Kedah (1985), Negeri Melaka (1992), dan Negeri Terengganu (1997). Tugas beliau diteruskan lagi sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JPBD SM, pada tahun 2001 dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) pada 2003. Kini beliau merupakan Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia.

YAS DATO' **WAN MOHD NOR HAJI IBRAHIM**

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia



YAS Dato' Wan Mohd Nor Hj. Ibrahim telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia pada 1 November 2010 dengan menjawat jawatan Gred Utama 'A'. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang pengajian *'Nuclear Science'*. Beliau juga telah mengikuti program Diploma Sains Pengurusan di INTAN pada tahun 1990. Pada tahun 1997 YAS Dato' telah menghadiri Kursus *Brigade Command Course* di Fire Service College, United Kingdom. Pada tahun 2000 YAS Dato' Wan Mohd Nor telah berjaya mengikuti program peringkat *Master Fire Science* di dalam bidang pengajian ERP di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Di dalam aktiviti sosial dan kebajikan YAS Dato' Wan Mohd Nor merupakan *Senior Vice President, International Fire Chiefs' Association of Asia* (IFCAA), *Past President, Institution of Fire Engineers* (UK) Malaysia Branch, Yang DiPertua Majlis Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Bomba Malaysia (MASKAB), Yang DiPertua Koperasi Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM) dan *Past President, The Institution of Master In Disaster and Emergency Managemant Malaysia* (IMDEMM).

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBHG. DATO' **HALIMI ABD. MANAF**
Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan



YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf dilahirkan pada 13 April 1959 di Temerloh, Pahang. Beliau adalah pemegang B.A (Hons) Psikologi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia daripada pada tahun 1982 dan seterusnya menerima Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara pada tahun 1983. Pada tahun 1994, beliau telah dianugerahkan M.SC. Human Resource daripadaUniversity of Scranton, Pennsylvania, Amerika Syarikat.

Setelah tamat pengajian, YBhg. Dato' Halimi menyertai sektor awam pada tahun 1984 sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia. Seterusnya pada tahun 1990, beliau telah memegang portfolio di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai Penolong Setiausaha Pentadbiran dan kemudiannya menerima jawatan sebagai Penolong Pengarah pada tahun 1994 di Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Mulai 1998, kegigihannya dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang diteruskan dengan menjawat jawatan sebagai Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Gaji dan Elaun, JPA. Setelah hampir (9) tahun mencurahkan bakti di JPA, YBhg. Dato' Halimi telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Selangor mulai tahun 2006. Namun, atas khidmat beliau sebelum ini, pada tahun 2007 YBhg. Dato' Halimi diberi kepercayaan untuk menjalankan tanggung jawab sebagai Timbalan Pengarah di Bahagian Gaji dan Elaun, JPA. Pada tahun 2008, kerjaya beliau terus menyinar apabila dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Kerajaan Tempatan. Berlandaskan pengalaman dan kepimpinan beliau di JKT, YBhg. Dato' Halimi telah dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Pengarah mulai 8 November 2011.

YANG BERUSAHA **HAJI ESA HAJI AHMAD**
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara



Yang Berusaha Haji Esa Haji Ahmad telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN) pada 4 Februari 2010. Beliau memiliki kelulusan B. Agric. Sc. dari Universiti Putra Malaysia dan M. Landscape Design dari Newcastle Upon Tyne, United Kingdom.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1982 sebagai Pegawai Pertanian, Projek Johor Barat, Batu Pahat. Di antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau adalah Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JLN dari Januari 2009 hingga Januari 2010; Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JLN pada tahun 2006, Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat, JLN pada tahun 2004 hingga 2005; Pengarah Rekabentuk dan Penyenggaraan, JLN (1997 hingga 2004); Pegawai Pertanian Unit Landskap dan Florikultur, Jabatan Pertanian, Kuala Lumpur; 1993-1997 Pegawai Pertanian-Simpanan dalam Latihan pada tahun 1991 hingga 1993 dan Pegawai Pertanian, Projek Johor Barat, Batu Pahat pada tahun 1982 hingga 1991

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBHG. DATO' **DR. MOHD PADZIL HASHIM**
Ketua Pengarah
Jabatan Perumahan Negara



YBhg. Dato' Dr. Mohd Padzil Hashim dilahirkan pada 10 Januari 1954 di Selangor. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi Analitikal dari Universiti Malaya pada tahun 1977 dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) pengkhususan dalam Kewangan dan Perbankan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1990. Beliau memperolehi PhD. dalam bidang kewangan dan perbankan dari Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM), Universiti Putra Malaysia pada tahun 2001.

YBhg. Dato' Dr. Mohd Padzil memulakan kerjaya beliau sebagai seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada tahun 1977di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya beliau dinaikkan pangkat dan meneruskan perkhidmatan beliau sebagai Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1990. Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Setiausaha (Gred Utama C) di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2001. Pada 2008, beliau telah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) (Gred Utama B) di Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Seterusnya beliau telah meneruskan perkhidmatan sebagai Pensyarah Kanan dan Konsultan mengenai ekonomi dan kewangan di Institut Kebangsaan Pentadbiran Awam (INTAN), Kuala Lumpur pada tahun 2009 sebelum beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah JPN pada tahun 27 Ogos 2012.

YBHG. DATO' **DR. NADZRI YAHAYA**
Ketua Pengarah
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara



YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya dilahirkan pada 27 Mei 1957 di Tanjung Api, Kuantan Pahang. Beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pada Julai 2007.

Pemegang Ph.D daripada Universiti Of Wales, Cardiff, United Kingdom ini memulakan kerjayanya pada tahun 1982 di Kementerian Kewangan sebagai Penolong Setiausaha sebelum dilantik sebagai Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Pemuliharaan dan Persekitaran di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada tahun 1993. Pada tahun 2000, beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah di Bahagian yang sama sehingga tahun 2002. Antara jawatan lain yang pernah disandang oleh beliau adalah Timbalan Pengarah di Unit Kawalan Perubahan Iklim dan Pencemaran di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2002 dan pada tahun 2004 sebagai Timbalan Setiausaha di Unit yang sama.

Di peringkat antarabangsa, beliau turut berpengalaman luas mewakili negara dalam beberapa rundingan perjanjian alam sekitar pelbagai hala dalam perubahan iklim, kepelbagaian biologi, lapisan ozon, bahan kimia dan sebagainya. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Standard Industri Mengenai Pengurusan Alam Sekitar dari 1 Julai 2002 sehingga kini. Beliau juga merupakan Anggota Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam sehingga kini.

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBHG. **DATUK HAJI ZAINI MD NOR**
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam



YBhg.Datuk Haji Zaini Md Nor dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) pada 11 Februari 2008. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi(Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Kemajuan Perindustrian padatahun 1985 di Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dan seterusnya, beliau dinaikkan pangkat dan meneruskan perkhidmatan beliau sehingga menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PKNM. Seterusnya pada tahun 2003, beliau telah dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Semasa menjalankan tugas sebagai Datuk Bandar, beliau juga merupakan Pengerusi *Asia Cities Against Drugs* dari tahun 2005 sehingga tahun 2007. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah di beberapa buah anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka dari tahun 2000 sehingga tahun 2008. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Penasihat Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri dari tahun 2008 sehingga kini.

YANG BERUSAHA **SHAMSULBAHRI HAJI IBRAHIM**
Pengerusi
Tribunal Tuntutan Pembeli RumahAwam



Yang Berusaha Tuan Shamsulbahri Haji Ibrahim telah dilantik sebagai Pengerusi Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah mulai 1 Oktober 2011. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B)(Hons) daripada Universiti Islam Antarabangsa dan Ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam pada Januari 1990 apabila menyertai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sebagai Penolong Penggubal Undang-Undang Parlimen di Jabatan Peguam Negara sebelum dilantik sebagai Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang mulai Januari 1994. Kemudian beliau dilantik sebagai Hakim Peguam di Kementerian Pertahanan sebelum berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Kementerian Perumahan dan KerajaanTempatan mulai Ogos 1999. Seterusnya beliau berkhidmat sebagai Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen di Jabatan Peguam Negara mulai Mei 2004 sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Bahagian Penyelidikan di Jabatan yang sama mulai Mac 2009.

PENGURUSAN TERTINGGI

YANG BERUSAHA **JAZMAN AZI JAMALLUDIN**
Pengarah
Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan



Yang Berusaha Jazman Azi Jamalludin dilahirkan pada 1 Disember 1973 di Kampung Raut, Yan, Kedah. Beliau memegang Ijazah Pertama BA (Hons) Bahasa Arab dari Jabatan Komunikasi, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir pada tahun 1996 dan Ijazah Sarjana Pengurusan Strategik dari Waseda University, Tokyo, Jepun pada 2005.

Memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Awam pada 15 September 1997, penempatan pertama beliau bermula sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M3 di Cawangan Kontrak dan Bekalan, Bahagian Kewangan, Kementerian Penerangan Malaysia. Seterusnya beliau berkhidmat ke Bahagian Kabinet Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan PerdanaMenteri (JPM) sebagai Penolong Pengarah, PTD M3 mulai 1 Mei 2001. Antara jawatan lain yang pernah disandang oleh beliau ialah Penyelaras Projek Kanan di Institut Tadbir Awam Negara (INTAN) dan ketua PTD M48 Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau ditempatkan di Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (ILPKT) mulai 22 Jun 2012 dan menjalankan tugas sebagai Pengarah Gred M54 (Terbuka)

SETIAUSAHA BAHAGIAN DAN UNIT



Dari kiri:

Yang Berusaha Tuan Iskandar Ali Dewa
Setiausaha Bahagian Undang-undang

Yang Berusaha Puan Nor Inchun Haji Mohd Salleh
Setiausaha Bahagian Kewangan dan Perolehan

Yang Berusaha Tuan Haji Abu Bakar Johar
Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek

Yang Berusaha Dr. Ab Rahman Awang
Setiausaha Bahagian Dasar

SETIAUSAHA BAHAGIAN DAN KETUA UNIT



Dari kiri:

Yang Berusaha Tuan Mohamad Khir Lazim
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

YBhg. Datin Maziah Adnan
Setiausaha Bahagian Inspektorat

Yang Berusaha Tuan Mohd Nadzri Abdul Rahman
Setiausaha Bahagian Sumber Manusia

Tiada dalam gambar:

Yang Berusaha Tuan Mohd Khir Md Yusof
Setiausaha Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai

SETIAUSAHA BAHAGIAN DAN KETUA UNIT



Dari kiri:

Yang Berusaha Tuan Ooi Seong Hoe
Setiausaha Bahagian Korporat

Yang Berusaha Puan Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Yang Berusaha Puan Lim Sok Kiang
Ketua Unit Audit Dalam

Yang Berusaha Tuan Abdul Latif Ismail
Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat



BELANJAWAN KPKT



Peruntukan Mengurus dan Pembangunan

Bagi tahun kewangan 2012, KPKT telah menerima peruntukan Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1,626,635,510. Manakala peruntukan Perbelanjaan Pembangunan adalah sebanyak RM1,586,241,320. Jumlah kedua-kedua peruntukan adalah sebanyak RM3,212,876,830. Pecahan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2012 mengikut jenis peruntukan adalah seperti di Carta 1.

Carta 1 Peruntukan Mengurus dan Pembangunan Tahun 2012



Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Mengurus sehingga 31 Disember 2012 adalah sebanyak 100% iaitu RM1,626,634,906 berbanding peruntukan sebanyak RM1,626,635,510.

Prestasi berdasarkan program/aktiviti adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 Prestasi Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2012

Bil	Program/ Aktiviti	Kod	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pengurusan Am	010100	72,517,888	72,517,780	100
2	Inspektorat	010200	2,241,412	2,241,406	100
3	Korporat	010300	3,332,328	3,331,985	99.99
4	Unit Audit Dalam	010400	966,300	966,284	100
5	Undang-Undang	010500	1,037,926	1,037,911	100
6	Sumber Manusia	010600	4,721,722	4,721,629	100
7	Teknologi Maklumat	010700	4,947,400	4,947,187	100
8	Kewangan dan Perolehan	010800	2,855,011	2,855,005	100
9	Pembangunan dan Pelaksanaan	020100	22,761,456	22,761,456	100
10	Dasar	020200	1,945,180	1,945,128	100
11	Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai	020300	4,452,316	4,452,216	100
12	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah	030000	4,271,885	4,271,885	100
13	Perumahan Negara	040000	25,151,131	25,151,295	100
14	Kerajaan Tempatan	050000	356,332,941	356,332,013	100
15	Landskap Negara	060000	11,203,666	11,199,656	99.96
16	Perancangan Bandar dan Desa	070000	51,181,866	51,180,812	100
17	Bomba dan Penyelamat Malaysia	080000	674,961,500	674,982,622	100
18	Pengurusan Sisa Pepejal Negara	090000	23,875,508	23,875,480	100
19	Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan	100000	4,505,426	4,505,426	100
20	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	110000	240,000,000	240,000,000	100
21	Bertugas Luar Negara	120100	2,900,113	2,900,113	100
22	Emolumen Kakitangan Kontrak	120200	3,565,823	3,558,895	99.81
23	Perpindahan Kementerian ke Putrajaya	130100	44,514,120	44,514,120	100
24	Bayaran Kepada Syarikat Konsesi	130200	25,528,314	25,528,314	100
25	Kos Operasi dan Penyelenggaraan 4 Mini Insinerator	130300	3,436,516	3,436,516	100
26	Penyelenggaraan Taman Lembah Kiara dan Taman Bukit Kiara	130400	1,157,562	1,157,561	100
27	Saraan Baru Perkhidmatan Awam	130500	0	0	0
28	Aset KPKT	140100	559,000	558,673	99.94
29	Aset JKT	140200	1,381,000	1,377,725	99.76
30	Aset JPBD	140300	1,326,900	1,326,871	100
31	Aset JBPM	140400	30,227,061	30,227,060	100
32	Aset ILPKT	140500	1,676,352	1,671,995	99.74
	Jumlah Keseluruhan		**1,626,635,510**	**1,626,634,906**	**100**

Sumber: Laporan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 (Sehingga 06 Februari 2013)

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan sehingga 31 Disember 2012 adalah sebanyak 98.16% iaitu RM1,557,058,510 berbanding peruntukan sebanyak RM1,586,241,320.

Prestasi berdasarkan program/aktiviti adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2012

Bil	Program/ Aktiviti	Kod	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Projek Kecil Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	00100	296,950,500	276,763,033	93.20
2	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	00500	352,410,460	352,398,928	100.00
3	Program Komputerasi di PBT	01200	165,000	165,000	100.00
4	Penyelidikan Perumahan dan Penyelidikan Pembangunan	01402	1,000,000	595,007	59.50
5	Program Perumahan Rakyat Dimiliki	01513	1,000,000	37,870	3.79
6	Program Perumahan Rakyat Disewa	01600	326,919,932	326,387,767	99.84
7	Program Perumahan Rakyat Bersepadu	01603	25,894,000	24,299,975	93.84
8	Pemulihan Projek-Projek Perumahan Swasta Terbengkalai	01604	95,155,000	92,000,465	96.68
9	Rancangan Tempatan	01901	1,490,000	1,466,874	98.45
10	Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar	01903	342,000	327,218	95.68
11	Pembangunan Teknologi Maklumat JPBD (e-Plan)	01904	750,000	736,169	98.16
12	Rancangan Fiskal Negara	01905	617,500	598,772	96.97
13	Rancangan Wilayah	01906	107,010	105,400	98.50
14	Rancangan Kawasan Khas	01907	801,010	638,916	79.76
15	Pembangunan Taman Awam	02101	7,738,500	6,971,397	90.09
16	Pembangunan Landskap	02102	3,311,400	3,109,681	93.91
17	Penyelidikan dan Pemulihan Landskap	02104	1,400,000	1,153,011	82.36
18	Pengurusan Landskap	02105	1,442,400	1,363,808	94.55
19	Bahagian Kemajuan Perkampungan	03100	139,810,000	139,487,348	99.77
20	Pembinaan Bangunan JBPM di Semenanjung Malaysia	30000	135,932,107	135,675,463	99.81
21	Pembinaan Bangunan JBPM di Sarawak	30001	3,761,722	3,616,696	96.14
22	Pembinaan Bangunan JBPM di Sabah	30002	1,049,000	1,048,812	99.98
23	Perolehan Kenderaan Helikopter dan Kelengkapan Bomba	31000	188,193,779	188,110,900	99.96
	Jumah Keseluruhan		**1,586,241,320**	**1,557,058,510**	**98.16**

Sumber: Laporan Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 (Sehingga 6 Februari 2013)

Prestasi Pembayaran Bil Dan Tuntutan KPKT

Jadual 3 Prestasi Pembayaran Bil Dan Tuntutan KPKT Sehingga 31 Disember 2012

Bulan	Tempoh						Jumlah Bil
	1 – 7 hari		8 – 14 hari		Lebih 14 hari		
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	
Januari	4,042	97.68	82	1.98	14	0.34	4,138
Februari	2,661	98.26	47	1.74	0	0.00	2,708
Mac	4,474	95.86	193	4.14	0	0.00	4,667
April	5,028	96.12	202	3.86	1	0.02	5,231
Mei	4,799	95.26	237	4.70	2	0.04	5,038
Jun	4,879	94.32	294	5.68	0	0.00	5,173
Julai	7,036	96.08	286	3.91	1	0.01	7,323
Ogos	4,398	95.92	187	4.08	0	0.00	4,585
September	3,864	93.22	281	6.78	0	0.00	4,145
Oktober	4,942	94.44	291	5.56	0	0.00	5,233
November	4,818	93.44	338	6.56	0	0.00	5,156
Disember	9,785	95.51	458	4.47	2	0.02	10,245
Jumlah	**60,726**	**95.42**	**2,896**	**4.55**	**20**	**0.03**	**63,642**



Perolehan

Bagi tahun kewangan 2012, sebanyak RM1,358,139,653 telah diselaraskan untuk perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus bagi jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di KPKT.

Carta 2 Perolehan secara pembelian terus, tender, sebut harga dan rundingan terus bagi tahun 2012



Dari jumlah tersebut, pecahannya adalah seperti berikut:-

I. Pembelian Terus	:	RM573,053,801
II. Sebut Harga	:	RM82,682,026
III. Tender	:	RM312,691,070
IV. Rundingan Terus	:	RM389,712,756





LAPORAN PENCAPAIAN

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) MENTERI

KEBERHASILAN BESAR YANG PANTAS 2012

KAEDAH 1	KAEDAH 2	KAEDAH 3
94%	90%	85%

PENCAPAIAN UTAMA 2012

1 Mengurangkan kawasan setinggan di kawasan bandar dan menawarkan peluang untuk memiliki/menyewa rumah bagi golongan yang berpendapatan rendah di kawasan bandar

	Disewa	Pemilikan Rumah
SASARAN	53,780	2,909
PENCAPAIAN	54,006	2,978





2 Memulihkan projek perumahan swasta berlesen yang terbengkalai

SASARAN	PENCAPAIAN
Projek 35	Projek 35

(Memanfaatkan 4916 pembeli rumah dengan 8269 unit rumah)



Sebelum



Selepas

3 Peningkatan kecekapan khidmat penyampaian di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

	Kelulusan Perancangan	Kelulusan Pelan Bangunan
SASARAN	91%	91%
PENCAPAIAN	91.7%	96.3%



KAEDAH PENGUKURAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Kad Skor KPI menilai setakat mana Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dirancang bagi setiap Projek Permulaan mendapat keputusan yang diingini untuk tahun lalu. Keputusan sebenar untuk setakat ini disampaikan dalam tiga (3) kaedah pemarkahan.

Kaedah 1: Menyediakan refleksi pencapaian sebenar. Jika mana-mana KPI melepasi sasarannya dengan ketara, keputusannnya akan dibentangkan dalam peratusan yang besar dengan melebihi had 100%.

Kaedah 2: Direka untuk menampung pencapaian KPI dengan keputusan kuantitatif yang ketara. Di bawah kaedah ini apa-apa pencapaian dihadkan kepada 100%.

Kaedah 3: Mewakili gambaran mudah pencapaian KPI. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang telah mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5 dan KPI yang kurang dari separuh sasarannya diberi gred 0.

KAD SKOR

KPI	Pemberat	Pencapaian 2012	Sasaran 2013	Inisiatif
Penilaian Kriteria Kualitatif	10%			
NKEA	30%			
1. Memulihara Sungai Klang menjadi Kawasan Warisan dan Perdagangan (GKL EPP # 5)				
1.1 Peratus pengurangan aras minyak dan gris di 83 perangkap gris komunal yang dipasang di pusat penjaja MPS dan MPAJ		KPI Baru	92%	
2. Membangunkan Ekosistem Pengurusan Sisa Pepejal yang Cekap (GKL EPP # 9)				
2.1 Penyediaan kemudahan sistem kompos atau pencernaan anaerobik untuk sisa makanan		Mengenalpasti loji rawatan kumbahan yang sesuai untuk loji rawatan hibrid STP / sisa makanan (100%)	Penyediaan Terma dan Syarat Kemudahan AD	• Menandatangani MOU antara Pemilik STP / AC dengan KPKT / Pengendali Kemudahan AD • Menyediakan dref peraturan untuk menguruskan Sisa AD di kawasan Greater KL / Lembah Kelang
2.2 Penyediaan kemudahan membina dan memusnah sisa		Pembelian peralatan untuk menaik taraf kemudahan sedia ada di Sg. Kertas.	Memulakan operasi	• Menandatangani MoU antara KPKT dan operator kemudahan sisa CD • Menyiapkan draf peraturan dan melaksanakannya di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan • Penguatkuasaan peraturan terhadap pembuangan haram / sisa binaan
SRI & MKRA	60%			
SRI				
1. Persaingan, Standard dan Liberalisasi (SRI CSL)				
1.1 Proses Perniagaan / Prosedur untuk perkhidmatan pembakaran		KPI Baru	Proses / Prosedur lengkap	

NOTA:
NKEA - Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Economic Areas)
MKRA - Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (Ministerial Key Result Areas)
SRI - Inisiatif Pembaharuan Strategik (Strategic Reform Initiatives)

KPI	Pemberat	Sasaran 2012	Sasaran 2013	Inisiatif
MKRA				
1. Kemudahan Perumahan Bagi Kategori Berpendapatan Rendah (<RM2, 500) Dan Setinggan Melalui Sewa Atau Pemilikan Rumah Di Kawasan Bandar				
1.1 Bilangan Projek Perumahan Rakyat (PPR) siap dibina dengan Sijil *Completion and Compliance* (CCC)		2,336	2,737	Untuk melengkapkan 7 projek (2,737 unit) dengan CFO / CCC: • PPR Lintas Sibugar, Sandakan, Sabah (500 unit) • PPR Gua Musang, Kelantan (1,000 unit) • PPR Disewa Batu 2 1/2 Jalan Simpang Taiping, Perak (240 unit) • PPR Kg. Hassan, Hulu Selangor (300 unit) • PPR Ladang Siliau, Port Dickson, Negeri Sembilan (150 unit) • PPR Jalan Kg. Gong Batu, Siburan, Sarawak (500 unit) • PPR Dimiliki Bandar Baru Jerantut Fasa II, Pahang (47 unit)



KPI	Pemberat	Sasaran 2012	Sasaran 2013	Inisiatif
2. Kelulusan Pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan				
2.1 Peratus Kebenaran Merancang yang diproses dan diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan		91%	94%	Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) di 104 PBT
2.2 Peratus Pelan Bangunan yang diproses dan diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan		91%	85%	Tempoh masa dikurangkan daripada 67 hari kepada 37 hari
2.3 Memperbaiki Kedudukan dalam Urusan Permit Pembinaan, Laporan Menjalankan Perniagaan, Bank Dunia bagi tahun 2014		KPI Baru	Atas 80	



KPI	Pemberat	Sasaran 2012	Sasaran 2013	Inisiatif
3. Memulihkan Projek-Projek Perumahan Berlesen Swasta Sedia Ada Yang Terbengkalai				
3.1 Bilangan projek perumahan berlesen swasta terbengkalai yang dipulihkan		35	30	Insentif ditawarkan melalui Bajet 2013
4. Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Bomba Dan Penyelamat				
4.1 Peratusan keseluruhan *response time* yang direkodkan dalam tempoh masa yang ditetapkan (i) Zon 1: Kurang dari 10 minit (ii) Zon 2: Kurang dari 20 minit		KPI Baru	90%	





LAPORAN PENCAPAIAN
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KSU

Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran 2012	Pencapaian Sebenar	Status	Penjelasan/ Catatan/ Kaveat (jika ada)
KPI 1: Kemudahan Perumahan Bagi Golongan Berpendapatan Rendah (RM<2,500) dan Setinggan untuk Menyewa atau Memiliki Rumah				
1.1. Mensasarkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Disewa dengan CCC / CFO/ OC disiapkan bagi keluarga berpendapatan rendah dan setinggan menjelang Disember 2012.	1 projek	2 projek	ET	Tiada sasaran setengah tahun JPN mensasarkan dua (2) projek iaitu: 1. Batu Berendam , Melaka (336 unit) CCC – 31/12/2012 2. Sg. Manila, Labuk, Sandakan (1000 Unit) OC – 20/12/2012
1.2. Mensasarkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki dengan CCC / CFO disiapkan bagi keluarga berpendapatan rendah dan setinggan menjelangDisember 2012	1 projek	1 projek	OT	PPR Dimiliki Kuala Pahang Fasa II, Pekan, Pahang (32 unit) Tarikh CCC: 6 Disember 2011
1.3. Mensasarkan pengurangan kelulusan Extension OfTime (EOT) untuk Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi keluarga berpendapatan rendah dan setinggan bagi tahun 2012.	35%	22.92%	ST	Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 11 projek telah menerima kelulusan Extension ofTime (EOT) untuk Projek Perumahan Rakyat (PPR).
KPI 2: Menyelaras Pemulihan Projek Perumahan (Swasta) Terbengkalai				
2.1 Mensasarkan pemulihan projek perumahan swasta berlesen yang terbengkalai di Semenanjung Malaysia bagi membantu meringankan permasalahan yang dihadapi oleh pembeli yang terlibat menjelang Disember 2012.	35 projek	35 projek	ST	• Melibatkan 4,827 pembeli dan 8,572 unit rumah



Petunjuk							
	BT	*Below Target* *Di Bawah Sasaran*	OT	*On Target* *Menepati Sasaran*	ET	*Exceed Target* *Melepasi Sasaran*	ST	*Significantly Exceed Target* *Sangat Melepasi Sasaran*

Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran 2012	Pencapaian Sebenar	Status	Penjelasan/ Catatan/ Kaveat (jika ada)
KPI 3: Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan PBT di Semenanjung Malaysia				
3.1 KPI ini mengukur peratusan pencapaian One Stop Centre (OSC) di dalam proses permohonan kebenaran merancang dan permohonan pelan bangunan bagi menjamin kepatuhan dan kawalselia. 3.1.1 Peratusan permohonan Kebenaran Merancang diluluskan mengikut tempoh masa seperti di dalam tempoh piagam	89.0%	95.1%	ST	
3.1.2 Peratusan permohonan Pelan Bangunan diluluskan mengikut tempoh masa seperti di dalam tempoh piagam	89.0%	97.3%	ST	
KPI 4: Program Bandar Selamat				
4.1 Pelaksanaan 5 langkah segera Program Bandar Selamat oleh PBT akan disiapkan bagi tahun 2012 untuk mengurangkan kadar jenayah yang dilaporkan iaitu: - • Pencahayaan • Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor • Cermin keselamatan • Tempat letak motosikal berkunci; dan • Papan tanda (contoh tanda peringatan jenayah, tanda arah Balai Polis atau talian kecemasan)	89.0%	97.3%	ST	



Petunjuk	BT	Below Target Di Bawah Sasaran	OT	On Target Menepati Sasaran	ET	Exceed Target Melepasi Sasaran	ST	Significantly Exceed Target Sangat Melepasi Sasaran

Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran 2012	Pencapaian Sebenar	Status	Penjelasan/ Catatan/ Kaveat (jika ada)
KPI 5 : Pewartaan Rancangan Tempatan				
5.1 Mewartakan Rancangan Tempatan menjelang Disember 2012				Digugurkan kerana sasaran yang ditetapkan adalah di luar bidang kawalan KPKT.
KPI 6: Kajian Penyelidikan dan Garis Panduan Perancangan Baru				
"Bagaimanapun, orang mai tidak perlu bimbang d ngan penggunaan teknolo itu kerana segala aktiviti dipantau Jabatan Alam S kitar (JAS) secara terperin dan berkala," katanya.

Beliau berkata demiki selepas melawat pameran h sil makmal pengurusan si pepejal anjuran Jabatan P ngurusan Sisa Pepejal Neg ra (JPSPN) di sini, semalam

Hadir sama, Ketua Peng rah JPSSN, Datuk Nadzri Y haya.

Sukarelawan bomba dilindungi insurans

Kerajaan bersetuju memberi perlindungan insurans secara berkelompok kepada anggota Pasukan Bomba Sukarela, mulai 1 Januari tahun depan, sebagai insentif kepada pasukan itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, berkata kerajaan juga sedang menimbang untuk membayar elaun kepada pasukan berkenaan, berikutan risiko terdedah kepada bahaya ketika melaksanakan tugas.

"Bagi membantu Pasukan Bomba Sukarela menjalankan tanggungjawab dan tugas, kementerian memberi pelbagai bantuan, termasuk kenderaan bomba dan latihan serta peralatan kebombaan seperti pam, jaket api, kasut api dan topi keledar," katanya menjawab soalan Datuk Ismail Mohamed Said (BN-Kuala Krau).

Chee Heung berkata, Pasukan Bomba Sukarela ditubuhkan antaranya untuk memastikan bantuan awal bagi operasi memadam kebakaran dan menyelamat dapat diberikan dengan lebih pantas, terutama di kawasan jauh daripada balai bomba.

Katanya, anggota pasukan itu turut membantu dalam penjagaan dan pemeriksaan pili bomba serta memberikan khidmat nasihat kepada masyarakat setempat mengenai bahaya kebakaran dan langkah pencegahannya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Dr Mohd Hayati Othman (PAS-Pendang), beliau berkata sehingga kini sebanyak 350 Pasukan Bomba Sukarela ditubuhkan di seluruh negara dan daripada jumlah ini, 47 pasukan dengan keanggotaan 2,030 aktif di Kedah.

Katanya, kementerian juga sedang berusaha mendapatkan pertimbangan dan kelulusan peruntukan khas geran bantuan bagi menampung kos pengurusan pengoperasian pasukan yang bergerak aktif.

Chee Heung berkata, peruntukan khas itu adalah untuk membantu pembiayaan kos seperti bahan bakar, pemeriksaan Puspakom Sdn Bhd, penyelenggaraan kenderaan atau peralatan, termasuk insurans bagi kenderaan bomba sukarela.





...tankuasa khas ...t tanah runtuh

Puan Seri Norainee Abdul Rahman, jam 4.30 petang sebelum diberi taklimat 15 minit oleh Timbalan Ketua Polis Daerah Sentul, Superintendan Othman Abu Bakar dan meninjau pasukan keselamatan yang bertugas menjaga situasi, termasuk Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), BELA dan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur.

Dalam kejadian Jumaat lalu, kejadian tanah runtuh di lereng bukit di Puncak Setiawangsa mengakibatkan 106 penghuni rumah banglo, rumah teres dan rumah kedai diarahkan berpindah.

Muhyiddin berkata, laluan alternatif sedang dibina untuk membolehkan pendakian di kawasan ini keluar masuk ke perumahan mereka untuk mengambil barang keperluan dan harta benda.

Jaminan keselamatan

Muhyiddin turut memberi jaminan keselamatan harta benda penduduk akan sentiasa dijaga kerana polis membuat rondaan 24 jam.

"Saya bersyukur tiada kemalangan jiwa berlaku dan berterima kasih kepada penduduk kerana mengikut arahan supaya berpindah ke kawasan selamat," katanya.

" ***Kita ambil iktibar apa yang berlaku di sini. Duku di sekitar***

robohkan DBKL secara berperingkat mulai hari ini bagi mengelakkan keadaan tanah menjadi berat dan menjejaskan keselamatan penduduk dan bangunan di bawah kaki bukit.



Chee Heung (empat dari kiri) mendengar penjelasan pemaju ketika ***melawat projek PPR*** *di Bandar Baru Gua Musang, semalam.* FOTO RAMLI IBRAHIM/BH

Isu pemilikan PPR selesai tahun depan

» *45 projek perumahan lagi*

Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, berkata kementeriannya sudah mendapat peruntukan tambahan lepas melawat PPR Bandar Baru Gua Musang, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Arpah Abdul Razak; Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK), Datuk Makhtar Mustafa; Ahli Dewan Rakyat Bandar Gua Musang, di sini, semalam.

FAKTA NOMBOR

1,000 unit

PPR di Gua Musang menelan kos RM150j

Kita berpuas hati dengan projek pertama membabitkan 1,000 unit dengan perbelanjaan RM150 juta yang dibina di Gua Musang ini dan bakal dinikmati penduduk dalam masa terdekat ini.

"Dimaklumkan rancang tahun depan itu, Kelantan turut berhabis dengan pelaksanaan projek kedua selepas yang pertama di Gua Musang.

Bagaimanapun, katanya, lokasi bagi pembinaan projek kedua PPR itu membabitkan 100 unit belum dikenal pasti kerana masih dalam penilaian mengikut kesesuaian tempat.

"Kita berpuas hati dengan projek pertama membabitkan 1,000 unit dengan perbelanjaan RM150 juta yang dibina di Gua Musang ini dan bakal dinikmati penduduk dalam masa terdekat ini.

"Dimaklumkan penyelenggaraan bakal dilaksukan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Alor Setar berkata, rumah pangsa di bawah Parlimen Alor Setar bakal menjadi yang pertama melaksanakan penyelenggaraan itu, namun lantikan pelaksanaannya perlu dibuat terlebih dahulu.

Beliau berkata, penyelenggaraan bakal dilaksanakan itu termasuklah rumah pangsa di negeri yang berada bawah pentadbiran Pakatan Rakyat.

Menurutnya, kemudahan yang diberikan itu banyaklah untuk kebaikan penduduk juga supaya kelihatan lebih cantik dan bersih, manakala di kebanyakan rumah pangsa adalah tanggungjawab penduduk.

"Kita berharap pangsa ini ramai memberi kemudahan yang lebih baik kepada penduduk rumah pangsa," katanya.

Sementara itu, pada majlis yang





INFO

Projek baik pulih rumah pangsa Lobak:

- **Mengecat** 13 blok rumah pangsa.
- **Membaiki** dan mengecat semua tangki air.
- **Mengganti** keramik dan bumbung serta saluran air hujan.
- **Pendamaian semula** dan memasang lampu baru di koridor bangunan.
- **Memasang lampu jalan** baru.
- **Menaik taraf** sistem perpaipan kuran.
- **Menurap jalan** dan mengecat garisan tempat letak kenderaan.
- **Menaik taraf** dan mengecat dewan orang ramai.
- **Memasang pagar** baru.
- **Mengindahkan** landskap, memasang peralatan permainan kanak-kanak, tong sampah, kerusi taman dan menanam pokok.
- **Menaik taraf** gelanggang futsal dan blok keranjang.
- **Meningkatkan rondaan** keselamatan.
- **Memasang tempat letak motosikal berkunci** dan papan tanda laluan kecemasan PDRM.



Mentari Besar Noh ketika melawat

MASALAH pemasangan jeriji konkrit menjadi dilema kepada anggota bomba terutama apabila melakukan kerja memadam api di kawasan kediaman.

Cuai punca utama kes kebakaran

KEBAKARAN menjadi antara musibah yang mendatangkan kerugian terbesar kepada masyarakat dan pada 2011, RM857 juta lesapkan kerugian dicatatkan dan ia meningkat sebanyak 22 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Berdasarkan perangkaan pusa kebakaran di Malaysia pada 2011 seperti yang dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat merupakan 6,681 kebakaran bermasuk rumah

Jeriji besi bagai perangkap maut

JERIJI rumah adalah antara cara utama pasukan bomba merutama dalam melakukan kerja menyelamat dalam kebakaran.

Pemasangan jeriji membuatkan pihak bomba terpaksa mencari jalan untuk membuka pintu atau tingkap rumah dan ini mengambil masa dalam kerja menyelamat.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata pihak bomba sering berdepan dengan dilema sentara dua bentuk keselamatan yang perlu ditimbangkan antara kebakaran dan pencurian.

"Dilema ini membuatkan pihak kami terus di persimpangan terutama dalam memastikan rumah kediaman tidak dipasang dengan menggunakan jeriji yang menyukarkan kerja memadam kebakaran atau menyelamat dilakukan," katanya mengakui terdapat beberapa jenis jeriji yang dibenarkan untuk dipasangkan di kediaman mahupun rumah kedai.

Ada garis panduan yang perlu dipatuhi, tersirat untuk pemasangan jeriji di kediaman yang diterbitkan oleh Jabatan bomba untuk membantu orang ramai memasang jeriji yang selamat dan mudah dibuka dari dalam jika berlaku kecemasan.

Pemilik kediaman juga dipinta menggunakan kunci yang mudah untuk dibuka oleh setiap penghuni umur dan golongan sesdirinya pemasangan jeriji memerlukan kunci.

Pemasangan grill mahal juga bukanlah meliputi sesuai tingkap yang ada pada rumah kediaman dan atas tiga tingkat. Lokasi perlukah bersesuaian dan strategik bagi tujuan meluskan diri ketika berlaku kecemasan.

Jeriji yang boleh dipasang sebagai contoh mengambil kira faktor seperti tingkap lelak tidak yang berpenghuni dan sekiranya sebuah blik, mempunyai lebih daripada sebuah tingkap, pemasangan jeriji mudah pula perlu dipasang di satu tingkap saja. Ia sebaranya dipasang pada tingkap yang menghala ke halaman atau laluan selamat.

Ini berkenaan pemasangan jeriji yang tidak memastikan sarana pihak bomba boleh akhirnya masuk ke dalam rumah jika berlaku kebakaran dan ia juga perlu kedimensi pada ke perumahan sesegandi kira sebelum pihak bomba tiba di kawasan kejadian.

Nasihat dan panduan daripada jabatan bomba seharusnya diambil kira demi memastikan tugas menyelamat dilakukan ke kiranya bangunan mahupun

Transformasi Kerajaan GTP

amalan bekerja secara silo' membanteras jenayah jalanan

nam pokok besar dan oleh menjadi tempat pada penjenayah untuk mah anda mpu di hadapan, tepi rumah anda tu dengan kedudukan tidak mudah dicapai. ggera dan TV

uk dipetakan

adu kawasan mereka ku kejadian jenayah rekod polis tidak ter- rana anda tidak mela- adian jenayah yang da, keluarga, kenalan ing anda. mbangunkan Sistem Bandar Selamat (SPBS) olehkan polis meme- kejadian jenayah dila- gga. Laporkan setiap g berlaku, dengan itu hkan kawasan yang mpuan jenayah. Ini n polis merancang gahan lebih berkesan.

asa bersama anda

bergerak (van atau ini disediakan bagi an kehadiran polis mpuan jenayah. Ini lokasi strategik dan am bagi memudahkan at aduan atau laporan e balai polis.

ri di ruang

gan keperluan trafik amatan bandar sela- g di lorong belakang rlindung (blind spot), ank, berdekatan mesin lai beroperasi 24 jam

mpu aran

enaga elektrik

Mengulas lanjut mengenai kesan penggunaan teknologi itu Chee Heung berkata, negara seperti Jepun, Korea Selatan serta Singapura sudah menggunakan insineratur bagi pelupusan sisa pepejal dan didapati tidak menjejaskan tahap kesihatan rakyat- nya.

"Kalau ada yang mendakwa teknologi ini boleh memberi kesan buruk, termasuk kanser dan pencemaran alam sekitar, Singapura yang kini menggunakan lima in- sinerator mengikut kaedah pembuktikan ia aratkan. epun dan Korea logi ini diguna





Chor Chee Heung

dan ditempatkan di kawasan orang ramai, termasuk di perhentian bas dan teksi," katanya.

Sementara itu, Chee Heung berkata, kerajaan turut mengesyorkan beberapa syarat dalam menguruskan sisa pepejal, termasuk mengelak pengeluaran sisa, mengguna semula bahan terpakai, mengitar semula bahan buangan, rawatan secara organik dan perolehan tenaga melalui proses pelupusan sisa pepejal.

penjenayah, lebih gelap lebih mudah penceri nak menjalankan operasi pecah masuk rumah tanpa disedari anda mahupun jiran tetangga.

Pasang lampu belakang rumah anda atau secara bergilir dengan jiran pada waktu malam untuk mencerahkan ruang belakang rumah.



16.GTP 2.0

GTP 2.0: Wujudkan kawasan selamat (safer places) untuk tangani perasaan takut menjadi mangsa jenayah (Persatuan black spot untuk tangani 'fear of crime').

Walaupun GTP 1.0 (2010-2012) berjaya dilaksanakan dengan baik dan mencapai sasaran ditetapkan, rakyat masih menyimpan rasa takut menjadi mangsa jenayah. Biarpun NKRA Menguranglan Jenayah mencatat penguranglan jenayah yang signifikan namun persepsi rakyat masih menunjukkan rasa tidak selamat. Melihat keadaan ini sebagai cabaran kerajaan merangka inisiatif black spot di bawah GTP 2.0 (2013-2015).

Inisiatif menjadikan kawasan black spot sebagai kawasan lebih selamat dipublikasi akan diterajui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama meningkatkan persepsi tahap keselamatan rakyat sebanyak 65% pada akhir 2013.

Hal expert tidak semestinya mempunyai indeks jenayah yang tinggi tetapi menumbulkan perasaan takut dalam kalangan orang awam (*fear of crime*) dan kemungkinan besar menjadi mangsa jenayah di kawasan itu.

Kawasan black spot dikenalpasti berdasarkan 3 prinsip CPTED iaitu keadaan persekitaran, sosial/ekonomi sosial dan keselamatan seperti kawasan gelap, sunyi, kotor, bangunan terbengkalai, sarang penagihan dadah, tumpuan pendatang tanpa izin (PATI) dan pemusatan aktiviti hiburan yang mendatangkan perasaan takut dalam kalangan masyarakat setempat.

Isu setempat yang dikenalpasti di peringkat awal dibincangkan dalam Jawatankuasa Program Bandar Selamat rumah di PPR, [illegible]

Pindaan akta perumahan lindungi hak pembeli

Peruntukan sedia ada diperketat hukum pemaju cuai

Oleh Siti Nuraziinee Azmi
sitinuraziinee@bharian.com.my

BAGI mempertingkatkan perlindungan kepada pembeli rumah, pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat baru-baru ini, membuktikan Japan peruntukan sedia ada dan satu dimansuhkan sekali gus diperketatkan terutama dari sudut hukuman yang ditetapkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chor Chee Heung, berkata langkah itu diambil berikutan pihak kementerian mahu mengatasi masalah pemaju yang tidak bertanggungjawab, selain sebagai langkah untuk terus melindungi pengguna daripada ditindas dan ditipu sewenang-wenangnya.

Beliau berkata, sebagai contoh masalah tapak projek perumahan terbiar tanpa sebarang sebab munasabah sebaranya dirujuk kepada mahkamah supaya pembeli mendapat hak mereka sebagai pengguna sementara pemaju pula menerima hukuman setimpal mengikut kesalahan.

Chee Heung berkata, untuk kes seperti rumah yang dibeli tidak disiapkan dan dibiarkan terbengkalai, pembeli boleh menuntut hak mereka dengan menggunakan akta baru mengikut Seksyen 18A.

Jelas beliau, akta baru itu mengkehendaki pemaju perumahan berlesen yang tidak bertanggungjawab dalam menyiapkan projek perumahan boleh didenda tidak melebihi RM250,000 hingga RM500,000 atau dikenakan penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, Seksyen 22(1) adalah peruntukan yang boleh dikenakan kepada pengarah, pengurus rumahan terbengkalai bermaksud pihak pemaju tidak mahu meneruskan projek atau dibiarkan lewat atau dihentikan secara berterusan selama enam bulan atau lebih dari tempoh yang ditetapkan mengikut perjanjian jual beli.

Berhubung pindaan yang dibuat itu, Chee Heung menjelaskan bahawa ia dapat membantu projek baru daripada menghadapi masalah seperti yang terkandung dalam akta baru iaitu Seksyen 8(a) yang memperuntukkan pembeli boleh menamatkan kontrak perjanjian jual beli dengan syarikat pemaju sekiranya:

- Pemaju perumahan berlesen tidak mahu meneruskan projek atau lewat, atau dihentikan secara berterusan sehingga enam bulan selepas perjanjian jual beli dilakukan.
- Pembeli sudah memperoleh kebenaran bertulis daripada pihak kewajaran mereka;
- Pengawal perumahan sudah mengesahkan bahawa pemaju tidak lagi mahu meneruskan projek perumahan atau lewat atau membiarkannya tergendala selama enam bulan atau selepas perjanjian jual beli.

Bagi projek tergendala, Chee Heung menjelaskan peruntukan Seksyen 8(a), membenarkan pembeli untuk membatalkan perjanjian jual beli memandangkan pemaju perumahan gagal melunaskan perjanjian menyiapkan projek mengikut tarikh ditetapkan sehingga menyebabkan pembinaan berkenaan terbengkalai begitu saja.

"Menerusi pindaan akta ini bolehkan pembeli mengambil kembali wang yang dibayar kepada pemaju tidak lagi berani menjadikan masih pembeli terlindungi dan mereka tidak perlu risau lagi untuk membuat projek perumahan seperti janjikan," katanya.

Chee Heung berkata, dengan nya akta berkenaan, pihak tertian juga dapat memantau tan jual beli rumah termasuk penyiapan projek perumah yang seharusnya disiapkan lagi mahu meneruskan projek perumahan atau lewat atau membiarkannya tergendala selama enam bulan atau selepas perjanjian jual beli.



Untuk kes rumah yang tidak disiapkan, pembeli boleh menuntut hak mereka mengikut Seksyen 18A

Chor Chee Heung
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

lesen mahu menamatkan projek yang sedang berjalan, syarikat boleh memohon menteri untuk kelulusan yang gagal memfailkan tuntutan dalam tempoh 12 bulan selepas Sijil Layak Menduduki atau 12 bulan



SEORANG pekerja memunggah sampah yang baru dihantar oleh feri ke pusat pelupusan tersebut.

Kaedah mudah mengasing sampah

Teknologi MRF yang dibangunkan oleh syarikat tempatan berupaya untuk meningkatkan peratusan bahan yang boleh dikitar semula di Malaysia.

BERKEKALKAN topeng menutup mulut dan hidung, kelihatan dua pekerja tekun memunggah timbunan sampah sarap yang baru dihantar oleh sebuah feri. Tangan mereka tangkas memunggah satu demi satu bungkusan plastik hitam dan hitaman ke arah satu mesin berwarna hijau.

Bau busuk yang mengenyat hidung dihidu seperti tidak apa-apa. Malah, kawasan lalat dan langau yang terbang rendah pun tiada.

Apa yang pasti, industri kitar semula Malaysia mencatat sejarah tersendiri dengan kejayaan penggunaan mesin kemudahan mengasingkan material (Material Recovery Facility-MRF) di tapak pelupusan tersebut.

Dipasang oleh Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd. dan dibangunkan oleh MDS Holdings Sdn. Bhd., MRF akan membantu mengasingkan dan memudahkan pengutipan bahan kitar semula bagi menguranglan jumlah sisa pepejal yang dihantar di tapak pelupusan sisa pepejal.

Kemudahan itu dioperasikan oleh Worldwide Landfill Sdn. Bhd. iaitu pengendali semasa bagi Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jeram.

Tetra Pak secara rasmi memperkenalkan MRF kepada kerajaan Malaysia dengan menandatangani Memorandum



Oleh KHALISAH MOHAMAD NOR
khalisah.mohamad@beritaharian.com.my

BUNGKUSAN sampah yang telah dikasing ke dalam tiga bekas.

TEKNOLOGI mesin MRF buatan tempatan yang dibanggunkan oleh syarikat MDS Pandinga Sdn. Bhd.



AHMAD AZMAN

Persefahaman (MoU) penyerahannya pada 12 November lalu, ia disaksikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung.

Majlis tersebut diadakan selepas lawatan Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Datuk Naderi Yahaya ke tapak MRF.

MRF yang pada mulanya digi di tapak pelupusan tersebut ke pusing fasa pertamanya akan terus beroperasi di sana bagi memudahkan pengumpulan data. Prosesinya kemudian

'Make them quake-proof'

Chor: Ensure buildings can withstand tremors

KUALA LUMPUR: Housing and Local Government Minister Datuk Seri Chor Chee Heung has stressed the need to reinforce buildings to ensure they can withstand tremors and possible earthquakes.

Although Malaysia has not experienced big earthquakes, Chor said it was necessary to equip buildings, with earthquake-proof systems given the increasing tremors felt here due to earthquakes in the region.

"This will require the involvement of many agencies. But we need a solution. I feel the time has come although there are no big earthquakes here or collapsed buildings due to tremors.

"We are ready to start discussing it seriously as we need to fortify our buildings to withstand the tremors," he said after opening the three-day International Fire Conference and Exhibition Malaysia themed "Fire Safety – The Way Forward" at the Kuala Lumpur Convention Centre here yesterday.



iSnap me for more photos and a video
http://thestar.com.my/isnap

Firm hold: Chor checking out a gurney on display after opening the International Fire Conference and Exhibition Malaysia in KLCC.

Chor said buildings by-laws could be strengthened for this matter, adding that they would also work with the Public Works Department to find a solution.

Fire and Rescue Department director-general Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim agreed that the issue could no longer be ignored.

"Previously, it might not have been necessary to take it into account but it is different now with the current phenomena.

"It is time for building engineers and professionals to re-look the approach in the construction of buildings.

"We can respond to tremor-related emergencies but it is better for the buildings to be equipped with a system that takes care of the vibration. It is also better for the occupants," he added.

On the conference, Chor said he was pleased that 1,300 participants had signed up to share their expertise on fire prevention and safety measures.

Public awareness, he said, was increasing but noted that a mindset change was needed to prevent the loss of lives.

"We need to equip ourselves with the necessary knowledge and survival skills and discard the notion that 'it will not happen to us'," said Chor who commended the Fire and Rescue Department for its effective fire safety awareness campaigns.



Sharing info: Chor (left) speaking to buyers during his visit to the abandoned Phase 1 low-cost flats in Jalan Kuang Gamung, Taman Kepong as Yee (centre) looks on.

ANUGERAH DAN **PENGIKTIRAFAN**





Jadual 3 Senarai Pengiktirafan dan Anugerah yang diterima oleh KPKT dan Jabatan/ Bahagian

BIL	PENGIKTIRAFAN/ANUGERAH	PERINGKAT	ORGANISASI PENGANJUR	JABATAN/ BAHAGIAN PENERIMA
1	Anugerah "Special Achievement In GIS Awards", San Diego, Califonia, USA	Antarabangsa	Environmental System Research Institute (ESRI)	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
2	Anugerah FutureGov Award, Chiang Mai, Thailand	Antarabangsa	Thailand FutureGov Summit	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
3	Akreditasi : Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur	Antarabangsa	Interkebangsaan Panel Review (IPR)	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
4	Penarafan 5 Bintang, Malaysian Government Portal Website Assessment (MGPWA)	Negara	Malaysia Development Corporation (MDeC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU)	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
5	MS ISO/IEC 27001/2007: *Information Security Management System*	Negara	MAMPU / SIRIM QAS International	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
6	Hadiah Tahap Kematangan 5 Self Reliance	Negara	MAMPU dan Malaysian Government Open Source Software Conference (MYGOSSCON)	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
7	Anugerah Inovasi Negara 2012 bagi Kategori Perkhidmatan dalam National *Innovation Conference & Exhibition* (NICE) 2012	Negara	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
8	Johan Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha KPKT (AI-KSU)	Kebangsaan	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
9	Anugerah Cemerlang di atas pencapaian Penarafan 5 Bintang dalam *Malaysia Government Portals and Websites Assessment* 2012 bagi Portal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kebangsaan	Malaysia Development Corporation (MDeC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU)	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

BIL	PENGIKTIRAFAN/ANUGERAH	PERINGKAT	ORGANISASI PENGANJUR	JABATAN/ BAHAGIAN PENERIMA
12	Anugerah Cemerlang di atas pencapaian Penarafan 5 Bintang dalam Malaysia *Government Portals and Websites Assessment* 2012 bagi Laman Web Jabatan Kerajaan Tempatan	Kebangsaan	Malaysia Development Corporation (MDeC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU)	Jabatan Kerajaan Tempatan
13	Anugerah Cemerlang di atas pencapaian Penarafan 5 Bintang dalam Malaysia *Government Portals and Websites Assessment* 2012 bagi Laman Web Jabatan Landskap Negara	Kebangsaan	Malaysia Development Corporation (MDeC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU)	Jabatan Landskap Negara
14	Anugerah Cemerlang di atas pencapaian Penarafan 5 Bintang dalam Malaysia *Government Portals and Websites Assessment* 2012 bagi Laman Web Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	Kebangsaan	Malaysia Development Corporation (MDeC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU)	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
15	Anugerah Cemerlang di atas pencapaian Penarafan 5 Bintang dalam Malaysia *Government Portals and Websites Assessment* 2012 bagi Laman Web Jabatan Perumahan Negara	Kebangsaan	Malaysia Development Corporation (MDeC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU)	Jabatan Perumahan Negara
16	Anugerah Cemerlang di atas pencapaian Penarafan 5 Bintang dalam Malaysia *Government Portals and Websites Assessment* 2012 bagi Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	Kebangsaan	Malaysia Development Corporation (MDeC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU)	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
17	Penarafan 4 Bintang dalam Malaysia *Government Portals and Websites Assessment* 2012 bagi Laman Web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	Kebangsaan	Malaysia Development Corporation (MDeC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU)	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
18	Anugerah Khas MyGDI sempena Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS)	Kebangsaan	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
19	Co-Author Penerbitan Kajian Central Forest Spine antara Bahagian Wilayah dan Wildlife Conservation Society Malaysia 2012	Kebangsaan	Wildlife Conservation Society Malaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
20	Penyertaan Kumpulan MyTownNET	Kebangsaan	Jabatan Perkhidmatan Awam, INTAN dan SUK Negeri Kedah	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
21	Anugerah Pengurusan Penyesuaian Hasil Terbaik	Kebangsaan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
22	Anugerah Pengurusan Penyesuaian Vot Pembangunan Terbaik	Kebangsaan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
23	Anugerah Pengurusan Penyesuaian Amanah Terbaik	Kebangsaan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
24	Anugerah Khas MyGDI	Kebangsaan	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
25	Pensijilan MS ISO 9001:2008 (Skop pensijilan Pengurusan, Pelaksanaan dan Pembangunan Perumahan").	Jabatan	MOODY International	Jabatan Perumahan Negara
26	Sijil Penghargaan dalam Pengurusan Bayaran Terbaik Kategori Sederhana - (Penarafan 4 Bintang)	Jabatan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (ANM)	Jabatan Perumahan Negara



PROGRAM **PERUMAHAN**

JABATAN
PERUMAHAN NEGARA (JPN)



LATAR BELAKANG

Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah ditubuhkan pada tahun 1976 berikutan keputusan Jemaah Menteri bagi menggantikan Amanah Perumahan Malaysia *(Malaysia Housing Trust)* yang telah ditubuhkan sejak tahun 1950 dan dibubarkan melalui Akta 339 (Pembubaran) Amanah Perumahan 1976. Objektif penubuhan JPN adalah untuk memastikan pembangunan sektor perumahan yang sempurna, berkualiti dan lebih teratur untuk dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, JPN telah dipertanggungjawabkan dengan peranan dan fungsi utama seperti berikut :

1) Merangka dasar, perundangan, peraturan dan melaksanakan penyelidikan berkaitan sektor perumahan ;
2) Merancang dan menyelaras pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) ;
3) Mengeluarkan lesen dan permit iklan dan jualan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] ;
4) Memantau projek perumahan swasta dan menguatkuasa Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan Peraturan-peraturan berkaitan ;
5) Menyelaras dan memudahcara urusan pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai ;
6) Mengurus aduan awam berkaitan sektor perumahan ;
7) Menyelaras dan memudahcara perkara berkaitan dengan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] ;
8) Menyelaras Program Penyenggaraan Perumahan (PPP);
9) Menyelaras isu pengurusan dan penyelesaian setinggan ; dan
10) Mengurus dana dan tabung amanah pinjaman perumahan bagi golongan berpendapatan rendah.

PENGANUGERAHAN & PENGIKTIRAFAN

JPN telah dianugerahkan penarafan 5 Bintang melalui Penilaian Portal dan Laman Web Sektor Kerajaan *Malaysia Government Portal and Websites Assessment* (MGPWA) yang dikendalikan oleh Multimedia Development Corporation (MDec) pada 12 Disember 2012 dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Unit Perancangan Ekonomi (EPU). Penganugerahan MGPWA bertujuan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan secara dalam talian. Kriteria penilaian melibatkan perkhimatan yang mesra pengguna, jaminan keselamatan dan interaktif dalam proses menyampaikan perkhidmatan secara maya.

Selain itu, JPN juga dianugerahkan Sijil Penghargaan dalam Pengurusan Bayaran Terbaik Kategori Sederhana oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia di atas pengurusan bayaran yang telah dilaksanakan dengan baik mengikut tatacara kewangan.

JPN juga telah diperakukan oleh pihak MOODY International

selaku badan pensijilan untuk menaiktaraf MS ISO daripada versi MS ISO 9001:2000 kepada MS ISO 9001:2008 bermula pada 3 September 2009 sehingga 3 September 2014. Skop pensijilan bagi MS ISO 9001:2008 JPN adalah "Pengurusan, Pelaksanaan dan Pembangunan Perumahan".

PENCAPAIAN

1.0 Penggubalan Dasar dan Pelaksanaan Kajian

A) Dasar Perumahan Negara

Dasar Perumahan Negara (DRN) telah dilancarkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 10 Februari 2011. DRN diwujudkan untuk menggariskan halatuju serta dijadikan asas dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

Matlamat DRN

Menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di negara ini.

DRN menggariskan tiga (3) objektif dan digubal berdasarkan enam (6) teras strategik serta dua puluh (20) pernyataan dasar yang diharap dapat menyediakan hala tuju yang jelas kepada agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan yang maju dan berdaya saing. Tiga (3) objektif dan enam (6) teras strategik DRN adalah seperti berikut :

Objektif DRN

Objektif 1 : Menyediakan perumahan yang mencukupi dan berkualiti dengan kemudahan yang lengkap dan persekitaran yang kondusif
Objektif 2 : Meningkatkan keupayaan dan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah
Objektif 3 : Menetapkan halatuju kemampanan sektor perumahan

Teras DRN

Teras 1 : Penyediaan perumahan yang mencukupi mengikut keperluan khusus golongan yang memerlukannya
Teras 2 : Peningkatan kualiti dan produktiviti pembinaan perumahan
Teras 3 : Peningkatan keberkesanan pelaksanaan dan memastikan pematuhan kepada sistem penyampaian perkhidmatan berkaitan perumahan
Teras 4 : Peningkatan keupayaan rakyat bagi memiliki rumah serta memperbaiki akses kepada penyewaan rumah
Teras 5 : Pemampanan sektor perumahan
Teras 6 : Peningkatan tahap kemudahan sosial, perkhidmatan asas dan persekitaran yang berdaya huni *(Livable)*.

Pelan Tindakan DRN juga telah disediakan untuk menggariskan langkah-langkah strategik selaras dengan matlamat dan teras DRN. Pelan Tindakan DRN telah diambil maklum oleh Jemaah Menteri pada 14 Oktober 2011. Pelan Tindakan DRN telah diedarkan kepada semua penggiat industri perumahan di peringkat Kementerian, Jabatan, agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Profesional, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pemaju perumahan melalui emel.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Tindakan DRN, Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Pelan Tindakan DRN (JPPDRN) telah ditubuhkan. Terma Rujukan (TOR) dan Pelan Tindakan JPPDRN ini telah dimaklumkan kepada ahli Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (JPAKPKN) yang telah diadakan pada 5 Mac 2012 dan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan, Ketua Setiausaha Negara. Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian di peringkat KPKT ditubuhkan dengan tiga (3) tujuan iaitu :

(i) Memantau dan menilai secara menyeluruh kemajuan pelaksanaan Pelan Tindakan DRN;
(ii) Memberikan saranan, maklum balas dan penambahbaikan bagi memastikan DRN mencapai objektif dan matlamatnya; dan
(iii) Mengutarakan isu-isu berbangkit yang dihadapi oleh agensi-agensi utama dan agensi-agensi pelaksana.

Buku Pelan Tindakan DRN telah dicetak dan diedarkan kepada semua agensi-agensi yang terlibat di dalam industri perumahan. Terdapat juga versi *online* (dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang e-Home.

(B) Kajian Penilaian Outcome Skim Pinjaman Perumahan (SPP)

Latar Belakang

Kajian Penilaian Outcome Skim Pinjaman Perumahan (SPP) dilaksanakan bagi mengkaji keberkesanan program SPP dalam menyediakan pinjaman, menilai tahap kepuasan peminjam yang telah menerima pinjaman dan mengkaji punca berlakunya tunggakan pinjaman SPP.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:-

(i) Menentukan sejauh mana pencapaian pelaksanaan SPP melalui bilangan golongan berpendapatan rendah yang mendapat pinjaman;
(ii) Menilai persepsi peminjam SPP dari aspek proses kelulusan, proses gadaian, proses bayaran berperingkat dan bayaran balik pinjaman; dan
(iii) Mengkaji punca berlakunya tunggakan bayaran pinjaman SPP.

Skop Kajian

Skop kajian adalah tertumpu kepada peminjam yang telah mendapat pinjaman daripada SPP daripada tahun 1976 sehingga 2010.

Hasil Kajian

Hasil kajian adalah seperti berikut:-

(i) Sejumlah 7781 peminjam telah memperoleh pinjaman SPP semenjak diperkenalkan pada tahun 1975 sehingga tahun 2010 untuk membina rumah. Daripada jumlah ini, 96% rumah telah berjaya disiapkan, manakala 4% masih dalam peringkat pembinaan;
(ii) Skor bagi Indeks Kepuasan Peminjam telah ditetapkan pada 2.50. iaitu tahap memuaskan. Hasil daripada penilaian yang dijalankan, purata skor bagi tahap kepuasan peminjam dari aspek proses kelulusan, proses gadaian, proses bayaran berperingkat dan bayaran balik pinjaman adalah pada 2.91 dan mencapai sasaran yang ditetapkan; dan
(iii) Jumlah tunggakan terkumpul sehingga 31 Disember 2011 adalah sebanyak RM6,313,326.05 dan melibatkan seramai 1959 peminjam. Hasil kajian yang dilaksanakan mendapati, punca sebenar yang menyebabkan tunggakan bukanlah disebabkan oleh kurangnya kesedaran peminjam tetapi lebih menjurus kepada sikap peminjam SPP sendiri yang enggan menjelaskan bayaran pinjaman.

(C) Kajian Penilaian Dan Penyediaan Cadangan Pemulihan Projek-Projek Perumahan Terbengkalai

Latar Belakang

Kajian Penilaian Dan Penyediaan Cadangan Pemulihan Projek-Projek Perumahan Terbengkalai dilaksanakan untuk menilai dan mencadangkan jumlah anggaran kos keseluruhan pemulihan projek dan kos *"topping up"* yang diperlukan bagi pemulihan projek perumahan terbengkalai dan dijadikan sebagai aras petunjuk *"benchmarking"* dalam proses penilaian tender.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk menilai cadangan pemaju/ kontraktor penyelamat bagi memulihkan projek perumahan terbengkalai dan mencadangkan cadangan terbaik di kalangan pemaju/kontraktor yang menyertai tender.

Skop Kajian

Skop kajian adalah seperti berikut:-

(i) Menyediakan anggaran kos pemulihan projek perumahan terbengkalai sebagai aras petunjuk *"benchmarking"* dalam proses penilaian tender dan anggaran perunding akan dianggap sebagai anggaran Jabatan;
(ii) Menilai dan mencadangkan jumlah anggaran kos keseluruhan pemulihan projek dan kos *"topping up"* yang diperlukan bagi pemulihan projek perumahan terbengkalai; dan
(iii) Membentangkan cadangan pemilihan pemaju/ kontraktor yang paling menguntungkan Kerajaan dan pembeli kepada Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan (JTK), Jabatan Perumahan Negara (JPN).

Perunding dan Kos Kajian

Kajian ini dilaksanakan oleh syarikat perunding Prokhas Sdn. Bhd. Pada tahun 2012, Prokhas Sdn. Bhd. telah melaksanakan 11 penilaian dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM595,007.35.

(D) Kajian Penilaian *Outcome* Program Perumahan Rakyat Di Negeri Kedah

Latar Belakang

Program Perumahan Rakyat (PPR) telah diperkenalkan sejak tahun 1998 bagi mencapai matlamat penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan untuk golongan berpendapatan rendah. Program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan setinggan meningkatkan taraf dan kualiti hidup serta tinggal di rumah yang selesa.

Ciri-ciri PPR

Kerajaan melalui KPKT menyediakan perumahan PPR dengan ciri-ciri yang berikut:

Rajah 1 Ciri-ciri Program Perumahan Rakyat

Jenis Rumah	(a) Rumah pangsa melebihi 5 tingkat di bandaraya dan bandar besar; (b) Rumah pangsa lima (5) tingkat di Bandar besar dan pinggir Bandar; dan (c) Rumah teres di bandar kecil dan luar bandar.
Spesifikasi Rumah	(a) Keluasan minimum 650kps (b) Tiga (3) bilik tidur (c) Dua (2) bilik air (d) Ruang tamu (e) Satu (1) dapur
Kemudahan-kemudahan asas	(a) Dewan Serbaguna (b) Surau (c) Pejabat Pengurusan yang mencukupi (d) Gerai (e) Padang permainan (f) Tadika (g) Tempat Letak Kereta

PPR Di Negeri Kedah

Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 1,894 unit PPR telah disiapkan dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Kedah. Jadual 4 berikut menunjukkan senarai projek PPR yang telah disiapkan.

Jadual 4 PPR di Negeri Kedah

Bil	Projek	Tarikh Serah	Bil. Siap (unit)	Bil. Pengisian (unit)	Unit Kosong (unit)
1	PPR Paya Nahu, Sungai Petani	31.12.2003	1,472	1,424	48
2	PPR Kuah, Langkawi	15.06.2003	422	420	2
JUMLAH KESELURUHAN			1,894	1,844	50

Sumber : Bahagian Perancangan dan Pembangunan Projek PPR, Jabatan Perumahan Negara (JPN)

Walau bagaimanapun, sebanyak 48 unit masih belum diisi di PPR Paya Nahu, Sungai Petani dan sebanyak dua (2) unit masih belum diisi di PPR Kuah, Langkawi.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

(i) Menentukan sejauh mana pencapaian Program Perumahan Rakyat (PPR) yang telah dilaksanakan melalui bilangan golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah yang menyewa PPR di negeri Kedah; dan

(ii) Menilai persepsi penghuni terhadap keselesaan, penyenggaraan, keselamatan, aksesibiliti kemudahan awam dan sosial serta tahap interaksi sosial sesama penghuni.

Skop Kajian

Skop kajian adalah bertumpu kepada penghuni yang tinggal di PPR yang telah siap dibina di negeri Kedah iaitu PPR Paya Nahu, Sungai Petani dan PPR Kuah, Langkawi.

Hasil Kajian

Hasil kajian adalah seperti berikut:

(i) Sebanyak 97.4% penghuni berpendapatan rendah dan setinggan menghuni di PPR dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan; dan



(ii) Skor bagi Indeks Kepuasan Peminjam telah ditetapkan pada 2.50 iaitu tahap memuaskan. Secara keseluruhannya, indeks skor bagi tahap kepuasan penghuni PPR Kedah adalah 2.44 dan tidak mencapai sasaran tahap memuaskan. Indeks skor ini dinilai mengikut kriteria-kriteria keselesaan, penyenggaraan, keselamatan, aksesibiliti kemudahan awam dan sosial; dan interaksi sosial sesama penghuni.

2.0 Pelaksanaan Projek Pembangunan

A) Pelaksanaan Projek di bawah PPR

PPR dilaksanakan bertujuan menempatkan semula setinggan serta menyediakan kemudahan perumahan khususnya kepada golongan berpendapatan rendah. Terdapat dua kategori PPR iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki. Rumah PPR Disewa disewakan kepada keluarga setinggan dan berpendapatan rendah pada kadar RM124.00 sebulan manakala rumah PPR Dimiliki dijual pada harga RM 30,000.00 hingga RM 35,000.00 seunit.

Kerajaan telah mensasarkan untuk membina dan menyiapkan sejumlah 164 projek (103,989 unit) rumah PPR. Daripada jumlah tersebut, sehingga 31 Disember 2012, sejumlah 90 projek (67,886 unit) telah siap dibina, 28 projek (14,691 unit) dalam pembinaan dan 46 projek (21,412 unit) dalam peringkat perancangan.

Pada tahun 2012, sebanyak tiga (3) projek yang mengandungi 2,061 unit telahpun siap dibina dengan Sijil Layak Menduduki (CFO). Projek – projek tersebut adalah :

i) PPR Sungai Putat, Batu Berendam, Melaka (336 unit). Terima CFO pada 31 Disember 2012;
ii) PPR Pekan Kinarut, Sabah (725 unit). Terima CFO pada 16 Mac 2012; dan
iii) PPR Sungai Manila, Off Jalan Labuk, Sabah (1000 unit). Terima CFO pada 20 Disember 2012.

3.0 Cadangan Pindaan Akta/Peraturan-Peraturan

A) Pindaan Kepada Peraturan-Peraturan Di Bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118)

Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991 serta Jadual G, H, I dan J telah dipinda bagi tujuan kawalan dan pelesenan berkaitan pemajuan sektor perumahan di Semenanjung Malaysia. Pindaan kepada Peraturan-Peraturan di bawah Akta 118 ini dibuat untuk memperkemaskan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap sektor perumahan di negara

kita. Pindaan kepada Peraturan-Peraturan di bawah Akta 118 telah dipersetujui oleh YBM pada Disember 2012 dan dalam proses bagi semakan Jabatan Peguam Negara. Ia dijangka akan dikuatkuasakan pada pertengahan 2013.

Di antara pindaan utama adalah seperti berikut:

i) Meminda kadar deposit sedia ada daripada RM 200,000.00 kepada 3% daripada kos pembinaan tetapi tidak termasuk kos tanah semasa pihak pemaju membuat permohonan lesen.
ii) Bagi pemajuan berstrata, Pemilikan Kosong (VP) hanya boleh dikeluarkan bersekali dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) serta hak milik strata.
iii) Pindaan kepada Jadual Pembayaran Harga Beli (Jadual Ketiga) di dalam Jadual G dan Jadual H dengan memindahkan kadar bayaran progresif sebanyak 5% di peringkat pembinaan (peringkat kedua) ke peringkat penerimaan milikan kosong (peringkat ketiga).

B) Pengenalan Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 (RUUPS) 2012) bagi menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663]

Akta 663 digubal dengan tujuan bagi memperkemaskan kaedah kawalselia penyenggaraan dan pengurusan semua jenis bangunan berstrata. Akta ini membolehkan pemilik petak/pembeli sebagai pihak yang berkepentingan melibatkan diri dalam membuat keputusan secara kolektif dalam mengurus dan menyenggara kawasan pemajuan mereka khususnya melibatkan harta bersama melalui Badan Pengurusan Bersama *(Joint Management Body*) atau Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation*).

Cadangan pindaan kepada Akta 663 kepada Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 dibuat bertujuan untuk memperkemaskan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pengurusan serta penyenggaraan rumah – rumah berstrata di seluruh negara. Pindaan terhadapat Akta 663 juga merupakan salah satu strategi jangkamasa sederhana JPN. RUUPS 2012 telah berjaya disiapkan dengan kerjasama Agensi Kerajaan dan Badan Profesional serta Badan Bebas Kerajaan. RUUPS 2012 ini telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 1 Disember 2011. RUUPS ini telah digubal secara komprehensif dengan mengambilkira pemerkasaan Pesuruhjaya Bangunan, penyeragaman prosedur-prosedur yang terdapat dalam Akta 663 dan Akta Hakmilik Stara (1985) Akta 318 selain memasukkan proviso berkaitan prosedur dalam kawasan pembangunan bercampur.

RUUPS 2012 ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Mac 2012 dan Mesyuarat Majlis bagi Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 24 Mac 2012. Hampir tiga (3) tahun RUUPS 2012 ini digubal dan melalui proses yang panjang untuk menjadikan akta yang terbaik dan komprehensif. Akhirnya pada 19 Disember 2012, RUUPS 2012 ini telah diluluskan oleh Dewan Negara selepas hampir tiga (3) bulan dibahaskan di Parlimen. Rang Undang-Undang ini akan dikenali sebagai Akta Pengurusan Strata dan dijangka akan mula berkuatkuasa pada suku tahun pertama 2013.

4.0 Program Operasi

A) Pelesenan Pemajuan Perumahan

Pemajuan perumahan oleh pemaju perumahan swasta melibatkan tiga (3) peringkat kelulusan utama iaitu kelulusan pembangunan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri, kebenaran merancang dan pelan bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta kelulusan lesen pemaju perumahan dan permit iklan & jualan oleh JPN.

Kelulusan lesen pemaju perumahan hanya dikeluarkan kepada pemaju perumahan yang berkelayakan dan berkemampuan sahaja bagi menjamin kepentingan semua pembeli rumah. Langkah ini penting bagi mengelakkan pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab menganiaya pembeli dengan tidak menyiapkan projek perumahan yang dibina.

Pada tahun 2012, sebanyak 1,806 lesen telah dikeluarkan kepada pemaju perumahan. Jumlah ini merangkumi sebanyak 1,435 lesen baru dan 371 pembaharuan lesen. Tempoh sah laku lesen baru adalah selama tiga (3) tahun bagi *landed property* dan lima (5) tahun bagi *highrise property*.



Selain itu, sebanyak 3,236 permit iklan & jualan telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,387 merupakan permit iklan & jualan baru manakala 1,849 adalah pembaharuan permit iklan & jualan.

Pada tahun 2012, kutipan hasil berjumlah RM 7,409,500.00 telah diperolehi melalui pengeluaran lesen, pengeluaran permit iklan dan jualan serta yuran proses. Pecahan kutipan bayaran daripada lesen serta permit iklan & jualan adalah sebanyak RM 7,155,000.00 dan RM 254,500.00 adalah bagi kutipan yuran proses.

B) Pemantauan Projek – Projek Perumahan Swasta
Pengelasan projek perumahan swasta dibahagikan kepada tiga iaitu :

i) Projek perumahan lancar ditakrifkan sebagai sesuatu projek perumahan yang berjalan mengikut jadual tempoh Surat Perjanjian Jual Beli (SPJB) pertama ditandatangani iaitu Jadual G (24 bulan) dan Jadual H (36 bulan).

ii) Projek perumahan lewat ditakrifkan sebagai projek yang mengalami kelewatan dalam tempoh pembinaan di mana perbezaan jurang kemajuan kerja sebenar di tapak berbanding jadual kerja yang ditetapkan dalam SPJB adalah di antara 10% hingga 30%.

iii) Projek perumahan sakit ditakrifkan sebagai projek yang mengalami kelewatan dalam tempoh pembinaan di mana perbezaan jurang kemajuan kerja sebenar di tapak berbanding jadual kerja yang ditetapkan dalam SPJB adalah melebihi 30%.

Pemantauan projek perumahan swasta dilaksanakan melalui penerimaan Laporan Kemajuan Projek [Laporan 7(f)] pada setiap suku tahun daripada semua pemaju perumahan berlesen, lawatan tapak / mesyuarat tapak ke atas projek bermasalah (lewat dan sakit), penerimaan Laporan Tahunan Kewangan Beraudit [Laporan 7(e)], semakan laporan HDA bagi projek lewat dan sakit serta semakan maklumat kewangan melalui lawatan kepremis pemaju perumahan berlesen.

Berdasarkan Laporan 7(f) sesi 4/2012 (September – Disember 2012), bilangan projek lancar adalah 3,324 projek manakala bilangan projek bermasalah (lewat dan sakit) pula adalah 256 projek iaitu masing-masing sebanyak 40 projek lewat dan 216 projek sakit.

JPN telah melaksanakan sebanyak 366 lawatan tapak dan mesyuarat yang telah dikategorikan sebagai projek yang bermasalah (lewat dan sakit). Berdasarkan

kepada pemantauan yang berterusan tersebut :

i) 106 projek telah siap dan mendapat CFO / CCC
ii) 97 projek kembali lancar

JPN telah mengadakan lima (5) siri *roadshow* bertajuk Taklimat Peranan Dan Tanggungjawab Pemaju Perumahan Di Bawah Akta 118. *Roadshow* tersebut telah diadakan di Putrajaya (3 April 2012), Pahang (10 April 2012), Melaka (17 Mei 2012), Kelantan (4 Julai 2012) dan Kedah (18 November 2012). Program ini diadakan bertujuan untuk mendidik disamping meningkatkan lagi kesedaran pemaju mengenai kewajipan dan tanggungjawab mereka di bawah Akta Pemajuan Perumahan 118.

C) Penguatkuasaan Ke Atas Pemaju Perumahan

Pengurusan aduan awam diambil perhatian yang penting bagi memastikan permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli rumah dibantu dengan sewajarnya berdasarkan kepada Akta 118 dan Akta 663. Aduan awam diterima daripada pelbagai sumber seperti telefon, emel, kaunter, surat, faks, Biro Pengaduan Awam, media massa serta Portal e-Home.

Pada tahun 2012, sebanyak 2,787 aduan telah diterima. Pecahan berdasarkan kepada bidang kuasa Akta yang terbabit dan status penyelesaiannya adalah seperti berikut :

i) 1,043 aduan di bawah bidang kuasa Akta 118. Kesemua aduan tersebut telah diselesaikan.
ii) 1,220 aduan di bawah bidang kuasa Akta 663. Daripada jumlah aduan tersebut, sejumlah 1,220 aduan telah diselesaikan.

JPN telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan melalui pengeluaran kompaun terhadap pemaju – pemaju yang telah melanggar Akta 118, penyediaan kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan serta menyenaraihitam pemaju dan ahli lembaga pengarah yang melanggar Akta 118.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 1,006 kompaun telah dikeluarkan terhadap 921 pemaju yang telah melakukan pelbagai kesalahan dibawah Akta 118. Jumlah kutipan kompaun yang telah diperolehi oleh JPN berdasarkan tindakan tersebut adalah sebanyak RM3,832,500.00.

Sepanjang tahun 2012, JPN telah menyediakan kertas siasatan bagi 508 kes kesalahan dibawah Akta 118. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 369 kes telah didaftar di mahkamah untuk tujuan pendakwaan, 274 kes telah diselesaikan manakala bakinya dalam proses pendakwaan di mahkamah. Di antara kesalahan – kesalahan utama adalah kegagalan mengemukakan Laporan 7(f), Laporan 7(e), Ingkar Award yang dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) serta menjalankan pemajuan perumahan tanpa lesen.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 1,262 pemaju dan 4,150 ahli lembaga pengarah telah disenarai hitam di atas pelbagai kesalahan di bawah Akta 118 iaitu terlibat di dalam projek terbengkalai, projek sakit, gagal membayar kompaun; ingkar award; pemajuan perumahan tanpa lesen serta kesalahan-kesalahan lain di bawah Akta 118 dan Peraturan berkaitan.

D) Penyelarasan Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai

Projek perumahan terbengkalai ditakrifkan sebagai projek-projek yang memenuhi kriteria berikut :

i) projek yang tidak siap dalam atau luar tempoh Pejanjian Jual Beli dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama enam bulan secara berterusan ; atau
ii) petisyen penggulungan telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1965 ; atau
iii) syarikat diletakkan di bawah Pegawai Penerima dan Pengurus *(Receiver & Manager)* ; atau
iv) pemaju mengakui tidak berupaya secara bertulis kepada Pengawal Perumahan ; dan
v) disahkan projek terbengkalai oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Seksyen 11(1)(ca) Akta 118.

Dalam memudahcara serta mencari langkah penyelesaian pemulihan projek perumahan swasta yang terbengkalai, beberapa pendekatan telah diambil oleh JPN iaitu :

i) KPKT melalui JPN mengambil tindakan dengan mengenal pasti pemaju – pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman untuk mengambil alih pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai ;



ii) Melaksanakan pemulihan projek – projek perumahan swasta terbengkalai terutamanya kategori kos rendah dan kos sederhana melalui peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah bagi menampung kos tambahan pemulihan projek – projek tersebut ;

iii) Mengadakan perundingan dari semasa ke semasa dengan semua pihak yang berkepentingan *(stakeholders)* dalam pemajuan perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian yang terbaik bagi projek-projek perumahan yang terbengkalai ;

iv) Memantau dan menyelaras pemulihan bagi kesemua projek perumahan swasta terbengkalai. Tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan ; dan

v) Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara serta pengwujudan tiga Kumpulan Kerja *(working group)* yang menumpukan kepada penetapan dasar pemajuan perumahan negara, pemantapan pemulihan dan pemantauan projek serta penguatkuasaan undang – undang.

Sehingga 31 Disember 2012, jumlah projek perumahan yang terbengkalai di Semenanjug Malaysia adalah sebanyak 178 projek perumahan yang melibatkan 53,058 unit rumah.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 118 projek (66%) perumahan terbengkalai melibatkan 24,075 unit rumah telah berjaya dipulihkan. Sebanyak 51 projek (29%) sedang berada dalam pelbagai peringkat pemulihan. Manakala baki sebanyak sembilan (9) projek (5%) sedang dalam pelbagai peringkat perancangan untuk dipulihkan oleh pemaju yang sedang dikenalpasti oleh Kerajaan.

Antara usaha dan tindakan yang diambil oleh JPN bagi membantu pembeli rumah projek perumahan swasta terbengkalai adalah dengan mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan terbengkalai kepada pembiaya kewangan *(end-financier)* bagi unit rumah berkaitan yang membolehkan pembeli memohon pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan atau memohon pertimbangan daripada pihak Kumpulan Wang Simpanan Kerja (KWSP) bagi permohonan pengeluaran kali kedua. Selain itu, melalui surat ini pembeli juga boleh mendapatkan pertimbangan daripada Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan sama ada untuk menamatkan pinjaman dan diberi peluang untuk memohon pinjaman baharu atau untuk menangguhkan kenaan faedah pinjaman (4%) sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama lima (5) tahun (mana-mana yang terdahulu)

E) Skim Pinjaman Perumahan

Skim Pinjaman Perumahan (SPP) diwujudkan bagi

menyediakan kemudahan pinjaman kepada golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah bahru di atas tanah milik atau tanah milik orang lain dengan kebenaran. Kumpulan sasar bagi skim ini adalah golongan berpendapatan rendah di antara RM750.00 hingga RM2,500.00. Pinjaman yang diberikan adalah berjumlah RM45,000.00. Tempoh bayaran balik pinjaman SPP adalah di antara lima (5) hingga 30 tahun. Skim ini juga menyediakan kemudahan pinjaman dua generasi bagi pemohon berumur melebihi 40 tahun. Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 206 permohonan baru telah diluluskan.

Dalam memproses dan membuat keputusan terhadap semua permohonan yang diterima, hanya permohonan yang lengkap sahaja dipertimbangkan untuk kelulusan serta sesi temuduga turut diadakan bagi memastikan pemohon benar – benar layak dan berkemampuan untuk membayar balik pinjaman.

Sehingga 31 Disember 2012, jumlah kutipan bayaran balik pinjaman adalah RM5.54 juta.

5.0 Pengumpulan Data / Maklumat

A) Maklumat Penubuhan Badan Pengurusan Bersama dan Perbadanan Pengurusan (JMB / MC) di bawah Akta 663
Pengumpulan maklumat penubuhan JMB / MC di kawasan pemajuan berstrata di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dibuat sebanyak dua (2) kali pada tahun 2012. Maklumat berkaitan penubuhan JMB / MC dikutip sebagai salah satu indikator utama pelaksanaan Akta 663 oleh PBT.

Sehingga 31 Disember 2012, sejumlah 7,808 daripada jumlah keseluruhan 15,179 kawasan pemajuan berstrata telah menubuhkan JMB / MC.

JMB / MC merupakan satu badan yang akan bertanggungjawab dalam urusan pengurusan serta penyenggaraan sesuatu bangunan bertingkat. Pengwujudan badan ini akan membolehkan semua urusan yang berkaitan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan demi keselesaan penduduk setempat.

Pengumpulan data asas setinggan daripada semua negeri telah dibuat pada setiap suku tahun 2012. Pengumpulan data ini dijadikan asas kepada pemantauan dan penyelarasan penempatan semula setinggan di seluruh negara.

Sehingga 31 Disember 2012, terdapat sejumlah 73,084 setinggan di seluruh negara.



AKTIVITI PROGRAM UTAMA / PROGRAM MELIBATKAN RAKYAT

1.0 Lawatan Ke Rumah Peminjam Skim Pinjaman Perumahan
Pada 7 April 2012 telah diadakan Lawatan YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke rumah salah seorang peminjam Skim Pinjaman Perumahan (SPP) iaitu Encik Mohd Hafizan Hashim di Kampung Kuala Tekai Mukim Pedu, Kuala Nerang, Kedah.

YBhg. Dato' Abu Bakar Hassan, Ketua Pengarah, JPN yang mewakili YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyampaikan *'mock key'* kepada empat (4) orang peminjam SPP Pada majlis tersebut, YBhg. Dato' Ketua Pengarah, JPN menyentuh beberapa perkara mengenai penubuhan pinjaman dibawah skim ini yang membolehkan kalangan penduduk luar bandar untuk memiliki rumah sendiri. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan supaya lebih ramai rakyat negara ini berjaya

memiliki rumah sendiri yang lebih selesa. Di samping itu juga, keperluan membayar balik pinjaman dibuat mengikut jadual ditekankan kerana pembiayaan skim ini adalah dari wang Pusingan Tabung Amanah.

Majlis tersebut telah dihadiri lebih kurang 300 orang dari pelbagai lapis masyarakat termasuk wakil rakyat, pemimpin-pemimpin masyarakat dan kakitangan kerajaan serta penduduk persekitaran. Pada keseluruhan program ini berjaya memberi penjelasan menyeluruh mengenai kemudahan skim ini yang boleh dilihat dari pertambahan permohonan dari negeri Kedah terutama dikalangan bumiputera berketurunan Siam.

2.0 Penyerahan Projek PPR kepada Kerajaan Negeri

JPN telah menganjurkan Majlis Penyerahan Projek PPR kepada beberapa buah Kerajaan Negeri yang terlibat. Projek PPR tersebut diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri setelah siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO). Antara majlis tersebut adalah :

i) Majlis Penyerahan Projek PPR Seduan, Sibu, Sarawak (15 Februari 2012);
ii) Majlis Penyerahan Projek PPR Kampung Semarak, Tawau, Sabah (3 Mac 2012); dan
iii) Majlis Penyerahan Projek PPR Tampoi, Johor (Blok F) (1 Mac 2012); dan
iv) Majlis Penyerahan Projek PPR Bukit Jalil I dan II (1 Julai 2012).

3.0 Seminar Perumahan JMB / MC

Pendidikan melalui seminar ini merupakan salah satu program dalam Pelan Strategi Jangka Panjang JPN. Tujuan utama seminar ini adalah untuk memberi pendidikan dan pendedahan kepada peserta tentang fungsi dan peranan JMB / MC sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam penyenggaraan dan pengurusan bangunan berstrata.

Pada tahun 2012, JPN telah mengubah pendekatan pelaksanaan seminar dengan menganjurkan seminar di peringkat kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pendekatan ini dirancang supaya pengetahuan yang lebih spesifik dapat disampaikan kepada golongan sasaran dan interaksi yang lebih terbuka dengan penceramah dalam mencari penyelesaian terhadap masalah yang bersifat lokaliti. Sebanyak 34 siri seminar telah dirancang dan berjaya dilaksanakan. Tumpuan adalah di kawasan yang mempunyai kepadatan penghuni berstrata yang tinggi. Oleh itu, tumpuan telah diberikan kepada COB kategori 1, 2 dan 3 seluruh negara.

Pada tahun 2012, seramai 6,545 orang telah menyertai seminar tersebut. Peserta-peserta seminar terdiri daripada JMB / MC, penghuni, dan kakitangan PBT.



4.0 Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Terbengkalai yang Dipulihkan

Sebanyak tujuh (7) Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Swasta Terbengkalai telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2012. Majlis-majlis tersebut adalah bagi projek :

i) Taman Bukit Ara, Negeri Sembilan (3 Januari 2012);
ii) Taman Kerisi, Negeri Sembilan (3 Januari 2012);
iii) Taman Mawar, Kulai, Johor (20 Februari 2012);
iv) Taman Cahaya Kota Putri, Pletong, Johor (20 Februari 2012);
v) Taman Raya Indah, Kedah (5 Julai 2012);
vi) Taman Sri Derga, Kedah (Majlis Pelancaran: (6 Julai 2012); dan Penyerahan Kunci 18 November 2012)

5.0 Lawatan Turun Padang

JPN telah menyelaras aktiviti dan lawatan turun padang yang melibatkan Pihak Pengurusan Tertinggi KPKT sepanjang tahun 2012. Tujuan lawatan turun padang ini adalah bagi membolehkan YB Menteri atau YB Timbalan Menteri memantau pelaksanaan projek – projek yang dibina oleh JPN serta memantau projek – projek perumahan yang bermasalah serta terbengkalai.





Antara sesi lawatan yang telah diadakan adalah :

i) Lawatan ke tapak pemulihan projek Li Garden, Kepong oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung pada 14 Mei 2012.
ii) Lawatan ke tapak pemulihan projek Taman Desaku, Kulim, Kedah oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung pada 5 Julai 2012.
iii) Lawatan ke tapak projek Taman Mount Austin, Johor oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung pada 20 Februari 2012.
iv) Lawatan ke tapak projek PPR Gua Musang, Kelantan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung pada 4 Oktober 2012
v) Lawatan ke tapak projek PPR Sungai Putat, Batu Berendam, Melaka oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung pada 24 Februari 2012
vi) Lawatan ke tapak projek PPR Kampung Hassan, Selangor oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung pada 6 Januari 2012
vii) Lawatan ke tapak projek PPR Ladang Siliau, Negeri Sembilan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung pada 9 Disember 2012

6.0 Pameran

JPN telahpun menyertai Pameran Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) tahun 2012 yang dianjurkan oleh pihak Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) pada 2 Mac hingga 4 Mac 2012 dan 19 Oktober hingga 21 Oktober 2012.

Tujuan utama penglibatan JPN di dalam MAPEX ini adalah untuk mempromosikan semua program yang dilaksanakan oleh Jabatan serta menjadi platform untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada pengunjung tentang perkara asas yang berkaitan dengan perumahan seperti panduan membeli rumah, hak – hak pembeli serta pengurusan bangunan bertingkat.



7.0 Program Penyenggaraan Perumahan (PPP)

Objektif program ini adalah untuk membantu penduduk rumah berstrata kos rendah menikmati kehidupan yang lebih baik melalui pembaikan dan penyenggaraan bangunan dan harta bersama. Program ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada Oktober 2010 bagi tujuan pelaksanaan pada RMKe-10 bermula pada tahun 2011.

Mulai Mei 2012, Kerajaan telah meningkatkan dasar geran sepadan PPP daripada 50:50 kepada 90:10 di mana pihak pengurusan hanya menampung 10% daripada kos pembaikan keseluruhan kerosakan dan 90% lagi akan dilengkapkan oleh kerajaan. Perubahan dasar geran sepadan ini telah banyak membantu penghuni bangunan berstrata rumah kos rendah untuk menikmati kehidupan yang lebih berkualiti. Selain daripada program PPP sedia ada, Kerajaan juga telah memasukkan program *National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS7)* sebagai nilai tambahan *(added value)* dalam program PPP dan sehingga kini lapan (8) projek telah berjaya dilaksanakan di bawah program *NBOS7*.

Bagi pelaksanaan program PPP (termasuk *NBOS7*), JPN telah berjaya melaksanakan sejumlah 67 projek dengan jumlah peruntukan sebanyak RM40.6 juta.

8.0 Seminar Perumahan Kebangsaan 2012

Seminar Perumahan Kebangsaan 2012 yang berkonsepkan 'Pendidikan dan Kesedaran' telah dianjurkan atas inisiatif Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan tiga (3) universiti awam di Malaysia. Kerjasama antara dua entiti dari industri yang berbeza iaitu pendidikan dan perumahan adalah yang julung kali diadakan dan ini merupakan satu petunjuk yang positif yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Seminar berbentuk pendidikan ini buat pertama kalinya dianjurkan pada 13 November 2011 telah dirasmikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Chor Chee Heung bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dengan kumpulan sasar dikalangan orang awam. Pada tahun 2012, seminar perumahan mensasarkan pelajar-pelajar dan warga universiti dengan kerjasama tiga buah universiti tempatan iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 26 Oktober 2012, Universiti Malaya (UM) pada 10 Oktober 2012 dan yang terakhir di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang pada 18 Oktober 2012. Sambutan yang diterima di ketiga-tiga universiti adalah sangat menggalakkan dengan jumlah kehadiran mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Objektif utama penganjuran seminar ini adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar universiti terutamanya di peringkat tahun akhir Sarjana Muda, Sarjana dan warga kampus universiti tentang hak-hak mereka sebagai bakal pembeli rumah seperti yang terkandung dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Disamping itu, slot taklimat mengenai pengurusan kewangan turut diselitkan dengan objektif mengurangkan kadar kebankrapan di kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan belia seterusnya memupuk sikap lebih bertanggungjawab ke atas pinjaman yang diterima.

Bertepatan dengan objektif-objektif penganjuran, seminar telah menjemput Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), JPN dan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah sebagai penceramah utama di ketiga-ketiga sesi.

TRIBUNAL TUNTUTAN **PEMBELI RUMAH (TTPR)**



LATAR BELAKANG

Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR), diketuai oleh Tuan Shamsulbahri Haji Ibrahim. TTPR merupakan institusi utama dalam penyelesaian pertikaian tuntutan ganti rugi antara pembeli rumah dan pemaju perumahan bagi semua jenis hartanah kediaman dengan cara yang lebih mudah, murah dan cepat.

TTPR ditubuhkan pada 1 Disember 2002 melalui pindaan kepada seksyen 16, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2003.

Bidang kuasa TTPR adalah terhad kepada tuntutan berasaskan kausa tindakan yang timbul daripada perjanjian jual beli yang dibuat di antara pembeli rumah dengan pemaju perumahan berlesen dengan syarat tuntutan tersebut hendaklah difailkan tidak lewat 12 bulan dari –

(a) tarikh pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan;
(b) tarikh tamat tempoh liabiliti kecacatan yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli; atau
(c) tarikh penamatan perjanjian jual beli oleh mana-mana pihak sebelum tarikh pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan bagi rumah kediaman atau kemudahan bersama ;
yang mana terkemudian.

TTPR mengendalikan dua (2) jenis tuntutan iaitu Tuntutan Bukan Teknikal (contohnya ganti rugi bagi kelewatan penyerahan milikan kosong dan ganti rugi bagi kelewatan penyerahan kemudahan bersama) dan Tuntutan Teknikal (contohnya ganti rugi bagi kecacatan mutu kerja dan ganti rugi kerana pembinaan tidak mematuhi spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian jual dan beli).

Had tuntutan yang difailkan di TTPR hendaklah tidak melebihi RM50,000.00 melainkan pihak-pihak telah bersetuju secara bertulis bahawa TTPR mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan tersebut. Tiada peguam dibenarkan mewakili mana-mana pihak tanpa kebenaran Presiden TTPR. Fi pemfailan yang dikenakan bagi pendaftaran kes hanyalah RM10.00 sahaja.

PENCAPAIAN DAN PENGANUGERAHAN

Pendaftaran Kes
Bagi Tahun 2012, sebanyak 2,192 kes telah didaftarkan di TTPR.

Penyelesaian Kes
Sejak penubuhan TTPR sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 34,122 kes telah didaftarkan dan 30,743 kes telah diselesaikan yang membawa kepada peratusan sebanyak 96.28%.

Pensijilan ISO 9001 : 2008
Pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti merupakan pemangkin kepada kecemerlangan organisasi dan telah diukur melalui pensijilan ISO 9001 : 2008. Justeru itu, pada 7 Januari 2010, pihak SIRIM telah menjalankan Audit Pemantauan ISO 9001 : 2000 terhadap TTPR, dan hasilnya mendapati bahawa sistem pengurusan kualiti TTPR dilaksanakan secara berterusan dan disenggarakan dengan memuaskan serta tahap pematuhan kepada standard ISO 9001 : 2000 adalah baik. Sehubungan itu, TTPR telah dianugerahkan pensijilan ISO 9001 : 2000 pada 11 Jun 2010 oleh SIRIM QAS International Sdn.Bhd. Manakala, pada 29 sehingga 30 Disember 2011 pihak SIRIM telah menjalankan Audit Pensijilan Semula dan TTPR telah berjaya memperolehi pensijilan ISO 9001 : 2008.

Pindaan Akta
TTPR turut terlibat dalam proses perbincangan mengusulkan cadangan pindaan terhadap perundangan subsidiari iaitu Peraturan-peraturan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah 2002 bagi tahun 2012 dan cadangan pindaan ini masih dalam perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan.

Pembukaan Kaunter TTPR
Selaras dengan hasrat kerajaan ke arah 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan', TTPR telah berjaya memperluaskan operasi TTPR dengan pembukaan kaunter TTPR di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuala Lumpur, (UTC) Melaka, (UTC) Perak dan Perbadanan Labuan. Kaunter TTPR di lokasi-lokasi tersebut akan beroperasi sepenuhnya bermula Februari 2013. Dengan pembukaan kaunter TTPR ini, TTPR dapat mengembangkan sayapnya dalam menjadi satu forum alternatif kepada pembeli rumah untuk menuntut gantirugi atau pampasan daripada pemaju perumahan dengan cara mudah, murah dan cepat.

PROGRAM DAN AKTIVITI

Promosi Mengenai Fungsi dan Bidang Kuasa TTPR
Sepanjang tahun 2012, sebanyak 72 promosi dan pameran telah berjaya diadakan di seluruh Semenanjung Malaysia berkaitan dengan fungsi dan bidang kuasa TTPR. Selain itu, TTPR juga telah mengadakan pameran dan pemfailan kes secara bergerak untuk kemudahan orang awam memfailkan tuntutan mereka di TTPR. Seterusnya, TTPR juga telah menghadiri perjumpaan penduduk bagi memberikan taklimat dan penerangan kepada mereka mengenai hak-hak mereka sebagai pembeli rumah. TTPR juga telah mengedarkan risalah TTPR di kawasan-kawasan perumahan yang lewat diserahkan milikan kosong lewat dan yang terdapat kecacatan mutu kerja serta pembinaan tidak mengikut spesifikasi oleh pemaju.

Justeru, berikut adalah antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012:

(1) Aktiviti Pameran dan Pembukaan Gerai TTPR
(a) TTPR telah menyertai beberapa pameran yang melibatkan agensi kerajaan mahupun swasta dengan membuka gerai atau *'booth'* TTPR antaranya seperti Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) di Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur, yang telah diadakan pada 2 hingga 4 Januari 2012. Seterusnya, pada 21 April hingga 22 April 2012, TTPR telah menyertai Ekspo Hartanah Malaysia (BPEX) di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Kedua-dua pameran ini telah dianjurkan oleh REHDA Malaysia dan juga telah disertai oleh pemaju perumahan berlesen, agensi kerajaan dan syarikat swasta. Selain itu, bertempat di Putrajaya, TTPR telah menyertai pameran pada Hari Belia Negara yang telah diadakan pada 23 Mei hingga 27 Mei 2012.

(b) TTPR juga menyertai Jelajah Janji Ditepati yang telah dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri di beberapa buah negeri di seluruh Malaysia antaranya di Kedah yang telah diadakan pada 8 Jun 2012, di Negeri Sembilan pada 29 September 2012 dan di Pulau Pinang pada 8 Disember 2012.

(c) TTPR juga telah membuka kaunter dan memberi khidmat nasihat kepada para pengunjung di Kaunter Aduan Bersepadu (KABB) di Kluang Mall, Johor pada

21 Februari hingga 22 Februari 2012. Program ini dianjurkan oleh Biro Pengaduan Awam.

(2) Taklimat dan Pemfailan Kes Secara Berkelompok

(a) TTPR telah mengadakan taklimat dengan penduduk perumahan dan pemfailan kes secara berkelompok atas permintaan penduduk di beberapa kawasan perumahan yang mana milikan kosong telah lewat diserahkan dan terdapat kecacatan mutu kerja oleh pemaju. Antara kawasan perumahan yang terlibat adalah seperti di Taman Naga, Kedah (24 januari 2012), Taman Tanjung, Jitra, Kedah (5 Februari 2012), Taman Machang Bubuk, Bukit Mertajam, Pulau Pinang (7 Februari 2012), Taman Bayu Indah, Pelabuhan Klang (17 Mac 2012), Taman Seraya, Alor Setar, Kedah (8 September 2012), Kondominium Atmosfera, Puchong (22 September 2012), Taman Rentak Asli, Kajang (6 Oktober 2012) dan di Dewan Kristal, KPKT yang melibatkan penduduk Taman Lestari Permai, Sepang (24 November 2012) . Susulan daripada taklimat-taklimat yang telah diberikan ini, sejumlah kes tuntutan yang melibatkan tuntutan teknikal dan bukan teknikal telah difailkan di TTPR yang menyumbang kepada peningkatan kes pemfailan di TTPR sepanjang tahun 2012.

(3) Pengedaran Risalah TTPR

(a) TTPR juga telah mengedarkan risalah TTPR di kawasan perumahan di seluruh Semenanjung Malaysia yang mana milikan kosong lewat diserahkan dan terdapat kecacatan mutu kerja oleh pemaju. Selain itu, risalah-risalah juga diedarkan kepada pengunjung di pameran-pameran yang disertai oleh TTPR.

(b) TTPR juga telah menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta memantapkan sistem penyampaian maklumat kepada orang ramai melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan swasta yang merupakan sebahagian daripada *'National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Justeru itu, TTPR telah menjalinkan kerjasama dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPA) dalam mengedarkan risalah TTPR di taman perumahan yang telah dikenal pasti. Hasil daripada kerjasama ini, sebanyak 292 keping risalah TTPR telah diedarkan di negeri Terengganu, 325 keping di Pahang dan di 535 keping di kedah.

Melalui pameran, taklimat, pengedaran risalah dan pembukaan kaunter sementara TTPR diharap dapat memberikan maklumat yang tepat dan penyampaian perkhidmatan yang cekap serta berkesan kepada rakyat. TTPR akan terus berusaha memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat adalah selaras dengan hasrat kerajaan ke arah 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Promosi Fungsi Dan Bidang Kuasa TTPR

Bagi tujuan promosi mengenai fungsi dan bidang kuasa TTPR telah mengadakan beberapa pameran dan pemfailan kes secara bergerak untuk kemudahan orang awam memfailkan tuntutan mereka di TTPR. Selain itu, TTPR juga telah menghadiri beberapa siri perjumpaan dengan penduduk bagi memberikan taklimat dan penerangan kepada mereka mengenai hak-hak mereka sebagai pembeli rumah. TTPR juga telah mengedarkan risalah TTPR di kawasan perumahan yang milikan kosong baru sahaja diserahkan. Semasa mengedarkan risalah, pegawai TTPR juga menemui penduduk setempat bagi menerangkan secara lisan fungsi dan permasalahan yang boleh difailkan di TTPR seperti tuntutan kelewatan serahan kunci dan kecacatan mutu kerja oleh pemaju.

Berikut adalah aktiviti-aktiviti promosi yang telah dijalankan sepanjang bulan September hingga November 2012:

1. Pada tarikh 8 september 2012, TTPR Zon Utara telah mengadakan taklimat mengenai bidang kuasa dan fungsi TTPR serta pemfailan kes secara berkelopok di Taman Desa Seraya, Alor Setar, Kedah. Pada sesi promosi ini, sebanyak 11 kes melibatkan tuntutan bukan teknikal telah difailkan.

   Pada tarikh 11 September 2012, aktiviti pengedaran risalah TTPR dan taklimat mengenai bidang kuasa dan fungsi TTPR telah dijalankan oleh TTPR Zon Selatan di Taman Pasak Indah, Kota Tinggi. Sambutan yang diterima agak baik dari penduduk setempat dan sebanyak 350 keping risalah telah diedarkan di taman tersebut.



3. Pada tarikh 13 September 2012, TTPR Zon Selatan juga telah mengadakan promosi di taman perumahan sekitar Daerah Kulai. Aktiviti pengedaran risalah bertempat di Bandar Putra Kulai dan Taman Putri Kulai. Sebanyak 300 keping risalah telah diedarkan di taman tersebut.

4. Seterusnya, program promosi TTPR diteruskan oleh TTPR Zon Utara di mana sesi taklimat mengenai bidang kuasa dan fungsi TTPR telah diberikan kepada penduduk di Pangsapuri Idaman Lavender, Sungai Ara, Pulau Pinang pada 16 September 2012. Sambutan diterima agak baik oleh penduduk di situ.

5. Selain itu, pada tarikh 17 September sehingga19 September 2012,TTPR Zon Timur telah mengadakan aktiviti pengedaran risalah di daerah Kota Bharu dan Tanah Merah, Kelantan. Aktiviti pengedaran kali ini melibatkan sebanyak 617 unit rumah di sekitar Kota Bharu dan Tanah Merah.Sebanyak 100 keping risalah juga telah diletak di Masjid Al-Mubin, daerah Panji selepas mendapat permintaan daripada penduduk di kawasan terbabit.Aktiviti yang sama juga diteruskan di Kuala Terengganu pada tarikh 20 September 2012 yang melibatkan sebanyak 239 unit rumah di sekitar kawasan Kuala Terengganu.



6. Bagi TTPR Ibu Pejabat pula, aktiviti promosi telah dijalankan di Kondominium Atmosfera, Puchong pada tarikh 22 September 2012 di mana pihak TTPR telah memberikan taklimat berkenaan bidang kuasa TTPR dan tatacara pemfailan kes kepada pembeli rumah di situ. Sambutan diterima agak baik di mana seramai 45 orang telah hadir pada taklimat tersebut.

7. Seterusnya, pada tarikh 27-28 September 2012, program promosi diteruskan oleh TTPR Zon Selatan di sekitar negeri Melaka dengan mengadakan aktiviti pengedaran risalah dan taklimat mengenai fungsi serta bidang kuasa TTPR kepada penduduk di sekitar Daerah Bukit Katil, Bukit Besar dan Bandaraya Melaka dan kawasan sasaran terdiri daripada taman perumahan baru, masjid serta surau dan Pusat Transformasi Bandar (UTC Melaka). Sambutan yang diterima agak baik dari penduduk tempatan dan sebanyak 750 keping risalah telah diedarkan sepanjang program tersebut dijalankan.

8. Promosi terakhir bagi bulan September 2012 telah diadakan di Kompleks Belia dan Sukan, Paroi Negeri Sembilan di mana TTPR telah menyertai Program Jelajah Janji Ditepati pada 29 September 2012 dengan membuka 'booth' pameran dan memberikan khidmat nasihat tentang bidang kuasa dan fungsi TTPR kepada orang ramai yang berkujung ke situ.

9. Bagi bulan Oktober 2012, aktiviti promosi TTPR diteruskan oleh TTPR Ibu Pejabat di mana pada tarikh 6 Oktober 2012, taklimat tentang bidang kuasa TTPR dan tatacara pemfailan kes telah diadakan di Taman Rentak Asli, Kajang yang melibatkan 80 unit rumah dengan kehadiran 25 orang pembeli rumah.

10. Pada tarikh 9 Oktober 2012 pula, bertempat di sekitar Kuala Berang, Terengganu, aktiviti pengedaran risalah telah dijalankan oleh TTPR Zon Timur. Aktiviti pengedaran kali

ini melibatkan sebanyak 232 unit rumah yang baru siap di sekitar kawasan tersebut.

11. Bagi TTPR Zon Selatan pula, program promosi diadakan di taman perumahan sekitar Daerah Kota Tinggi melalui aktiviti pengedaran risalah TTPR pada tarikh 11 dan 18 Oktober 2012. Program edaran risalah bertempat di Taman Desaru Utama, Surau Taman Desaru Utama, Mutiara Desaru, Taman Kota Medan dan Taman Pasak Indah. Sebanyak 550 keping risalah telah diedarkan di kawasan tersebut.

12. Pada tarikh yang sama iaitu 18 Oktober 2012, TTPR Zon Utara juga telah mengadakan taklimat berkenaan bidang kuasa dan fungsi TTPR di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Sambutan yang diterima agak baik daripada warga USM. 13.Seterusnya, pada tarikh 25 Oktober 2012 dan 30 Oktober 2012, program promosi sekali lagi telah diadakan di sekitar Daerah Johor Bahru, Senai dan Ulu Tiram di mana aktiviti pengedaran risalah TTPR telah dijalankan di sekitar Pangsapuri M'Tiara, Taman Aman Impian Senai, Taman Desa Cemerlang, Taman Bestari Indah dan Surau Sabilul Muhtadin. Sambutan yang diterima agak baik daripada penduduk tempatan dan sebanyak 600 keping risalah telah diedarkan sepanjang program tersebut dijalankan.

14. Selain itu, sepanjang bulan November 2012, pihak TTPR masih giat menjalankan aktiviti promosi di mana





pada tarikh 14 November 2012, TTPR Zon Selatan telah mengadakan taklimat dan mengedarkan risalah TTPR di sekitar kawasan perumahan yang telah dikenal pasti masih dalam tempoh liabiliti kecacatan. Program edaran risalah dan taklimat tersebut telah dijalankan di Taman Gembira, Johor Bahru. Sambutan yang diterima agak baik dari penduduk setempat dan sebanyak 120 keping risalah telah diedarkan di taman tersebut

15. Aktiviti promosi yang sama diteruskan oleh TTPR Zon Selatan dan TTPR Zon Timur pada 14 November Sehingga 20 November 2012. Aktiviti promosi ini melibatkan pengedaran risalah sebanyak 1413 keping di sekitar daerah Kuantan, 120 keping di Taman Gembira, Johor Bahru, 200 keping di Pangsapuri M'Tiara dan Taman Daya, Johor Bahru,



16. Seterusnya, pada 22 November 2012, pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah menjemput TTPR untuk memberikan taklimat berhubung dengan bidang kuasa dan fungsi TTPR kepada penduduk Taman Tanah Merah Jaya, Melaka berhubung dengan masalah kerosakan rumah yang mereka hadapi sejak sekian lama. Taklimat telah diadakan di Dewan Auditorium, MBMB dan dihadiri oleh sebilangan penduduk Taman Tanah Merah Jaya dan kakitangan MBMB. Risalah TTPR juga dapat diedarkan kepada mereka yang hadir sepanjang taklimat diberikan.

17. Pada tarikh 24 November 2012 pula bertempat di Dewan Kristal, KPKT, TTPR Ibu Pejabat telah mengadakan taklimat ringkas dan pemfailan kes secara beramai-ramai yang melibatkan pembeli rumah di Taman Lestari Permai, Sepang. Sebanyak 132 kes tuntutan bukan teknikal telah difailkan di TTPR.

18. Akhir sekali, pada 28 November 2012, program promosi diadakan di taman perumahan di sekitar kawasan Tebrau yang terletak di dalam Daerah Johor Bahru melalui aktiviti pengedaran risalah TTPR. Program promosi ini melibatkan kawasan perumahan yang telah dikenal pasti masih dalam tempoh liabiliti kecacatan iaitu di Maple Red Adda Heights dan Taman Austin Heights. Sambutan yang diterima agak baik dari penduduk setempat dan sebanyak 250 keping risalah telah diedarkan di taman tersebut.











PROGRAM

KERAJAAN TEMPATAN

JABATAN
KERAJAAN TEMPATAN (JKT)



LATAR BELAKANG

Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) diketuai oleh YBhg. Dato' Halimi Abd Manaf telah ditubuhkan pada 24 Mei 1946 dan merupakan salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Jabatan ini berperanan untuk membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran yang berkualiti, kemudahan-kemudahan awam, sosial dan rekreasi bagi memenuhi keperluan penduduk serta meningkatkan peluang-peluang perniagaan. JKT menjalankan fungsinya berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL), Undang-Undang Kecil di bawah Akta 171 serta beberapa akta dan undang-undang kecil yang lain.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Penarafan 5 Bintang Bagi Laman Web Rasmi JKT

Laman Web Rasmi JKT telah berjaya merangkul kedudukan ke-14 dan mendapat taraf 5 Bintang dengan 89 markah me lalui *Malaysian Government Portals & Websites Assessment* (MGPWA) 2012 yang telah dijalankan oleh pihak Multimedia Development Corporation. Jumlah portal dan laman web yang terlibat dalam penilaian pada tahun 2012 telah meningkat kepada 1,349 agensi kerajaan.

Pengurusan Dokumen Kewangan eSPKB Terbaik 2012

JKT telah berjaya mendapat penganugerahan sijil penghargaan dalam Pengurusan Dokumen Kewangan eSPKB Terbaik bagi tahun 2012 daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Wilayah Persekutuan Putrajaya.

PENCAPAIAN

A) PROJEK-PROJEK KECIL DAN KAMPUNG TRADISIONAL DALAM KAWASAN PBT (BP1)

Projek-projek yang dilaksanakan dalam tahun 2012 adalah untuk membantu PBT memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat melalui pengagihan peruntukan pembangunan. Projek-projek yang diluluskan untuk pelaksanaannya berdasarkan kepada tiga (3) skop utama iaitu:

i. **Program Pembangunan Infrastruktur**
Membina dan menaik taraf jalan, lorong, laluan pejalan kaki, parit, longkang, lampu jalan dan lampu simpang;

ii. **Program Kemudahan Awam**
Membina dan menaik taraf dewan serba guna, kemudahan sukan dan rekreasi, stesen bas, pondok menunggu bas, kemudahan untuk OKU di bangunan dan tempat awam, tandas awam, dan sebagainya;

iii. **Program Sosioekonomi**
Membina dan menaik taraf pasar awam, gerai, arked, bazar, dan sebagainya bertujuan menyediakan ruang niaga serta peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Perbelanjaan projek secara keseluruhannya adalah RM279,719,765.09.

Sebanyak 2,587 projek-projek kecil telah diluluskan pelaksanaannya dalam tahun 2012 kepada 148 PBT seluruh Malaysia dengan 2,547 projek telah dapat disiapkan dalam tahun semasa. Baki 40 projek disambung pelaksanaannya dalam tahun 2013. Bilangan projek yang diluluskan mengikut skop adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5 Bilangan Projek Mengikut Negeri

Bil	Negeri	Projek
1	Perlis	15
2	Kedah	194
3	Pulau Pinang	17
4	Perak	257
5	Selangor	148
6	Negeri Sembilan	169
7	Melaka	113
8	Johor	249
9	Pahang	203
10	Terengganu	105
11	Kelantan	78
12	Sarawak	425
13	Sabah	614

B) GERAN TAHUNAN

Bagi tahun 2012, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM302.23 juta bagi Geran Tahunan kepada PBT seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Jumlah Geran Tahunan yang diagihkan kepada PBT adalah berasaskan kepada formula pengiraan Geran Tahunan PBT yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2006. Pecahan pemberian Geran Tahunan mengikut negeri pada tahun 2012 adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6 Peruntukan Geran Tahunan kepada PBT Mengikut Negeri pada Tahun 2012

Bil	Negeri	Amaun (RM)
1	Johor	33,376,252.00
2	Kedah	29,928,251.00
3	Kelantan	21,930,518.00
4	Melaka	9,887,228.00
5	Negeri Sembilan	13,943,149.00
6	Pulau Pinang	10,000,000.00
7	Pahang	18,246,082.00
8	Perlis	2,016,792.00
9	Perak	26,497,745.00
10	Selangor	46,907,240.00
11	Terengganu	25,332,216.00
12	Sarawak	35,864,295.59
13	Sabah	28,298,991.63
	Jumlah	**302,228,760.22**

C) SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

Bagi tahun 2012 sebanyak RM228,396,743.09 juta telah diperuntukkan dan diagihkan pembayaran SMK kepada 154 PBT. Peruntukan SMK bagi tahun 2012 adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 7 Peruntukan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) Kepada PBT Mengikut Negeri pada Tahun 2012

Bil	Negeri	Jumlah
1	Perlis	1,025,045.80
2	Kedah	4,909,410.87
3	Pulau Pinang	7,924,979.05
4	Kelantan	7,130,355.20
5	Terengganu	4,517,293.28
6	Pahang	5,764,821.71
7	Perak	7,175,864.06
8	Selangor	10,578,948.15
9	Wilayah Persekutuan	116,106,718.41
10	Negeri Sembilan	5,173,664.91
11	Melaka	6,895,567.77
12	Johor	11,546,344.02
13	Sarawak	29,130,816.05
14	Sabah	10,516,913.81
	Jumlah	**228,396,743.09**

D) PENGAGIHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BP31

Pada tahun 2012, JKT telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM69,496,605.18 yang melibatkan 1,228 projek kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan JKKK Persekutuan (JKKKP) untuk melaksanakan projek-projek pembangunan kecil seperti membina jalan, parit, longkang, balai raya, dewan orang ramai, gelanggang bola keranjang, taman rekreasi dan lain-lain. Perincian berhubung dengan projek tersebut adalah seperti Jadual 8.

Jadual 8 Pengagihan Peruntukan Pembangunan Kepada PBT Mengikut Negeri pada Tahun 2012

Bil	Negeri	Projek	
1	Johor	286	18,503,715.00
2	Kedah	90	4,510,725.00
3	Kelantan	60	3,465,228.20
4	Kuala Lumpur	5	258,460.00
5	Melaka	46	2,302,089.00
6	Negeri Sembilan	101	5,264,074.21
7	Pahang	128	7,028,848.12
8	Perak	336	17,763,795.77
9	Perlis	2	73,600.00
10	Pulau Pinang	34	1,426,599.00
11	Selangor	136	8,725,170.88
12	Terengganu	4	174,300.00
	Jumlah	**1,228**	**69,496,605.18**



E) MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-65

Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke-65 (MNKT 65) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah diadakan pada 21 Mac 2012, bertempat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua wakil Kerajaan Negeri serta kementerian dan agensi pusat yang berkaitan. Fungsi MNKT adalah sebagai forum perundingan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membentuk dasar untuk memaju, membangun dan mengawal Kerajaan Tempatan. Ini adalah selaras dengan Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah memberi kuasa kepada Parlimen untuk menentukan persamaan undang-undang dan dasar mengenai Kerajaan Tempatan. Perkara 95 (A) Perlembagaan Persekutuan juga turut menetapkan agar Mesyuarat MNKT diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Sebanyak lima (5) kertas kerja dan lima (5) kertas makluman dibentangkan di dalam mesyuarat ini iaitu :

Kertas Kerja :

i) Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984(UKBS 1984);
ii) Cadangan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taska;
iii) Cadangan Garis Panduan Pengenalpastian dan Pembangunan Semula Kawasan Brownfield;
iv) Cadangan Garis Panduan Penguatkuasaan Peraturan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah Oleh Pihak Berkuasa Tempatan; dan
v) Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012.

Kertas Makluman :

i) Pelaksanaan Projek Pembangunan Agromakanan FAMA;
ii) Status Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) Bagi Tempoh 13 April Sehingga 31 Januari 2012;
iii) Status Pelaksanaan Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Komposit Hotel (Pindaan 2011);
iv) Garis Panduan *Star Rating* Tandas Awam Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan; dan
v) Keputusan Sistem Star Rating PBT (SSR-PBT) 2010/2011.



Hasil daripada keputusan Mesyuarat MNKT terdapat empat pekeliling Ketua Setiausaha, KPKT yang dihasilkan iaitu :

i) Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan Brownfield; (Bil. 1/2012)
ii) Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taska; (Bil. 2/2012)
iii) Garis Panduan Star Rating Kebersihan Tandas Kegunaan Awam Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan; dan (Bil. 3/2012)
iv) Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan. (Bil. 4/2012)

F) MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JPPBT) 2012

Mesyuarat JPPBT 2012 telah diadakan pada 25 hingga 27 Mac 2012 di Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak. Mesyuarat JPPBT 2012 yang diadakan secara tahunan ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mesyuarat ini dianjurkan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak dan Dewan Bandaraya Kuching Utara. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua/ Pengerusi Pihak Berkuasa Tempatan/ Wakil Kerajaan Negeri dan beberapa agensi pusat yang berkaitan.

Tujuan mesyuarat JPPBT 2012 ini diadakan adalah untuk :

i) membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan di PBT yang boleh

memberi impak kepada pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan berhubung dengan Kerajaan Tempatan;

ii) menyediakan peluang kepada PBT untuk berkongsi pengalaman dan pandangan serta mendapatkan maklum balas bagi memperbaiki kualiti penyampaian perkhidmatan di PBT; dan

iii) sebagai forum untuk meningkatkan pemahaman kepada Kerajaan Negeri dan PBT terhadap dasar-dasar serta program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat bagi membolehkan PBT memberi perkhidmatan yang lebih efektif kepada penduduk setempat.

Sebanyak 11 kertas kerja telah dibentangkan kepada ahli mesyuarat yang hadir. Bersempena dengan mesyuarat ini YB. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyampaikan Geran Tahunan dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) kepada semua PBT negeri Sarawak.

G) PROJEK DI BAWAH RMKE-10-*ROLLING PLAN* KEDUA

Dalam Rancangan Malaysia ke-10 bagi *Rolling Plan* Kedua, Jabatan menerima peruntukan siling dan bajet bagi tahun 2012 sebanyak RM165,000.00 bagi pelaksanaan Peningkatan Portal eJKT. Portal eJKT ialah portal yang menyimpan maklumat profil PBT, permohonan projek-projek pembangunan PBT dan pemantauan status projek-projek tersebut. Sebanyak 149 PBT terlibat dengan pelaksanaan Portal eJKT. Kesemua peruntukan tersebut berjaya dibelanjakan bagi skop perkhidmatan melibatkan kerja-kerja Kajian Keperluan Pengguna, Pembangunan umum Portal eJKT, Modul Kesihatan Persekitaran dan Modul eFasilti. Skop berikutnya akan disambung pada tahun 2013.

H) KAJIAN PELAN INDUK KAMPUNG TRADISIONAL DAN PETEMPATAN TERSUSUN DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Kajian Pelan Induk Kampung Tradisional dan Petempatan Tersusun Di Dalam Kawasan Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Fasa 2 (KPIKTPT) telah dilaksanakan mulai Ogos 2012 dan akan berakhir pada September 2013. Kerajaan telah melantik MNH Sdn. Bhd. sebagai perunding bagi melaksanakan kajian ini. Laporan awal berhubung kajian ini telah dibentangkan pada September 2012 dan seterusnya kajian lapangan telah bermula sejak Ogos 2012 hingga Disember 2012.

Bilangan kampung yang terlibat dalam KPIKTPT Fasa 2 ini adalah sebanyak 8,862 buah kampung. Kajian ini melibatkan kos sejumlah RM897,226.11. Sehingga 31 Disember 2012, sejumlah RM258,277.84 telah dibelanjakan untuk tujuan ini.

I) BENGKEL PINDAAN DRAF UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) DI BAWAH AKTA 171

Bengkel Pindaan Draf Undang-undang Kecil (UUK) di bawah Akta 171 yang telah diadakan pada 23 hingga 26 April 2012 di Hotel Istana, Kuala Lumpur Bengkel ini adalah bertujuan:

i. mengumpul pandangan pihak berkepentingan untuk menambah baik UUK sedia ada/ gubal baru UUK yang sedang dipinda oleh Bahagian Dasar dan Kemajuan Kerajaan Tempatan;

ii. mengenal pasti dan menyemak peruntukan yang berkaitan bagi memastikan pindaan/ gubalan yang dihasilkan selaras dengan keadaan dan kehendak semasa; dan

iii. merangka Pelan Tindakan Pelaksanaan Cadangan Pindaan/ Gubalan UUK.

Bengkel ini telah dihadiri oleh beberapa pegawai undang-undang dan pelesenan PBT serta pihak yang berkepentingan seperti Polis Diraja Malaysia, Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), The Institution of Engineers Malaysia (IEM), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Association of Malaysia SPA (AMSPA).

PROGRAM/AKTIVITI

A) DANA PINJAMAN KHAS PENDUDUK KAMPUNG BARU CINA

Dalam Rancangan Malaysia ke-10, Kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk menyediakan bantuan kewangan kepada penduduk

Kampung Baru Cina untuk memperbaharui pajakan atau Lesen Pendudukan Sementara (*Temporary Occupation Licence* TOL), membiayai aktiviti perniagaan dan menaik taraf rumah bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Sehingga tahun 2012, JKT telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM85 juta kepada Bank Simpanan Nasional untuk melaksanakan skim pinjaman tersebut. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM43,469,510.00 juta bersamaan dengan 54.14% telah diagihkan kepada 1,384 peminjam yang berjaya. Perincian pengagihan pinjaman mengikut pecahan negeri adalah seperti di Jadual 9.

Jadual 9 Pengagihan Dan Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina mengikut Negeri

Bil	Negeri	Bilangan Peminjam	Amaun Pinjaman (RM)
1	Johor	375	10,237,510.00
2	Kedah	199	7,535,000.00
3	Melaka	116	3,279,000.00
4	Negeri Sembilan	118	3,581,000.00
5	Pahang	51	1,767,000.00
6	Pulau Pinang	44	1,370,000.00
7	Perak	271	8,355,000.00
8	Selangor	148	4,885,000.00
9	Terengganu	26	940,000.00
10	Kuala Lumpur	36	1,520,000.00
	Jumlah	**1,384**	**43,469,510.00**

B) SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT KEMENTERIAN PERUMAHAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

JKT dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan, KPKT telah menyelaras program-program sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) KPKT bermula pada bulan Oktober sehingga November 2012

.

Antara objektif sambutan BBK adalah untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang tepat dan betul dalam borang, poster, risalah, brosur atau mana-mana dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan/ Bahagian di KPKT serta meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan warga kementerian.

Susulan dari itu, beberapa aktiviti dan program telah dirangka bagi memastikan objektif sambutan BKK tercapai. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan seperti di Jadual 10.

Jadual 10 Aktiviti-aktiviti Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat KPKT

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Pertandingan Sahibba	18 Oktober 2012	Dewan Kristal, KPKT
2.	Pertandingan Pantas Jawi	18 Oktober 2012	Dewan Kristal, KPKT
3.	Majlis Syarahan oleh Tokoh Bahasa	5 November 2012	Dewan Kristal, KPKT
4.	Pameran dan Jualan Buku	21 sehingga 22 November 2012	Lobi, KPKT

Selain itu, beberapa program sempena BBK 2012 turut diadakan di peringkat PBT di seluruh negara pada bulan Oktober hingga November 2012 seperti berikut:

i. **Program Ahli Parlimen Bersama Masyarakat**
Program ini bertujuan untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan di kalangan masyarakat setempat serta menyampaikan hasrat, mesej dan dasar-dasar kerajaan khususnya berhubung dengan penggunaan bahasa kebangsaan. Pada tahun 2012, program ini membabitkan 22 PBT terpilih di seluruh negara. Setiap PBT telah diperuntukkan sebanyak RM20,000.00 bagi menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan Bahasa Kebangsaan seperti pertandingan pidato, pameran dan kempen penggunaan bahasa kebangsaan .

ii. **Pertandingan Papan Iklan Luar (kategori PBT), Pertandingan Papan Iklan Luar (kategori Pengusaha Papan Iklan Luar swasta) dan Pertandingan Ceria Bahasa peringkat PBT**
Program ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang tepat dan betul serta memberi pengiktirafan kepada PBT serta pengusaha papan iklan luar swasta yang memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan di PBT dan pada iklan masing-masing. Pertandingan ini telah bermula pada bulan Jun dan berakhir pada bulan Oktober 2012. Sambutan yang diterima adalah menggalakkan berdasarkan bilangan penyertaan yang telah diterima.

C) PROGRAM PENGGALAKAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN DI KAMPUNG BARU CINA

Pada tahun 2012, JKT dengan kerjasama JKKK dan JKKKP telah melaksanakan enam (6) program Penggalakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Kampung Baru Cina selaras dengan usaha Kementerian untuk memartabatkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa yang menyatupadukan rakyat Malaysia. Program ini telah dilaksanakan mulai bulan April sehingga Oktober. Secara keseluruhannya, program ini telah menyaksikan penyertaan penduduk kampung seramai 1,500 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Selain daripada itu, pemimpin tempatan turut bersama-sama menjayakan program tersebut. Perincian tarikh dan tempat pelaksanaan adalah seperti Jadual 11.

Jadual 11 Program Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Kampung Cina

Bil	Kampung Baru	Tarikh	Tempat
1	Kampung Baru Padang Serai,Kulim, Kedah	27 April 2012	Dewan MCA Padang Serai
2	Kampung Baru Kundang,Gombak, Selangor	25 Mei 2012	Dewan SJK (C) Kundang
3	Kampung Baru Sungai Rui,	16 Jun 2012	Dewan SJK (C) Sungai Rui
4	Kampung Baru Tampin, Tampin, Negeri Sembilan	9 September 2012	Dewan Serba guna Kg. Baru Tampin
5	Kampung Baru Pokok Assam Larut Matang, Perak	19 Oktober 2012	Dewan Gelanggang Bola Keranjang Kg. Baru Pokok Assam
6	Kampung Baru Sri Lalang,Kluang, Johor	20 Oktober 2012	Dewan MCA Sri Lalang

D) SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2012

Hari Tandas Sedunia disambut pada 19 November setiap tahun di seluruh dunia untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang budaya tandas bersih. Lebih 60 negara di dunia termasuk Malaysia menyambut Hari Tandas Sedunia bagi memperingati kepentingan tandas di dalam kehidupan seharian manusia.

Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2012 telah berlangsung pada 22 November 2012 (Khamis) di Hotel Crowne Plaza Mutiara, Kuala Lumpur. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Seri Chor Chee Heung. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT. Jemputan untuk majlis pelancaran ini adalah seramai 500 orang dan terdiri daripada Datuk-Datuk Bandar,Yang Dipertua, wakil-wakil Pihak Berkuasa Tempatan, wakil agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), wakil swasta dan wakil syarikat kontraktor pembersihan awam.

Tema Sambutan Hari Tandas Sedunia 2012 ialah 'Tandas Bersih Kebahagiaan 1Malaysia'. Objektifnya adalah untuk menanam semangat cintakan tandas di kalangan rakyat Malaysia sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap betapa pentingnya menjaga kebersihan tandas dan meningkatkan imej kebersihan tandas awam di Malaysia.

Selain itu, pihak penganjur juga mengadakan pameran mengenai barang-barang pengeluaran tandas dan produk-produk kesihatan persekitaran. Sebanyak 11 agensi Kerajaan, swasta dan NGO telah mengambil bahagian di dalam pameran ini. Pada sesi petang diadakan Seminar Kebersihan Tandas Awam yang telah dihadiri oleh seramai 200 orang peserta yang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pelajar Sekolah, Penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam dan juga organisasi luar yang berkaitan. Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan bagi membincangkan isu-isu berkaitan tandas awam oleh mereka-mereka yang berpengalaman dalam bidang berkaitan seperti dari QRAM, Syarikat Denai Biru Sdn Bhd, Malaysia Airport Berhad dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

E) PROGRAM DI BAWAH INISIATIF NBOS

Program Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*)

Sebanyak lapan (8) projek di bawah inisiatif NBOS 7 telah dilaksanakan bagi tahun 2012. Senarai lokasi adalah seperti berikut:

i. Rumah Pangsa Lobak, Seremban, Negeri Sembilan.
ii. Rumah Pangsa Taman Setia Jaya, Alor Star, Kedah.
iii. Rumah Pangsa Simpang Kuala, Alor Star, Kedah.
iv. Rumah Pangsa Seberang Terus, Alor Star, Kedah.
v. Rumah Pangsa Jalan Silang, Ipoh, Perak.





vi. Rumah Pangsa Jalan Bijih Timah, Ipoh, Perak.
vii. Rumah Pangsa Kinta Height, Ipoh, Perak.
viii. Rumah Pangsa Larkin, Johor Bahru, Johor.

Antara skop-skop yang dilaksanakan oleh JKT adalah penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan awam meliputi jalan, perparitan, pencahayaan, parkir awam dan dewan serba guna.

F) PROGRAM TURUN PADANG DAN MAJLIS PERASMIAN PROJEK-PROJEK JKT

JKT turut menyelaras Program Turun Padang YB Menteri ke lokasi projek yang dilaksanakan menggunakan peruntukan BP1. Program ini dilihat telah mencapai matlamat bagi mengetahui sejauh mana impak projek-projek kecil dan penerimaan masyarakat setempat terhadap projek-projek tersebut serta bertemu dan beramah mesra dengan masyarakat di kawasan PBT yang telah menerima manfaat dari projek-projek yang telah dilaksanakan. Program turun padang yang telah disempurnakan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sepanjang tahun 2012 adalah seperti di Jadual 12.

Jadual 12 Program Turun Padang YB Menteri Sepanjang Tahun 2012

Bil	Perkara	Tarikh
1	Program Turun Padang YB Menteri Bersempena Majlis Perasmian Medan Selera Dataran Lenggong dan Lawatan Walkabout Di Kawasan Majlis Daerah Lenggong.	2 Mac 2012
2	Program Turun Padang YB Menteri Bersempena Majlis Perasmian Pasar Awam Bandar Segamat, Majlis Daerah Segamat.	16 April 2012
3	Program Turun Padang YB Menteri Bersempena Lawatan *Walkabout* Di Kawasan Pasar Sultan Abdul Halim, Alor Setar dan penyerahan Geran Tahunan dan Sumbangan Membantu Kadar Kepada PBT Negeri Kedah.	21 April 2012
4	Program Turun Padang YB Menteri Bersempena Majlis Perasmian Dewan Orang ramai Taman Tualang Indah, Mentakab, Majlis Perbandaran Temerloh.	28 Mei 2012
5	Majlis Penyerahan Geran Tahunan Dan Sumbangan Membantu Kadar Bagi Negeri Sabah.	22 April 2012



G) PROGRAM PEMANTAUAN PERANGKAP MINYAK PBT

Bahagian Penyenggaraan Fasiliti dan Perparitan Bandar telah mengadakan pemantauan pemasangan dan penyenggaraan perangkap minyak di bawah seliaan PBT. Tujuan program ini diadakan adalah untuk:

i. Mendapatkan maklumat pemasangan melalui proses pelesenan premis perniagaan dan penyenggaraan perangkap minyak bagi penambahbaikan draf garis panduan perangkap minyak;
ii. Mengenal pasti segala operasi penyenggaraan dan pelupusan sisa minyak serta sisa makanan di premis makanan dan prosedur yang telah ditetapkan;
iii. Mengenal pasti undang-undang yang berkaitan dalam menguatkuasakan pemasangan sistem perangkap minyak di PBT; dan

iv. Berkongsi maklumat dan pengetahuan dengan PBT berhubung pelaksanaan perangkap minyak.

Pemantauan yang dilakukan melibatkan tiga (3) kategori premis iaitu medan selera, restoran dan hotel bermula pada bulan Februari sehingga Julai 2012 dan sebanyak 45 PBT telah dilawati oleh JKT pada tahun 2012.

H) PROGRAM AUDIT KAWALAN BANGUNAN

Sebanyak empat (4) program audit telah dilaksanakan oleh JKT melalui seperti di Jadual 13.

Jadual 13 Program Audit Kawalan Bangunan

Bil	Program Audit	PBT
1	Audit Keselamatan Jalan	i. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar ii. Majlis Perbandaran Kuantan iii. Majlis Perbandaran Kemaman iv. Majlis Daerah Kerian
2	Audit Keselamatan Cerun	i. Majlis Bandaraya Kota Kinabalu ii. Majlis Perbandaran Alor Gajah iii. Majlis Perbandaran Pasir Gudang iv. Majlis Daerah Rembau v. Majlis Daerah Tampin vi. Majlis Perbandaran Muar
3	Audit Akses OKU di kawasan PBT	i. Majlis Bandaraya Kota Kinabalu ii. Majlis Perbandaran Alor Gajah iii. Majlis Perbandaran Pasir Gudang iv. Majlis Daerah Rembau v. Majlis Daerah Tampin vi. Majlis Perbandaran Muar
4	Audit Akses OKU di kawasan PBT	i. Majlis Bandaraya Johor Bharu ii. Majlis Perbandaran Johor Tengah iii. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah iv. Majlis Perbandaran Langkawi v. Majlis Perbandaran Klang vi. Majlis Perbandaran Petaling Jaya vii. Majlis Perbandaran Subang viii. Majlis Perbandaran Seberang Perai ix. Majlis Perbandaran Pulau Pinang x. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu



I) PROGRAM/AKTIVITI BERKAITAN NKEA/NKRA *RIVER OF LIFE*

Key Initiative 10: Promote, enforce and manage river cleanliness and health – restaurants, workshops and other commercial outlets

Sebagai agensi peneraju untuk *Key-Initiative* 10, JKT bertanggungjawab menyelia pembinaan perangkap minyak komunal di premis makanan di dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Pada tahun 2012, kesemua PBT yang terlibat telah menyiapkan pembinaan perangkap minyak komunal di kawasan masing-masing seperti di Jadual 14.

Jadual 14 Pembinaan Perangkap Minyak Komunal Mengikut Kawasan PBT

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
• Medan Selera Jln Jujur • Medan Selera Jln Usahawan • Medan Selera Jln Wirawati • Medan Selera Jln Thaver • Medan Selera Desa Aman • Medan Selera Danau Kota • Medan Selera Damai,	• Medan Selera Taman Melawati • Medan Selera Bazar Melawati • Medan Selera Anjung MelawatiMedan Selera AU5 • Medan Selera Tmn Desa Keramat • Medan Selera AU2 (Felda) • Medan Selera Bunga Tanjung • Medan Selera Angsana Hilir • Medan Selera Pandan Jaya	• Gerai MPS Selayang Indah • Gerai MPS Sengkuap • Gerai MPS Taman Samudera • Gerai MPS Sungai Pusu • Gerai MPS Desa Jaya • Gerai MPS Wira Damai Fasa 1 • Gerai MPS Taman Bidara • Gerai MPS Taman Bolton • Gerai MPS Bandar Baru Selayang • Gerai MPS Country Homes • Gerai MPS Rawang Jaya • Gerai MPS Taman Tun Teja

Semua perangkap minyak komunal yang telah dibina, secara purata telah mencatatkan pengurangan kadar minyak, lemak dan gris *(Fat, Oil & Grease, FOG)* sebanyak 96%. Untuk tahun 2013, kerja penyelenggaraan perangkap minyak yang dibina akan diteruskan,



PROGRAM PENGURUSAN **SISA PEPEJAL**



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA (JPSPN)

LATAR BELAKANG

Penubuhan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) adalah berdasarkan kepada Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang diluluskan di Parlimen pada 17 Julai 2007 dan diwartakan pada 30 Ogos 2007. Akta tersebut kemudiannya dikuatkuasakan pada 1 September 2011 yang mana memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan ini bagi mengintegrasikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di peringkat nasional. Sehingga kini, JPSPN yang diterajui oleh YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya menjadi Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab memastikan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lestari, bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif. Bagi mencapai visi tersebut JPSPN berperanan melaksanakan fungsi-fungsi seperti berikut:

i. Mewujudkan dasar, rancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
ii. Merumuskan rancangan bagi pengurusan sisa pepejal (lokasi, jenis, saiz kemudahan dan pengolahan baru), kawasan lingkungan, skim dan jangka masa pelaksanaan rancangan
iii. Menetapkan standard, spesifikasi, dan tata amalan
iv. Memberi lesen dan kelulusan
v. Melaksanakan fungsi pengawalseliaan

PENGIKTIRAFAN

PENARAFAN LAMAN WEB JABATAN

Laman web JPSPN telah berjaya mendapatkan penarafan 5 bintang dan berada di kedudukan kelima dalam Penilaian Portal dan Laman Web tahun 2012 yang dijalankan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC)

PENCAPAIAN

A) GARIS PANDUAN SISTEM PENGURUSAN SISA PEPEJAL BAGI PEMBANGUNAN BARU

Garis Panduan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Bagi Pembangunan Baru telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Pembangunan (JPP) pada 26 Julai 2012.

Manakala empat (4) peraturan telah dimuktamadkan di peringkat Jabatan untuk dikemukakan ke Bahagian Undang-Undang KPKT iaitu :

i) Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Sisa Pepejal Pembinaan) 2012;
ii) Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan Bagi Sisa Pepejal Pembinaan) 2012;
iii) Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Sisa Pepejal Perniagaan) 2012; dan
iv) Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan Bagi Sisa Pepejal Perniagaan) 2012

B) PROJEK DI BAWAH RMKE-10 – ROLLING PLAN PERTAMA

Dalam Rancangan Malaysia ke-10 bagi *Rolling Plan* Pertama, Jabatan menerima peruntukan siling sebanyak RM672,960,099.00 dengan peruntukan tahun 2012 sebanyak RM 352,410,460.00 bersamaan dengan 34 projek. Secara keseluruhannya, JPSPN telah membelanjakan sebanyak 99.76% daripada jumlah peruntukan tahunan bersamaan dengan RM351,554,436.00. Berdasarkan peruntukan tersebut, sebanyak 34 projek berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2012. Perincian berhubung dengan projek tersebut adalah seperti di jadual 1 hingga 4.

C) KAJIAN-KAJIAN YANG DILAKUKAN

Pada tahun 2012, JPSPN telah melaksanakan dua (2) kajian iaitu:

i. Kajian Isu dan Masalah Pengaliran Leachate Daripada Tapak Yang Telah Ditutup Selamat Mengenal Pasti Masalah Loji Rawatan *Leachate* Sedia Ada Serta

Mengkaji Kesesuaian Tapak Bagi Pembinaan Loji Rawatan Termal Di Kawasan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Taman Beringin Jinjang Utara, Kuala Lumpur.

ii. Kajian Komposisi Sisa Pepejal

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

A) KEMPEN KESEDARAN AWAM MENGENAI PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KITAR SEMULA

Bagi meningkatkan kesedaran orang awam mengenai transformasi sisa pepejal serta kepentingan amalan kitar semula, Jabatan telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti promosi dan publisiti seperti yang berikut:

i. Kempen Kitar Semula Di Media Elektronik (Bermula Mac 2012)

Jadual 15 Kempen Kitar Semula Di Media Elektronik

Bil	Iklan	Saluran
1	Thematic 75 Saat (Internet Eksklusif) • Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris	Laman Web JPSPN: www.kpkt.gov.my/jpspn
2	Thematic 40 Saat (Versi TV) • Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris	RTM 1, RTM 2, TV3, ASTRO (ESPN/STAR Sports, Ria, Awani, CNN, AXN, ASSP, Star Movie, Diva, AFC, Starworld, Wah Lai Toi)
3	Radio • Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Mandarin & Tamil	Sinar FM, Hitz FM, My FM & Minnal FM
3	Tactical (Internet Eksklusif) • Episod 2 (40 saat: Tong Sampah 120 Liter) • Episod 3(40 saat: Sistem Kutipan 2 + 1) • Episod 4(40 saat: Negeri-negeri yang terlibat) • Episod 5 (40 saat: Edaran Tong sampah secara berperingkat)	Laman Web JPSPN: www.kpkt.gov.my/jpspn

ii. Pesanan Kitar Semula di dalam Bas

Jadual 16 Jadual Pengiklanan Pesanan Kitar Semula di dalam Bas

Deskripsi Perkhidmatan	Bas/ Kawasan Perkhidmatan	Bilangan Bas	Tempoh
Pengiklanan Di Panel Dalam Bas (*Interior Bus Panel Advertising*)	Bas Metro Kuala Lumpur	8	4 Minggu
Pengiklanan Di TV Dalam Bas	Rapid KL Kuala Lumpur	1000	2 Minggu

iii. Edaran Poster & risalah mengenai pengurusan sisa pepejal dan Kitar Semula

iv. Program Membudayakan 3R di KPKT

Jadual 17 Aktiviti dan Pencapaian Program Membudayakan 3R di KPKT

Aktiviti	Pencapaian
Kutipan bahan kitar semula dan minyak masak terpakai bermula 15 Oktober. Kutipan setiap 2 Minggu sekali (Isnin)	Jumlah Kutipan sepanjang 2012: 4.602 Tan
Edaran Bekas Makanan kepada Kakitangan KPKT	Penyerahan kepada Ketua Jabatan pada Perhimpunan Bulanan KPKT (21 November 2012)

B) PERASMIAN / SAMBUTAN PROGRAM

i. Majlis Penyerahan Tong Sisa Mudah Alih Kepada Penduduk Taman Desa, Kuala Lumpur

Majlis ini telah diadakan pada 13 Januari 2012 yang mana penyerahan telah dilakukan oleh Y.B. Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Ahmad Hj Kabit, Ketua Setiausaha KPKT pada ketika itu. Majlis diadakan dengan kerjasama Alam Flora Sdn Bhd. Pemberian Tong Sisa berkapasiti 120 Liter kepada penduduk adalah selaras dengan penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi memastikan kutipan sisa pepejal dilaksanakan dengan berkesan.



ii. **Majlis Pra Tonton Kempen Kitar Semula 2012**

Pada 12 Mac 2012, bertempat di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), telah diadakan satu Majlis Pra-Tonton Kempen Kitar Semula 2012 kepada pihak Media dan warga KPKT. Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran selebriti terkenal Maya Karin yang turut serta terlibat dalam pembikinan iklan kitar semula tersebut. Kempen tersebut bermula siarannya di media-media elektronik pada 12 Mac 2012 sehingga Jun 2012, manakala versi Tactical-Internet Eksklusif boleh ditonton di laman web Jabatan di www.kpkt.gov.my/jpspn.



iii. **MPMA-*Scientex Foundation 3R's Awareness* Program 2012**

Program MPMA-*Scientex Foundation 3R's Awareness* Program ini telah diadakan selama dua (2) bulan bermula pada 24 Mac 2012. Program ini dirasmikan permulaannya di Pantai Puteri, Melaka. Program ini telah berlangsung selama dua (2) bulan dengan melibatkan penyertaan daripada 50 buah sekolah di sekitar Negeri Melaka. Penyampaian anugerah kepada pemenang-pemenang program telah diadakan dalam satu majlis di Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), Melaka pada 19 Mei 2012. Program tersebut merupakan anjuran bersama JPSPN, MPMA-*Scientex Foundation*, Kerajaan Negeri Melaka, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pelancongan Malaysia

iv. **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Mengenai Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan Kitar Semula (MRF)**

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Seri Chor Chee Heung telah menyaksikan Malis Menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan Kitar Semula *(Material Recovery Facility)* pada 12 November 2012. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ini ialah di antara Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd, Worldwide Holdings Sdn Bhd dan MDS Sdn. Bhd dengan Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Majlis ini diadakan susulan kerjasama di antara Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd, Worldwide Holdings Sdn Bhd dan JPSPN yang mana sebuah MRF telah ditempatkan di Tapak Pelupusan Sanitari Jeram bagi tujuan mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula.





C) LAWATAN TURUN PADANG

Beberapa program lawatan turun padang oleh Pengurusan Tertinggi KPKT telah diselaraskan oleh JPSPN ke tapak-tapak projek berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sepanjang tahun 2012. Tujuan lawatan turun padang ini diatur bagi membolehkan Pengurusan Tertinggi KPKT terutamanya YB Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian mengetahui lebih terperinci tentang masalah-masalah di lapangan serta status terkini projek-projek yang dilaksanakan. Di antara sesi lawatan sepanjang Tahun 2012 adalah seperti di Jadual 18.

Jadual 18 Sesi Lawatan Turun Padang ke Projek-Projek JPSPN Sepanjang Tahun 2012

Tarikh	Lawatan Oleh/ Lawatan Ke	Tujuan
21 Mei 2012	Lawatan Kerja YB Menteri ke Stesen Pemindahan Sisa Pepejal, Seksyen 21 Shah Alam	Memantau pengoperasian Stesen Pemindahan tersebut yang baru sahaja memulakan operasinya pada 21 Mei 2012.
26 September 2012	Lawatan Kerja Timbalan Ketua Setiausaha Dasar ke Stesen Pemindahan Sisa Pepejal, Taman Beringin, Kuala Lumpur	Memantau pengoperasian Stesen Pemindahan tersebut serta projek menyiapkan Loji Rawatan Air Larut Resap yang sedang dijalankan.
6 September 2012	Lawatan Kerja Ketua Setiausaha ke Loji Rawatan Termal Langkawi	Memantau status kemajuan projek.
28 September 2012	Lawatan Kerja Ketua Setiausaha ke Stesen Pemindahan Sisa Pepejal, Taman Beringin, Kuala Lumpur	Memantau pengoperasian Stesen Pemindahan tersebut serta projek membina Loji Rawatan Air Larut Resap yang sedang dijalankan.
17 November 2012	Lawatan Kerja Ketua Setiausaha ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari, Jeram, Selangor	Melihat pengoperasian tapak pelupusan sisa pepejal sanitari serta melawat Fasiliti Mendapatkan Semula Bahan Kitar Semula (MRF) yang merupakan projek usahama antara JPSPN, Tetra Pak (M) Sdn. Bhd, Worldwide Holdings Sdn. Bhd & MDS Sdn. Bhd

D) PAMERAN

Sepanjang tahun 2012 jabatan giat mengadakan pameran dan turut menyertai jemputan pameran daripada agensi lain dalam usaha mempromosikan kitar semula dan mengumpul pandangan orang ramai mengenai teknologi pengurusan sisa pepejal di Malaysia. Jadual 19 menunjukkan pameran utama yang telah dianjurkan dan disertai Jabatan sepanjang tahun 2012.

Jadual 19 Pameran-Pameran yang Dianjurkan dan Disertai oleh JPSPN Sepanjang Tahun 2012.

Tarikh	Pameran/ Tempat	Tujuan
Jun-Sept 2012	Pameran sempena Jelajah Janji Ditepati: • Kulim, Kedah (8 Jun 2012) • Taiping, Perak (16 Jun 2012) • Bandaraya Melaka (23 Jun 2012) • Bangi, Selangor (8 Jul 2012) • Paroi, Negeri Sembilan (29 Sept 2012)	ICU, Jabatan Perdana Menteri
Jun-Jul 2012	Hari Terbuka Hasil Lab Pengurusan Sisa Pepejal: • KL Sentral, Kuala Lumpur (19 Jun 2012) • Danga City Mall, Johor Bharu (30 Jun 2012) • East Coast Mall, Kuantan (7 Jul 2012) • Ipoh Parade	JPSPN
13 Okt 2012	Majlis Pra-Pelancaran IM4U-MOHE di UTHM, Batu Pahat, Johor	Kementerian Pengajian Tinggi
12 & 13 Dis 2012	Hari Terbuka Kitar Semula di Pudu Sentral, Kuala Lumpur	JPSPN



E) SEMINAR

i. Projek Bandar Biomass Serdang

- 5 Januari 2012 : Program Taklimat dan Kempen Kesedaran Bandar Biomass Serdang yang telah berlangsung di Auditorium Jurutera, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia adalah merupakan kerjasama di antara JPSPN, Universiti Putra Malaysia (UPM),Ministry Of Agriculture, Forestry And Fisheries Japan, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Malaysian Agricultural Research And Development Institute (MARDI) dan Recycle One Inc. Japan. Taklimat pada hari tersebut telah disampaikan oleh Ketua Projek, Prof. Dr. Mohd Ali Hassan, wakil Kedutaan Jepun, En. Shun Ogawa serta wakil dari Recycler One Inc., En. Daisuke Tsujimoto. Peserta-peserta taklimat terdiri daripada peniaga-peniaga kecil dan komuniti dari kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya

- 16 Mac 2012: Bertempat di Hotel Marriot Putrajaya, JPSPN telah mengadakan satu Bengkel mengenai *Biomass Town* Sri Serdang. Bengkel tersebut bertujuan memberikan penerangan serta meningkatkan lagi kefahaman mengenai perjalanan sebenar konsep *Biomass Town* serta perkembangan projek perintis *Biomass Town* Sri Serdang. Taklimat telah disampaikan oleh Dr.IgarashiYasuo,Profesor dari University Of Tokyo dengan tajuk *Biomass Town Utilization*. Sesi taklimat seterusnya dengan tajuk *Biomass Related Policy* in Japan telah disampaikan oleh Ms Morizane Yuko, Deputy Director of Biomass policy Division, MAFF.

ii. Seminar *Feasibility Study Of Installation, Operation And Maintenance Of Waste To Energy (WtE) Plant And Proposal For The Comprehensive Solution To Municipal Solid Waste (MSW) In Greater Kuala Lumpur*

Seminar ini telah berlangsung pada 19 Mac 2012 di Dewan 1, Putrajaya International Convention Centre (PICC). Tujuan seminar diadakan adalah untuk membentangkan penemuan-penemuan dan cadangan kajian kepada penyelesaian komprehensif pengurusan sisa pepejal di Kuala Lumpur dengan mengguna pakai teknologi rawatan sisa pepejal yang lestari dan kos efektif. Kajian ini telah bermula dari bulan Jun 2011 dan berakhir pada Mac 2012.

iii. Lab Pengurusan Sisa Pepejal

Pada 26 Mac 2012 sehingga 13 April 2012, JPSPN telah menganjurkan satu Lab mengenai Pengurusan Sisa Pepejal bertempat di PICC, Putrajaya dan telah disertai oleh stakeholders, Agensi Kerajaan seperti JAS, DOS dan Agensi Nuklear Malaysia. Selain itu, pemain industri, penyedia teknologi dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGOs) turut menyertainya





Hasil daripada perbincangan selama tiga (3) minggu, Lab telah mengesyorkan pengurusan sisa pepejal dilaksanakan mengikut keutamaan hirarki :

- Mengelakkan penjanaan sisa
- Mengurangkan sisa dipunca
- Menggunakan semula barangan dan bahan terpakai

- Perolehan semula bahan melalui kitar semula, rawatan secara organik, perolehan tenaga melalui rawatan pengolahan haba; dan
- Tapak pelupusan sebagai pilihan terakhir

Berdasarkan keutamaan tersebut, tiga (3) cadangan utama disenaraikan iaitu :

- 3R *(Reduce, Reuse & Recycle)*
- Perolehan semula / Rawatan
- Pelupusan

Hasil daripada Lab tersebut juga JPSPN menyasarkan 40% pengurangan sisa ke tapak pelupusan, 38% pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan kesan ekonomi yang positif menjelang 2020.

F) PROGRAM PEMBANGUNAN

Berikut merupakan senarai program pembangunan di bawah JPSPN

i. Kajian Mengenai Komposisi Sisa Pepejal
ii. Projek Pembinaan Baru Tapak Pelupusan Tapak Pelupusan Temerloh, Pahang
iii. Projek Pembinaan Baru Tapak Pelupusan Tapak Pelupusan Kemaman – Kerja Awalan
iv. Projek Pembinaan Baru Tapak Pelupusan Marang, Terengganu
v. Projek Pembinaan Baru Tapak Pelupusan Mukim Jorak, Pagoh, Johor
vi. Projek Pembinaan Tapak Pelupusan Sungai Udang, Melaka
vii. Projek Pembinaan Baru Tapak Pelupusan Ladang Tanah Merah, Mukim Jimah, Port Dickson, Negeri Sembilan
viii. Projek Pembinaan Baru Tapak Pelupusan Telok Mengkudu, Manjung, Perak
ix. Projek Pembinaan Baru Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Payong, Batu Pahat
x. Projek Pembinaan Baru Tapak Pelupusan Sanitari Pekan Nenas, Pontian
xi. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Cheroh Raub, Pahang
xii. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Jengka 10, Maran, Pahang
xiii. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Krubong, Melaka
xiv. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Padang Sertik, Bentong, Pahang
xv. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Temayor, Labis, Johor
xvi. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Bukit Bakri, Muar, Johor
xvii Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Kg. Feri, Rompin, Pahang
xviii. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Jalan Batangan, Marang, Terengganu
xix. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Sibuti, Miri, Sarawak
xx. Projek naiktaraf Tapak Pelupusan Jalan Kemunyan, Sibu, Sarawak
xxi. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Jalan Lipis, Pahang
xxii. Projek naiktaraf Tapak Pelupusan Sungai Wangi, Manjung, Perak
xxiii. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Kok Foh, Jempol, Negeri Sembilan
xxiv. Projek Naiktaraf Tapak Pelupusan Teluk Cempedak, Pulau Pangkor, Perak
xxv. Penutupan Selamat Tapak Pelupusan
xxvi. Pembinaan Loji Rawatan Leachate Di Stesen Pemindahan Taman Beringin, Eil. Persekutua Kuala Lumpur
xxvii. Pembinaan Loji Rawatan Termal Cameron Highland, Pahang
xxviii. Pembinaan Loji Rawatan Termal Pulau Tioman, Pahang
xxix. Pembinaan Loji Rawatan Termal Pulau Pangkor, Perak
xxx. Pembaikan Loji Rawatan Termal Oxidation (TOP) Labuan, Wil. Persekutuan Labuan
xxxi. Pembinaan Loji Rawatan Termal Labuan
xxxii. Pembinaan Loji Rawatan Termal Pulau Langkawi
xxxiii. Perolehan Tanah Bagi Projek-Projek Pengurusan Sisa Pepejal
xxxiv. Lain-Lain Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Baru

PROGRAM/AKTIVITI BERKAITAN NKEA/NKRA

I. *GREATER KL/KV (EPP 9: EFFICIENT SOLID WASTE MANAGENT)*

Dalam usaha untuk meletakkan Kuala Lumpur sebagai *'Liveable City'*, pengurusan sisa pepejal yang cekap telah dikenal pasti sebagai faktor yang perlu diberikan keutamaan dan perhatian serius. Dalam menguruskan sisa pepejal di kawasan Greater KL/Klang Valley. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada inisiatif yang bertujuan meningkatkan kadar kitar semula, mengurangkan kos pelupusan sisa pepejal, dan menggerakkan penggunaan teknologi mesra alam dan terbukti dalam merawat sisa pepejal yang dijana.

Terdapat empat (4) inisiatif utama di bawah EPP ini:

- Meningkatkan pelaksanaan aktiviti 3R (Kurangkan, Guna semula, Kitar Semula)
- Meningkatkan kapasiti rawatan sisa untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal yang akan dilupuskan di tapak pelupusan.
- Meningkatkan tadbir urus pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam.
- Menilai potensi masa depan untuk memanfaatkan perkembangan baru dalam teknologi seperti sistem pengumpulan automatik sisa dan *deep bins* untuk meningkatkan standard pengumpulan sampah.

Jadual 20 Pencapaian KPI di bawah Inisiatif Greater KL/Klang Valley

KPI	Sasaran 2012	Pencapaian (YTD)	Status
Roll-out of Separation at Source (Household Wastes) – Distribution of Bins to KL households	*100%*	*95.4%*	*GREEN*
Setting Up of Food Waste Treatment Plant. Identify suitable sewerage treatment plant for hybrid STP/Food Waste treatment plant	*100%*	*100% (Sg. Besi site identified for Hybrid Sewerage-Food Waste Treatment Plant)*	*GREEN*
Construction and Demolition Waste Facility – Procurement of equipment to upgrade existing inert facility in Sg. Kertas	*100%*	*100%*	*GREEN*

II. GREATER KL/KV (EPP 5: *RIVER OF LIFE)*

Di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) Greater Kuala Lumpur /Klang Valley (GKL/KV), Key Initiative (K.I) 12a – *General Rubbish Disposal* bagi EPP5: *River of Life,* satu kajian sedang dijalankan bagi mengenalpasti masalah pengurusan leachate dan mengkaji kesesuai tapak bagi pembinaan loji rawatan termal di kawasan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Taman Beringin, Kuala Lumpur. Berikut adalah maklumat berkaitan kajian tersebut:

Tajuk Kajian:

Kajian bagi mengkaji isu dan masalah pengaliran leachate daripada tapak yang telah ditutup selamat, mengenalpasti masalah loji rawatan leachate sediada serta mengkaji kesesuaian tapak bagi pembinaan loji rawatan termal di kawasan tapak pelupusan sisa pepejal Taman Beringin, Jinjang Utara, Kuala Lumpur.

Kos Kajian: RM 971,395.29	**Tempoh Kajian:** 20 Minggu	**Tarikh Siap Kajian:**
Agensi Pelaksana: JPSPN	**Perunding:** Uni- Technologies Sdn. Bhd.	
Stakeholder terlibat: Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), Jabatan Pengaliran Dan Saliran (JPS), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), PEMANDU.		
Status terkini sehingga 31 Disember 2012: Inception Report telah dibentangkan dan diluluskan pada 18 Disember 2012.		

III. BUSINESS SERVICES (EPP 4: *JUMP-STARTING A VIBRANT GREEN TECHNOLOGY INDUSTRY)*

Teknologi hijau merupakan industri yang bernilai berbilion-di peringkat global, dengan kadar pertumbuhan 30-40% setahun dalam bidang berkaitan seperti tenaga boleh diperbaharui. Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk memanfaatkan pertumbuhan ini terutama dalam bidang kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharui, pengurusan sisa, kenderaan cekap tenaga dan bangunan hijau. Dan JPSPN merupakan agensi yang dipertanggunjawabkan bagi meneroka peluang ini bawah teras pengurusan sisa pepejal. Antara program yang dicadangkan dan bakal dilaksanakan adalah seperti berikut:

- *Reduce, Reuse & Recycle - Creating a Community Business through the Waste Alternative Recovery System (WARAS).*
- *International Tender for Thermal Treatment Plant in Kuala Lumpur*



PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (PPSPPA)

LATAR BELAKANG

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) diketuai oleh YBhg. Datuk Haji Zaini bin Md Nor. Perbadanan ditubuhkan melalui Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 673) dan mula beroperasi pada 1 Jun 2008. Ia ditubuhkan khusus untuk melaksanakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) yang telah berkuatkuasa pada 1 September 2011. Penguatkuasaan Akta 672 diiringi dengan pelaksanaan penswastaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang telah mencetuskan pembaharuan dalam sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang seragam, kos efektif, mesra alam dan diterima oleh masyarakat.

Fungsi utama Perbadanan ialah mengawalselia prestasi syarikat konsesi yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, meningkatkan kesedaran awam dalam amalan kitar semula dan merancang serta melaksanakan projek tapak pelupusan sisa pepejal.

Mengawal Selia Syarikat Konsesi

Perbadanan memainkan peranan utama dalam pelaksanaan kontrak konsesi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam bermula pada 1 September 2011. Lanjutan itu, Perbadanan bertanggungjawab untuk mengawalselia setiap syarikat konsesi yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Setiap syarikat ini perlu memberikan perkhidmatan yang unggul serta mematuhi *Key Performance Indicators (KPI)* di bawah pemantauan Perbadanan. Anggota penguatkuasa Perbadanan yang seramai 600 orang bertanggungjawab untuk memantau mutu prestasi perkhidmatan syarikat konsesi agar KPI bagi kutipan sisa pepejal isi rumah, pembersihan longkang dan pemotongan rumput sentiasa dipatuhi. Sebarang ketidakpatuhan terhadap KPI yang ditetapkan akan dikenakan penalti seperti yang terkandung di dalam Perjanjian Konsesi.

Kesedaran Awam Dan Kitar Semula

Bagi merealisasikan sasaran untuk meningkatkan kadar kitar semula masyarakat Malaysia dari 16% pada masa kini kepada kadar 22% menjelang tahun 2020, Perbadanan telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti 3R yang melibatkan penyertaan masyarakat seperti Kempen Anti Litter dan Kitar Semula, program 3R di Setiap Negeri, pameran, ceramah serta demonstrasi pengkomposan sisa.

Pelaksanaan Projek Dan Pembangunan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

Perbadanan bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan terhadap kontraktor dan perunding pada pentadbiran, pemantauan, kualiti kerja dan pengurusan serta pelaksanaan pembangunan projek tapak pelupusan sisa pepejal. Bagi tujuan itu, Perbadanan dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa dan Wakil-wakil Pakar dalam projek pembangunan fasiliti pengurusan sisa pepejal di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Sehingga penghujung tahun 2012, Perbadanan telah menguruskan sebanyak 17 buah projek tapak pelupusan selamat, 18 buah projek menaiktaraf, dan dua (2) buah projek bina baru.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Penarafan 5 Bintang Portal PPSPPA

Penilaian Portal Dan Laman Web Sektor Awam Oleh MDeC Pada tahun 2012, buat pertama kalinya Perbadanan telah berjaya mendapatkan penarafan 5 bintang dalam Penilaian Portal dan Laman Web yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MdeC).

Penganugerahan

Berikut merupakan penganugerahan yang telah dicapai oleh Perbadanan sepanjang tahun 2012 :

Jadual 21 Senarai Peanugerahan PPSPPA Sepanjang Tahun 2012

Bil	Kedudukan	Pertandingan / Penyertaan
1	Tempat Pertama	Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2	Tempat Kedua	Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Kategori Pengurusan)
3	Tempat Ketiga	Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Kategori Teknikal)
4	Johan	Pertandingan Debat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
5	Pendebat Terbaik	Pertandingan Debat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

A) PENGUATKUASAAN AKTA 672

Perjanjian Konsesi telah ditandatangani oleh syarikat konsesi yang akan melaksanakan KPI yang ditetapkan secara berperingkat mengikut tahun pelaksanaan. Walaupun Akta 672 dikuatkuasakan pada 1 September 2011, pelaksanaan KPI penuh mengikut *Standard Service Level* adalah secara berperingkat bermula daripada tahun kedua pelaksanaan Akta 672 sehingga ke tahun keempat. Bagi memastikan syarikat konsesi bersedia dalam melaksanakan KPI penuh ini, Perbadanan bertanggungjawab untuk memantau persediaan syarikat konsesi dari segi bilangan ketidakpatuhan KPI, kecukupan kenderaan, kecukupan kakitangan, pengagihan tong dan penyediaan manual operasi.

Bagi tahun 2012, pelaksanaan KPI penuh telah berjaya dilaksanakan di beberapa laluan operasi yang mana merupakan sebahagian daripada kawasan pentadbiran ibu negeri. Pelaksanaan KPI penuh ini melibatkan pembelian kenderaan baru mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan, pematuhan jadual kutipan dan pembersihan awam mengikut frekuensi baru yang lebih efektif, cara kerja kutipan dan pembersihan awam yang lebih selamat serta agihan tong sampah secara percuma bagi kawasan-kawasan yang menerima perkhidmatan.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 634,261 tong sampah telah berjaya diagihkan secara percuma kepada semua premis yang terlibat di dalam pelaksanaan KPI penuh pada tahun tersebut seperti di Jadual 22.

Jadual 22 Pengagihan Tong Sampah Mengikut Negeri Sepanjang Tahun 2012

Bil	Negeri	Jumlah Agihan Tong			
		MGB 120L	MGB 240L	MGB 660L	MGB 1100L
1	Kedah	67,728	6,047	548	543
2	Perlis	21,484	1,955	273	0
3	Melaka	94,978	10,002	0	999
4	Negeri Sembilan	84,690	4,766	0	396
5	Johor	91,131	7,936	262	832
6	Wilayah Persekutuan	138,006	6,850	13,247	3,743
7	Pahang	76,976	0	800	69
JUMLAH KESELURUHAN		**574,993**	**37,556**	**15,130**	**6,582**

**MGB: Mobile Garbage Bin*



i. *Intelligent Monitoring An Enforcement Management System (i-Mems)*

Anggota penguatkuasa Perbadanan telah menggunakan peralatan Handheld yang dilengkapi dengan teknologi *Intelligent Monitoring An Enforcement Management System* (i-Mems). Sistem ini digunakan bagi tujuan pemantauan dan tindakan pembetulan terhadap ketidakpatuhan KPI yang berlaku di lapangan. Penggunaan sistem ini dapat merekodkan kedudukan dan waktu ketidakpatuhan yang telah dilakukan bagi memastikan ketelusan dalam setiap pemantauan yang dijalankan.

ii. Jadual Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam *1 Schedule For Public Cleansing & Collection and Recycle Centre Location* (1SPRec Centre)

Perbadanan telah menyediakan satu laman portal khas yang memaparkan jadual kutipan sampah dan pembersihan awam setiap syarikat konsesi di seluruh Semenanjung Malaysia. Laman ini diwujudkan untuk memudahkan orang awam bagi menyemak jadual kutipan dan pembersihan awam oleh syarikat konsesi di setiap kawasan taman perumahan yang terlibat.

iii. Pengurusan Aduan Awam

Perbadanan memastikan setiap aduan yang diterima daripada orang awam diambil tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan bagi meningkatkan kepuasan pelanggan. Aduan diterima daripada pelbagai sumber seperti telefon (03-2245 9393), talian bebas tol (1800-88-7472), laman aduansisa (www.aduansisa.my), e-mel (ppsppa@sisa.my/ callcentre@sisa.my), Facebook(Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam), Biro Pengaduan Awam (BPA), suratkhabar, surat dan faks.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 19,768 aduan telah diterima yang terdiri daripada kategori kutipan dan pembersihan awam. Pecahan aduan awam yang diterima mengikut negeri dan kategori adalah seperti di Jadual 23.

Jadual 23 Pecahan Aduan Awam Mengikut Negeri dan Katogeri bagi Tahun 2012

Bil	Negeri	Kutipan	Pembersihan Awam	Jumlah
1	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2384	2686	5070
2	Pahang	508	489	997
3	Negeri Sembilan	1510	1620	3130
4	Melaka	680	419	1099
5	Johor	4915	1607	6522
6	Kedah	1372	1223	2595
7	Perlis	209	146	355
JUMLAH KESELURUHAN		**11578**	**8190**	**19768**

Jumlah aduan awam yang diterima mengikut syarikat konsesi adalah seperti di Jadual 24.

Jadual 24 Aduan Awam yang Diterima Mengikut Syarikat Konsesi

Bil	Syarikat Konsesi	Jumlah Aduan
1	Alam Flora	6067
2	SWM	10751
3	Environment Idaman	2950
JUMLAH		**19768**

iv. Pelancaran Pakaian Seragam Penguatkuasa PPSPPA

Majlis Pelancaran Pakaian Seragam Penguatkuasa PPSPPA telah diadakan pada 1 November 2012 bertempat di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Penetapan pakaian seragam mencerminkan imej dan Perbadanan. Selain itu, ia membolehkan anggota penguatkuasa Perbadanan untuk melaksanakan tugas-tugas pemantauan dengan lebih berkesan kepada syarikat konsesi dan orang awam.

B) KEMPEN KESEDARAN AWAM KITAR SEMULA

i. Program 3R di Negeri

Bagi meningkatkan penyertaan dan kesedaran orang awam mengenai kepentingan amalan kitar semula, Perbadanan telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti kitar semula di seluruh Semenanjung Malaysia. Program ini terdiri daripada Bank Kitar Semula di Sekolah, Program Bank Kitar Semula di Tadika, Pengasingan Sisa di Sumber di Pejabat Kerajaan / Badan Berkanun, Kitar Semula Melalui Drive-Thru di Pasaraya dan Pengasingan Sisa di Sumber di Taman Perumahan / Komuniti.

Jumlah keseluruhan bagi kutipan barangan kitar semula sepanjang tahun 2012 ialah 781,173.02 kilogram dengan nilai

RM209,457.94 dan telah melibatkan sebanyak 422 buah institusi di seluruh Malaysia. Perincian bagi program-program ini adalah seperti di Jadual 25.

Jadual 25 Perincian Program Kitar Semual Sepanjang Tahun 2012

Bil	Negeri	Bank Kitar Semula Di Sekolah			Bank Kitar Semula Di Tadika			Kitar Semula Di Pejabat Kerajaan			Kitar Semula Di Pasaraya			Kitar Semula Di Komuniti		
		Kg	RM	Bil	Kg	RM	Bil	Kg	RM	Bil	Kg	RM	Bil	Kg	RM	Bil
1	Perlis	3,292.90	1,051.89	3	0.00	0.00	0	5,831..80	1,659.47	1	0.00	0.00	0	57.20	28.96	1
2	Kedah	50,615.11	17,291.82	26	3,134.61	1,176.46	15	33,801.33	13,450.51	8	6,903.40	1,755.70	8	7,198.05	2,694.12	29
3	Kuala Lumpur	38,302.84	9,307.61	16	1,637.80	460.17	11	602.00	168.84	2	98.50	54.75	1	236.01	68.58	2
4	Pahang	27,468.78	7,069.83	25	1,097.30	262.68	10	437.30	102.86	2	1,392.50	525.33	4	4,879.00	79.60	3
5	Kelantan	55,669.54	14,789.89	18	51,780.42	16,213.47	18	1,242.10	223.77	8	5,336.90	1,801.43	1	2,050.00	660.56	1
6	Terengganu	51,950.38	13,925.18	14	4,784.35	1,545.27	18	8,037.00	2,022.88	21	158,500.50	50,901.11	5	4,771.80	1,358.42	1
7	Negeri Sembilan	20,144.65	4,005.83	21	3,177.50	682.26	17	4,853.20	948.73	6	1,435.30	299.54	1	1,203.60	341.25	13
8	Melaka	13,863.39	4,846.14	17	7,291.40	3,335.54	12	4,171.30	921.39	5	183.00	55.70	1	678.00	157.99	1
9	Johor	30,042.17	7,474.63	27	1,678.60	540.47	10	2,483.50	645.22	9	129,063.88	18,812.88	7	29,827.20	5,730.18	3
	Jumlah	**291,319.76**	**79,771.82**	**167**	**74,581.98**	**24,216.32**	**111**	**61,459.53**	**20,143.70**	**62**	**302,206.44**	**74,206.44**	**28**	**50,897.86**	**11,119.66**	**54**

Perbadanan mensasarkan seramai 735,650 orang terlibat dengan program kitar semula yang dianjurkan Perbadanan seperti jadual yang berikut :

Jadual 26 Penyertaan Peserta/Orang awam dalam Penganjuran Program Kitar Semula PPSPPA

Bil	Program	Pengiraan (Bilangan/ Responden X Population Enwuavalent)	Jumlah Keberkesanan (Orang)
1	Bank Kitar Semula di Sekolah	167 sekolah x 350 pelajar x 5 orang (isi rumah)	417,500
2	Pengasingan Sisa di Sumber di Pejabat Kerajaan	62 organisasi x 800 anggota x 5 orang (isi rumah)	108,500
3	Kitar Semula Secara Drive Thru di Putrajaya	62 pasaraya x 800 ornag x 5 orang (isi rumah)	112,000
4	Bank Kitar Semula di Tadika	111 tadika x 30 pelajar x 5 orang (isi rumah)	16,650
5	Perasingan Sisa di Sumber di Komuniti	54 taman perumahan x 300 permis x 5 orang (isi rumah)	51,000
Jumlah Keseluruhan			**756,650**

Perbadanan giat menjalankan pameran dan ceramah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan amalan kitar semula. Jadual 27 menunjukan perincian bilangan program ceramah dan pameran yang telah dijalankan oleh Perbadanan.

Jadual 27 Perincian Bilangan Ceramah dan Pameran yang Dijalankan PPSPPA

Bil	Negeri	Bilangan Program		Jumlah Program	Sasaran Pengunjung
		Ceramah	Pameran		
1	Ibu Pejabat	5	20	25	12,500
2	Wilayah Persekutuan	30	11	41	20,500
3	Negeri Sembilan	10	18	28	14,000
4	Melaka	9	14	23	11,500
5	Johor	9	23	32	16,000
6	Pahang	15	27	42	21,000
7	Terengganu	19	8	21	10,500
9	Kedah	22	9	31	15,500
10	Perlis	4	8	12	6,000
	Jumlah	**135**	**145**	**280**	**140,000**

ii. Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat 2012

Perbadanan telah berjaya mencatatkan nama di dalam Malaysia Book of Records for the *Largest Simultaneous Participation In a Run To Promote Recycled Campaign* melalui program Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat pada 17 November 2012. Rekod yang dicatatkan adalah berdasarkan kejayaan Perbadanan menarik penyertaan seramai 17,552 orang peserta dalam program Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat yang telah diadakan di 9 buah lokasi di ibu negeri yang berbeza tetapi pada tarikh dan waktu yang sama. Program ini telah mensyaratkan penghantaran barangan kitar semula sebagai syarat penyertaan dan Perbadanan telah berjaya mengumpulkan sebanyak 12,826.22 kilogram barangan kitar semula.





iii. Kempen *Anti Litter* dan Kitar Semula

Perbadanan telah menganjurkan Kempen *Anti Litter* dan Kitar Semula dan antara aktiviti program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti di Jadual 28.

Jadual 28 Program-Program yang Dilaksanakan Bersemperna Kempen Anti Litter dan Kitar Semula

Bil	Program Kempen Kitar Semula
1	Edaran 1 Juta Risalah Amalan Kitar Semula
2	Iklan Kempen Kitar Semula di 15 Buah Bas Ekspress Transnasional
3	Iklan Kempen Kitar Semula di Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan *Light Box* di platform LRT
4	Edaran Buku Panduan Pengurusan Sisa Pepejal & Kitar Semula
5	Edaran Poster Kempen Kitar Semula
6	Kajian Soal Selidik Kesedaran Awam





C) PROMOSI DAN PUBLISITI

Pelbagai program aktiviti promosi dan publisiti Perbadanan telah dilaksanakan pada tahun 2012. Aktiviti tersebut telah mendapat kerjasama yang baik dari semua media cetak dan media elektronik. Antara aktiviti promosi dan publisiti yang telah dilakukan adalah seperti Jadual 29.

Jadual 29 Promosi dan Publisiti melalui Media cetak dan media Elektronik

Bil	Medium Promosi Dan Publisiti
1	Iklan Perbadanan di Badan Teksi
2	Iklan di Laman Web Malaysiakini
3	Iklan di Laman Web Lelong
4	Iklan di Radio Sinar FM
5	Iklan di Radio Era FM
6	Laporan Khas Bersama RTM
7	Iklan di Suratkhabar Malaysia Nanban
8	Iklan di Suratkhabar Sin Chew Daily
9	Iklan di Suratkhabar The Star
10	Iklan di Suratkhabar Utusan Malaysia
11	Penerbitan Kalendar Tahun 2012

Road Tour 2012

Program *Road Tour* 2012 telah diadakan di sembilan buah negeri bermula dari 18 hingga 24 November 2012. Program yang kali kedua ini juga bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat mengenai amalan kitar semula. Bagi program ini, sejumlah 200,000 kalendar, 2,500 *key chain*, 20,000 belon, 7,000 replika tong sampah, 15,000 poster dan 500,000 risalah telah diedarkan kepada masyarakat awam. Melalui program ini, ia dapat mempromosikan nombor talian bebas tol dan aduan sisa Perbadanan.

PENCAPAIAN

A) PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN ICT

Perbadanan menyedari kepentingan pembangunan teknologi maklumat dan ICT dalam operasi perkhidmatannya. Untuk itu, Perbadanan kini telah berjaya membangunkan sistem dalaman yang menggunakan aplikasi sumber terbuka *(Open Source)* bagi memantapkan keupayaan dan kecekapan sistem pengurusan dan pentadbirannya. Jadual 30 memaparkan jumlah sistem yang telah dibangunkan dan sistem sedia ada yang menggunakan aplikasi sumber terbuka :

Jadual 30 Jumlah Sistem yang Dibangunkan dan Sedia Ada yang Menggunakan Aplikasi Sumber Terbuka di PPSPPA

Bil	Sistem	Jumlah
1	Sistem yang dibangunkan tahun 2012	9
2	Sistem yang diberi penambahbaikan	22
	Jumlah Keseluruhan	**31**

B) PELAKSANAAN PROJEK DAN KEMUDAHAN

Di dalam pelaksanaan projek pembangunan fasiliti pengurusan sisa pepejal di Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan diberi tanggungjawab untuk mengaudit reka bentuk yang disediakan oleh perunding serta menyemak dan menilai dokumen tender di peringkat pra-tender. Di peringkat pasca tender pula, Perbadanan dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa dan Wakil-wakil Pakar dalam pengurusan pelaksanaan projek. Pelaksanaan projek di bawah tanggungjawab Perbadanan adalah seperti dalam Jadual 31.

Jadual 31 Jumlah Perlaksanaan Projek di bawah PPSPPA

Bil	Negeri	Projek Naik Taraf	Projek Bina Baru	Projek Penutupan Selamat
1	Johor	2	-	4
2	Kedah	-	-	-
3	Melaka	1	1	-
4	Negeri Sembilan	1	-	5
5	Pahang	5	1	4
6	Perak	3	-	-
7	Perlis	-	-	1
8	Terengganu	2	-	3
9	Wilayah Persekutuan	1	-	-
10	Sabah	1	-	-
11	Sarawak	2	-	-
	Jumlah	**18**	**2**	**17**

C) KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

Perbadanan kini berusaha untuk memantapkan kedudukannya sebagai sebuah organisasi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang efisien, berpengetahuan dan berteknologi tinggi. Ke arah itu, pelbagai aktiviti kajian penyelidikan dan garis panduan telah dibangunkan dan di antaranya ialah :

Jadual 32 Kajian Penyelidikan dan Garis Panduan yang Dibangunkan

Bil	Kajian / Garis Panduan
1	Kajian Soal Selidik Amalan Pengurusan Sisa Pepejal Perindustrian
2	Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap Pelaksanaan Akta 672
3	Garis Panduan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Bagi Pembangunan Baru
4	Kajian Spesies Rumput yang Boleh Mengurangkan Frekuensi Pemotongan Rumput
5	Pengujicubaan Penggunaan Garis Panduan Pengurusan Sisa Pepejal
	Pembinaan di 10 Tapak Projek
6	Pengujicubaan Penggunaan Garis Panduan Pengurusan Sisa Perindustrian di 10 Industri Terpilih

KURSUS DAN LATIHAN

Pada tahun 2012, Perbadanan telah berjaya melaksanakan pelbagai program kursus dan latihan demi meningkatkan kompetensi warga kerjanya. Jadual 33 menerangkan program kursus dan latihan sama ada yang dilaksanakan atau disertai oleh warga kerja Perbadanan.

Jadual 33 Kursus dan Latihan yang Disertai oleh Warga Kerja PPSPPA

Bil	Jenis Kursus Dan Latihan	Bilangan Kursus
1	Kursus Wajib (Kursus Asas, Induksi, Kompetensi)	10
2	Kursus Dalaman (Smartcareer, Bengkel Penguatkuasa, Kursus Bidang Teknikal)	56
3	Seminar Pengurusan Sisa Organik di Jepun (Anjuran JICA)	1
4	Program Latihan Mempromosikan Pengurusan Sisa Pepejal Yang Lebih Efektif di Malaysia (Anjuran JICA dan Perbadanan)	1
5	Program Economic Partnership di Jepun (Anjuran bersama pihak JPA, JPSPN, JICA dan PPSPPA)	1





PROGRAM
PERANCANGAN BANDAR

JABATAN
PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (JPBD)



LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Semenanjung Malaysia ditubuhkan pada tahun 18 Januari 1921, diletakkan di bawah portfolio Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Peranan utama Jabatan ini adalah untuk memberi nasihat kepada Menteri yang seterusnya bertanggungjawab pula kepada Parlimen dalam semua hal yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia. Pejabat Perancangan Bandar yang pertama terletak di Bangunan Sekretariat Kuala Lumpur (Bangunan Sultan Abdul Samad) .

Objektif Jabatan

- Untuk mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negara;
- Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) dan akta-akta berkaitan;
- Untuk menggubal dan melaksana kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan; dan
- Untuk memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang.

Fungsi Jabatan

Bagi memastikan perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah yang sempurna, JPBD memainkan peranan melalui fungsi-fungsinya di tiga peringkat kerajaan iaitu peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

- Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam hal yang berkaitan dengan pemajuan dan penggunaan tanah;

- Bertindak sebagai urusetia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara yang dibentuk di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui undang-undang perancangan, metodologi perancangan, kajian perancangan, piawaian, prosedur dan kaedah-kaedah perancangan;
- Menterjemahkan dasar sosio ekonomi nasional kepada bentuk fizikal dan spatial mengikut formula guna tanah dan dasar serta program petempatan;
- Membantu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan dalam penyediaan rancangan struktur negeri, rancangan tempatan daerah dan rancangan kawasan khas; dan
- Menyelia, mengemaskini dan menerbitkan perangkaan, buletin dan kaedah yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Sebanyak 11 pengiktirafan dan penganugerahan telah diterima oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa iaitu tiga penganugerahan telah diperlolehi diperingkat antarabangsa, tujuh di peringkat Kebangsaan dan satu di peringkat Kementerian. Perincian seperti di jadual yang berikut.

Bil	Pengiktirafan/ Anugerah	Peringkat Penerimaan	Organisasi Penganjur
1	Anugerah *"Special Achievement In GIS Awards"*, San Diego, Califonia, USA pada 21 - 26 Julai 2012	Peringkat Antarabangsa	Environmental System Research Institute (ESRI)
2	Anugerah *"Future City of The Year 2012* sempena FutureGov Summit, di Chiang Mai, Thailand pada 17 – 19 Oktober 2012	Peringkat Antarabangsa	Thailand FutureGov Summit
3	Akreditasi : Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur pada 4 – 5 Julai 2012	Peringkat Antarabangsa	*International* Panel Review (IPR)
4	"Anugerah Khas MyGDI" Sempena Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) Ke 5	Peringkat Kebangsaan	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
5	Co-Author Penerbitan Kajian Central Forest Spine antara Bahagian Wilayah dan Wildlife Conservation Society Malaysia 2012	Peringkat Kebangsaan	Wildlife Conservation Society Malaysia
6	Anugerah Kecermerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011 Bagi Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan (4 Bintang)	Peringkat Kebangsaan	Jabatan Audit Negara
7	Penyertaan Kumpulan MyTownNet, JPBD SM di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Ke-29 Tahun 2012 Di Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah pada 5 – 7 November 2012.	Peringkat Kebangsaan	JPA, INTAN dan SUK Negeri Kedah
8	Anugerah Pengurusan Penyesuaian Hasil Terbaik Bagi Tahun 2012	Peringkat Kebangsaan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
9	Anugerah Pengurusan Penyesuaian Vot Pembangunan Terbaik Bagi Tahun 2012	Peringkat Kebangsaan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
10	Anugerah Pengurusan Penyesuaian Amanah Terbaik Bagi Tahun 2012	Peringkat Kebangsaan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
11	Anugerah Cemerlang Penarafan Empat (4) Bintang Laman Web Rasmi JPBD	Peringkat Kebangsaan	KPKT

PENCAPAIAN JABATAN/ BAHAGIAN/UNIT

A) PROJEK DI BAWAH RMKE-10 – *ROLLING PLAN* KEDUA (2012)

Dalam Rancangan Malaysia ke-10 bagi *Rolling Plan* Kedua (2012), Jabatan menerima peruntukan sebanyak RM4,107,500.00 dengan peruntukan tahun 2012 bersamaan dengan 23 projek. Secara keseluruhannya, JPBD telah membelanjakan sebanyak 94.30% daripada jumlah peruntukan tahunan bersamaan dengan RM3,873,358.57. Berdasarkan peruntukan tersebut, sebanyak 23 projek berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2012. Perincian berhubung dengan projek tersebut adalah seperti di Jadual 34.

Jadual 34 Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2012

Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
Rancangan Tempatan	1,490,000	1,466,874.15	98.45
Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar	342,000	327,227.64	95.68
Pembangunan Teknologi Maklumat	750,000	736,169.48	98.16
Rancangan Fizikal Negara	617,500	598,771.60	96.97
Rancangan Wilayah	107,010	105,400.00	98.50
Rancangan Kawasan Khas	801,010	638,915.70	79.76
JUMLAH	**4,107,520**	**3,873,358.57**	**94.30**

B) STATUS SEMASA GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP) (SEMAKAN SEMULA)

Garis panduan perancangan disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menimbang sesuatu permohonan dan juga sebagai panduan bagi pembangunan di kawasan PBT.

Sebanyak 17 garis panduan yang disemak semula, tujuh (7) garis panduan baru, dan empat (4) garis panduan baru yang masih dalam penyediaan telah disediakan oleh JPBD. Senarai terperinci seperti di Jadual 35,36 dan 37.

Jadual 35 Status Semasa Garis Panduan Perancangan (GPP) (Semakan Semula)

Bil	Garis Panduan Perancangan (GPP)
1.	GPP Perumahan
2.	GPP Perindustrian
3.	GPP Perdagangan
4.	GPP Kemudahan Masyarakat
5.	GPP Tanah Lapang dan Rekreasi
6.	GPP Tapak Utiliti dan Infrastruktur
7.	GPP Laluan Kemudahan Utiliti
8.	GPP Kawasan Sensitif Alam Sekitar
9.	GPP Masjid dan Surau
10.	GPP Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara
11.	GPP Tanah Perkuburan dan Krematorium
12.	GPP Tempat Letak Kereta
13.	GPP Pembangunan Pulau-pulau dan Taman Laut
14.	GPP Taman Tema
15.	GPP Taman Atas Bumbung
16.	GPP Reka Bentuk Sejagat (Universal Design)
17.	GPP Padang Golf

Jadual 36 Garis Panduan Baru

Bil	Garis Panduan Perancangan (GPP)
1.	GPP Papan Iklan Luar
2.	GPP `Gated Community and Guarded Neighbourhood'
3.	GPP Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan `Brownfield'
4.	GPP Kejiranan Hijau
5.	GP Penubuhan TADIKA dan TASKA
6.	GPP Terminal Kenderaan Berat
7.	GPP Lorong Belakang

Jadual 37 Garis Panduan Yang Akan Disediakan

Bil	Garis Panduan Perancangan (GPP)
1.	GPP Reka bentuk Bandar Padat dan Berdaya Huni
2.	GPP Chalet Atas Air
3.	GPP Warga Emas
4.	GPP Ubiquitous City (U-City)

Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW)

Satu kertas Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW) bagi kawasan Bersempadan Negeri Sembilan – Melaka – Johor telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) pada 27 Julai 2012.

Pada masa kini, JPBD dalam proses pewartaan oleh Jabatan Peguam Negara seterusnya melantik pengerusi dan ahli-ahli mesyuarat.

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

A) SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2012

Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) pada tahun 2012 telah disambut pada 7 November 2012 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur dengan kerjasama



Pertubuhan Perancang Bandar Malaysia (MIP) dan Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Malaysia (PERSADA).

HPBS 2012 yang bertemakan "Bandar Hijau, Komuniti Bahagia" *(Green Cities, Happy Communities)* telah berjaya mengumpulkan profesional perancangan bandar yang terdiri daripada jururancang bandar awam dan swasta, arkitek, penilai tanah, jurutera, ahli akademik dan profesional lain dari pelbagai yang berkaitan perancangan bandar melalui Seminar Perancangan Bandar.

Majlis sambutan HPBS 2012 terbahagi kepada empat sesi iaitu :

- **Sesi pertama** adalah pembentangan kertas kerja yang akan berlangsung mulai jam 8:30 pagi hingga 10:30 pagi.



Dua kertas kerja yang berkaitan dengan *Low Carbon Society* dan *Happiness Index* masing-masing telah dibentangkan oleh penyelidik luar dan dalam Negara iaitu :

i. Kertas Kerja 1 : *Comprehensive Assessment System for Built Environment Efficiency* (CASBEE) in Japan oleh Prof. Toshiharu Ikaga (Kieo University Japan)

ii. Kertas Kerja 2 : *World Happiness Index* : Malaysia's Initiative with Local Authorities oleh Dr. Dahlia Binti Rosly ,Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

- **Sesi kedua** : Pada jam 11:00 pagi hingga 12:30 tengah hari, Majlis Penyampaian Anugerah Penaung ('Patron') Pertubuhan Perancang Malaysia kepada YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad. Penganugerahan ini diberikan kepada Y.A.Bhg. Tun atas sumbangan beliau dalam perancangan dan pembangunan negara dan di peringkat antarabangsa.

- Sesi Ketiga pula, Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Perancang Bandar Malaysia akan bersidang mulai jam 2:00 petang hingga 5:00 petang.

- Sesi Keempat, Majlis Perasmian HPBS 2012 yang telah disempurnaakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahaan dan Kerajaan Tempatan. Pada malam tersebut telah dilancarkan Framework Malaysian Urban Rural National Indicators Network' Versi 2 (MURNInets Versi 2) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), penyampaian penghargaan kepada pelaksana ujilari MURNInets Versi 2 kepada 8 PBT yang terlibat iaitu :
  - Dewan Bandaraya Kuching Utara
  - Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
  - Majlis Bandaraya Shah Alam
  - Majlis Bandaraya Miri
  - Perbadanan Putrajaya
  - Majlis Perbandaran Alor Gajah
  - Majlis Perbandaran Sandakan, dan
  - Majlis Daerah Kuala Pilah

Pada majlis yang sama, penghargaan kepada Pelaksana Inisiatif Kejiranan Hijau telah diberikan kepada PBT berdasarkan kepada 5 kategori iaitu:

- **Kategori 1 : Laluan Pejalan Kaki**



Perbadanan Putrajaya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Daerah Setiu

- **Kategori 2 : Laluan Basikal**

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Daerah Hulu Selangor



- **Kategori 3 : Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH)**
  Majlis Perbandaran Sandakan, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Daerah Pekan
- **Kategori 4 : Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos *(Waste Composting)***
  Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Daerah Jelebu
- **Kategori 5 : Kebun Kejiranan**
  Majlis Bandaraya Shah Alam dan Dewan Bandaraya Kuching Utara

PROGRAM KEJIRANAN INDAH *(MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD)*

Program Stratigi Lautan Biru Negara 7 (NBOS7): Kejiranan Indah *(My Beautiful Neighbourhood)* merupakan antara inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat melalui projek-projek atau idea-idea yang kreatif dan mewujudkan kesepakatan dari pelbagai Kementerian, Jabatan atau Agensi Persekutuan, Negeri dan PBT serta pihak swasta.



Pada 28 Julai 2012,YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan permulaan projek ***National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS7) My Beautiful Neighbourhood*** di mana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan NBOS 7 : *My Beautiful Neighbourhood* atau Kejiranan Indah (MyBN) iaitu:

i. Program menambah baik atau membaik pulih kawasan perumahan awam yang dimiliki oleh penduduk berpendapatan rendah;
ii. Program pembinaan semula buah rumah terbakar oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan
iii. Program peningkatan rondaan keselamatan *(security patrolling)* di stesen LRT dan pusat membeli belah bagi menangani jenayah di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Antara program yang telah banyak dilaksanakan di bawah MyBN sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

i. **Membaikpulih dan Majlis Penyerahan Perumahan Awam Taman Lobak Seremban**
Majlis Pelancaran MyBN telah diadakan pada 8 September 2012 oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan YAB Dato' Seri

Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Pada 9 Disember 2012, Majlis Penyerahan Projek Membaik Pulih Rumah Pangsa Lobak, Seremban kepada penduduk setempat telah diadakan dan majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

ii. **Rumah Pangsa Taman Setia Jaya, Jalan Langgar, Alor Setar, Kedah**
Pada 30 September 2012, gotong-royong bersama penduduk Taman Lobak telah dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam; Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan; dan Majlis Perbandaran Seremban.

iii. **Rumah Pangsa Simpang Kuala dan Seberang Terus, Alor Setar, Kedah**
Pada 14 Oktober 2012, YB Dato' Seri Chor Chee Heung, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan projek Strategi Launtan Biru Negara : *My Beautiful Neighbourhood* Rumah Pangsa Simpang Kuala dan Seberang Terus Alor Setar yang turut dihadiri oleh YB Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah, ADUN Bakar Bata, YBhg Dato' Chong Itt Chew, penyelaras ADUN Kota Darulaman dan YBhg Dato' Haji Mat Noh bin Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar.

iv. **Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Kg. Bukit Cherakah, Kuala Selangor oleh Ketua Setiausaha Negara pada 17 November 2012.**

v. **Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Kg. Tanjung Medan, Parit, Perak oleh Ketua Setiausaha KPKT 24 November 2012.**

vi. **Program Gotong Royong Strategi Lautan Biru Negara :Kejiranan Indah *(My Beautiful Neighbourhood)* di Rumah Pangsa Larkin, Johor Bahru.**
Program gotong royong ini telah diadakan pada 25 November, 2012 di hadapan Balai Raya Rumah Pangsa Larkin, Johor Bahru dan telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Dato Shahir Abdul Samad.

vii. **Majlis Penyerahan Projek Membaik Pulih Perumahan Awam Taman Setia Jaya, Jalan Langgar, Alor Setar dan Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Kg. Masjid Lama, Mukim Lepai, Alor Setar, Kedah pada 23 Disember 2012.**



Sukarelawan 1Malaysia for Youth (1M4U)

1Malaysia for Youth (1M4U) telah diperkenalkan kerajaan untuk menggalakkan penglibatan belia (18-40 tahun) pelbagai kaum dalam aktiviti sukarelawan yang bersifat kenegaraan (nation building). Ia juga merupakan platform kepada belia mengenengahkan inovasi dan kreativiti mereka menerusi perancangan dan penglibatan dalam program atau aktiviti yang dapat menguntungkan negara dan diri belia itu sendiri. Keahlian 1M4U adalah percuma kepada belia dan boleh didaftarkan secara online melalui laman web 1Malaysia For Youth *http://www.1m4u.my*

C) PAMERAN SEJARAH PERBANDARAN DAN PERANCANGAN BANDAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

Pameran ini telah diadakan di Muzium Negara pada 13 Januari 2012 hingga 13 Januari 2013 oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dengan kerjasama Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP).

Bahan-bahan pameran memfokuskan aspek perbandaran yang mempunyai kaitan dengan profesion perancangan bandar secara selektif daripada 241 bandar yang ada di negara ini. Artifak atau perkakasan teknikal yang tidak digunakan lagi juga dipamerkan yang mengambarkan peralihan teknologi perkakasan zaman awal 1900an kepada zaman teknologi maklumat. Bahan-bahan pameran diperolehi daripada koleksi JPBD dan sumbangan daripada beberapa PBT.



PROGRAM/AKTIVITI BERKAITAN NKEA/NKRA

A) PEWARTAAN RANCANGAN STRUKTUR

Sehingga Disember 2012, semua negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mewartakan Rancangan Struktur.

B) RANCANGAN TEMPATAN

Sejumlah 91 RT telah disediakan sehingga Disember 2011. Daripada jumlah ini, 83 RT (91%) telah diwartakan dan 8 RT(9%) telah siap dan dijangka akan diwartakan pada tahun 2013.

C) RANCANGAN KAWASAN KHAS.

Sejumlah 16 RKK telah diwartakan dan 14 RKK lagi telah siap untuk diwartakan. Secara keseluruhanya sebanyak 30 RKK telah disediakan di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga Disember 2012.



PROGRAM

PEMBANGUNAN LANDSKAP

JABATAN
LANDSKAP NEGARA (JLN)



LATAR BELAKANG

Penubuhan Jabatan Landskap Negara bermula daripada Unit Landskap di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pada tahun 1981. Pada 29 November 1995, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan Jabatan Landskap Negara dan diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Berdasarkan kepada kelulusan peruntukan dan program Jabatan Landskap Negara oleh Unit Perancangan Ekonomi, antara lain Jabatan ini perlu memainkan peranan sebagai agensi kawal selia dan memberi khidmat nasihat yang perlu disokong oleh peraturan dan undang-undang bagi memastikan usaha yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan swasta mematuhi peraturan dan perundangan sedia ada. Jabatan Landskap Negara telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Januari 1996.

Objektif Jabatan

i. Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa dan selamat.
ii. Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap seluruh negara melalui penggubalan dan penguatkuasaan dasar, peraturan dan akta berkaitan.
iii. Memelihara keseimbangan antara pembangunan dengan sekitar melalui pelaksanaan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan.
iv. Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan 'kos efektif'.
v. Meningkatkan profesionalisma dalam amalan perancangan, pembangunan, dan pengurusan landskap negara.
vi. Mengenal dan memperkayakan sumber landskap negara untuk faedah akan datang.
vii. Menggalak pembangunan industri landskap.

Fungsi Jabatan

i. Menjadi penasihat kepada pelbagai peringkat kerajaan dalam perancangan, pelaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap;
ii. Menyediakan kepakaran teknikal yang mantap untuk embangunan sumber landskap negara yang efisen;
iii. Merancang, menyelaras, melaksana dan mengawalselia pembangunan landskap keperluan kawasan lapang, kawasan hijau dan kemudahan rekreasi negara;
iv. Penguatkuasaan perundangan, perlaksanaan dasar dan garis panduan di pelbagai peringkat dalam perancangan, perlaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap;.
v. Melaksana dan menyelaras progam penyelidikan di pelbagai bidang berkaitan landskap;
vi. Menjana pembangunan dan pengembangan industri landskap; dan
vii. Sebagai pusat akreditasi landskap negara.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Penganugerahan

Pada awal tahun 2012, Unit Data dan Teknologi Maklumat, JLN telah menyusun strategi dan mengambil beberapa tindakan agresif bagi merealisasikan impian Pengurusan JLN agar mendapat penarafan 5 bintang dan sekaligus membaiki kedudukan. Antaranya ialah dengan berhijrah status daripada Laman Web kepada Portal, mengubah rekabentuk dan memperbaiki ciri-ciri di dalam Portal tersebut.

Penantian selama tujuh (7) tahun akhirnya membuahkan hasil apabila pada 8 Oktober 2012 keputusan Penilaian Portal dan Laman Web Agensi Kerajaan 2012 diumumkan di mana Portal Jabatan Landskap Negara telah berjaya menerima penarafan 5 bintang dengan kedudukan yang amat cemerlang dan di luar jangkaan iaitu berada di kedudukan tempat ke 9 daripada 1,349 Portal/Web yang dinila





PENCAPAIAN

A) PROJEK DI BAWAH RMKE-10

Dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh bagi *Rolling Plan* Kedua (RP2), Jabatan menerima peruntukan siling sebanyak RM 38,489,021 juta dengan peruntukan awal bagi tahun 2012 sebanyak RM19,192,300. Walau bagaimanapun, pada bulan November 2012, sebanyak RM5.3 juta peruntukan daripada Program Pembangunan Taman Awam telah diserahkan kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Berdasarkan kepada jumlah peruntukan tersebut sebanyak 26 projek telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan. Secara keseluruhannya, JLN telah membelanjakan sebanyak RM 12,416,146.33 juta (sehingga 7 Januari 2013) bersamaan dengan nilai peratusan 89.37 %. Perincian perbelanjaan adalah seperti dalam Jadual 38.

Jadual 38 Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan (AKB 2012) Sehingga 7 Januari 2013

Butiran	Program	Siling Semasa RMKe-10 (RM)	Peruntukan 2012	Jumlah Perbelanjaan Sebenar (Sehingga 7/1/2013)	Peratus (%) Perbelanjaan	Baki Perbelanjaan
02101	Pembangunan Taman Awam	30,277,581	7,738,500	6,858,796.67	88.63	879,703.33
02102	Pembangunan Landskap	3,311,440	3,311,400	3,109,681.16	93.91	201,718.84
02104	Penyelidikan Dan Pemuliharaan	1,600,000	1,400,000	1,083,860.8	77.42	316,139.20
02105	Pengurusan Landskap	3,300,000	1,442,400	1,363,807.7	94.55	78,592.30
JUMLAH		**38,489,021**	**13,892,300**	**12,416,146.33**	**89.37**	**1,476,153.67**

Nota: Sebanyak 5.3 juta peruntukan 2012 telah diserah kepada JBPM pada November 2012

Jadual 39 Ringkasan Pencapaian Program/Aktiviti/Inisiatif

Program/Aktiviti/Inisiatif	Pencapaian
1. Pembangunan Taman Awam Baru-sambungan RMKe-9	i. 4 projek telah diserah siap kepada PBT a. Taman Awam Kota Tinggi b. Taman Awam Jalan Keliling, Seremban c. Taman Awam & Rekreasi Bera d. Taman Hutan Bandar Mutiara Rini (Fasa 1), Kulai ii. 1 projek siap pembinaan (CPC) a. Taman Awam Kuantan iii. 1 projek dalam peringkat pembinaan a. Taman Awam Sibu (Fasa III) iv. 1 projek selesai Tender a. Taman Awam Kuala Ibai v. 10 Pelan Terperinci Taman Awam (in-house) disiapkan
2. Naiktaraf Taman Awam - EFT 2011	14 projek telah telah siap pembinaan (CPC)
3. Pembangunan Taman Persekutuan – TABB Bukit Kiara	i 1 projek pembinaan pagar keselamatan (80% siap pembinaan) ii. 1 projek penanaman pokok pinggiran jalan siap pembinaan (CPC) iii. 1 kajian soil investigation disiapkan iv. 1 program membaiki dan mengukuhkan cerun Taman Bukit Kiara dan Taman Lembah Kiara (waran kepada JKR)siap 70% pembinaan v. Pengurusan penyelenggaraan dan pengurusan keselamatan dilaksanakan 100% vi. 2 program pengurusan aktiviti rekreasi telah dilaksanakan

Program/Aktiviti/Inisiatif	Pencapaian
4. Pelan Induk Landskap (PIL)	10 PIL telah disiapkan
5. Dasar Landskap Negara (DLN)	i. Dokumen *blueprint* Pelan Tindakan DLN disiapkan ii. Bengkel sebaran DLN dilaksana
6. Akta Landskap	2 Kertas Konsep telah dilulusk
7. Akta Arkitek Landskap	Draf akta telah disiapkan
8. Pembangunan Landskap	i. 10 master plan Landskap Perbandaran siap 100% ii. 7 master plan Pembangunan Infrastruktur Hijau siap 100% 3. 1 pelan terperinci siap 100%
9. Pembangunan Taman Botani	i. Taman Botani Johor a. 1 bangunan herbarium dalam peringkat pembinaan (50%) ii Taman Botani Sarawak a. 1 pelan induk dalam peringkat penyediaan (35%)
10. Hari Landskap Negara (HLN) 2012	Sambutan HLN 2012 telah dilaksanakan
11. Industri Landskap	i. 1 Pelan Pelaksanaan LAMAN 2015 dalam peringkat penyediaan ii. 1 laporan draf akhir Kajian Status Industri Nurseri Landskap (in-house) dalam peringkat penyediaan
12. Promosi Landskap	i. 1 pameran FLORIA disertai ii. 1 buletin landskap disediakan iii. 1 dokumen pelan perancangan media disiapkan
13. Penyelenggaraan Aset Landskap - EFT 2011	13 projek penyelenggaraan disiapkan
14. Sistem Pengurusan Maklumat Landskap – e-Landscape Fasa II	1 sistem aplikasi siap 76%
15. Penyelidikan Rekabentuk Landskap	i. 1 projek Aplikasi Kajian 'Universal Design' di Taman Awam – siap pembinaan (15%) ii. *1 Manual 'Landscape Character Assessment'* disiapkan iii. 1 Pembangunan 'Experimental Plot' Tmn Malaysia diserah siap
16. Program Latihan	29 program latihan telah dilaksanakan

B) PENYERAHAN PROJEK

Sepanjang Tahun 2012, sebanyak empat (4) projek di bawah Program Pembangunan Taman Awam Baru (sambungan RMKe-9) telah diserah siap kepada PBT. Projek-projek yang telah diserah siap ialah seperti berikut:

i. Taman Awam Jalan Keliling, Seremban, Negeri Sembilan
ii. Taman Awam Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor
iii. Taman Awam Dan Rekreasi Bera, Pahang
iv. Taman Hutan Bandar Mutiara Rini (Fasa 1), Mukim Kulai, Daerah Johor Bahru, Johor Darul Takzim



C) KAJIAN YANG DILAKUKAN

Sepanjang Tahun 2012, di bawah Program Penyelidikan Rekabentuk Landskap pihak Jabatan telah dapat menghasilkan satu kajian iaitu 'Manual Penilaian Karakter Landskap Malaysia'.

Manual Kajian Penilaian Karakter Landskap ini adalah merupakan satu kajian asas yang julung kali diaplikasikan di Malaysia dengan menggunakan kaedah yang telah amalkan di negara-negara maju dalam menangani isu dan masalah yang berkaitan dengan landskap. Karakter landskap merupakan suatu gambaran kewujudan keseluruhan ciri-ciri keunikan landskap yang konsisten dikenalpasti menjadikan suatu landskap itu unik dan tersendiri. Karakter landskap berperanan sebagai latar belakang kepada aktiviti fizikal, interaksi sosial, identiti dan suasana setempat serta secara langsung menjadi asas kepada kualiti landskap dan kesejahteraan umum. Dalam manual ini kajian peringkat wilayah telah dilaksanakan di Negeri Selangor manakala di peringkat daerah dilaksanakan di daerah Klang. Langkah-langkah dalam kajian

ini akan dapat memenuhi kaedah yang perlu diljalankan ke negeri-negeri lain untuk melengkapkan maklumat penilaian serta peta karakter landskap sehingga terbentuknya Penilaian Karakter Landskap di peringkat nasional.

D) PENGGUBALAN AKTA

Bermula daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Jabatan Landskap Negara melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menggerakkan usaha untuk menggubal akta khusus bagi mengawalselia pembangunan landskap. Usaha ini dimulakan melalui penggubalan Dasar Landskap Negara (DLN) yang bertujuan untuk dijadikan sebagai satu panduan operasi yang komprehensif untuk meningkatkan kualiti persekitaran kehidupan. Sebanyak dua akta yang sedang dilaksanakan penggubalannya iaitu Akta Landskap dan Akta Arkitek Landskap. Bagi Akta Landskap, sepanjang tahun 2012, pihak Jabatan telah melaksanakan beberapa siri bengkel bersama stake holder bagi mendapatkan maklum balas dan input tenaga pakar dalam bidang landskap. Manakala bagi Akta Arkitek Landskap telah selesai peringkat penghasilan draf akta.

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

A) KEMPEN TANAM POKOK

Pada 3 Mac 2012 bertempat di Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur , Jabatan Landskap Negara telah menjalankan satu aktiviti menanam pokok oleh Penjawat Awam JLN sempena Hari Landskap Negara yang di sambut sepanjang tahun di samping mengeratkan hubungan di kalangan penjawat awam JLN.



B) PERSIDANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN LANDSKAP DAN SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA (HLN) 2012

Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) kali ke 15 telah diadakan dengan jayanya pada 24-26 September 2012 bertempat di Putrajaya Convention Centre (PICC), Putrajaya. Bersempena dengan sambutan HLN 2012, turut dianjurkan Persidangan Pegawai Perkhidmatan Landskap yang julung-julung kalinya diadakan dengan tema "Modal Insan Cemerlang Ke Arah Negara Taman". Majlis yang diadakan selama tiga (3) hari ini telah dihadiri oleh Pegawai Perkhidmatan Landskap dari seluruh Malaysia di pelbagai lapisan organisasi kerajaan dan swasta. Sebanyak 19 kertas pembentangan telah dibentangkan sepanjang persidangan diadakan.







C) PROGRAM DI BAWAH INISIATIF NBOS

Sepanjang pelaksanaan *National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS7): My Beautiful Neighbourhood,* pihak Jabatan turut terlibat dalam menjayakan program tersebut di mana sebanyak tiga (3) waran peruntukan dan tiga (3) EFT telah dikeluarkan bagi melaksanakan program kebersihan, pengindahan dan penyelenggaraan kemudahan awam. Senarai projek yang terlibat ialah seperti Jadual 40.

Jadual 40 Senarai Projek Pembangunan Landskap di bawah Program NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood

Bil	Projek	PBT	Kos
1	Cadangan Pembangunan Landskap Bagi Program Pembangunan Persekitaran Kehidupan Di Perumahan Kos Rendah Taman Setia Jaya, Alor Star, Kedah	Majlis Bandaraya Alor Star	RM200 ribu
2	Cadangan Pembangunan Landskap Bagi Program Pembangunan Persekitaran Kehidupan Di Perumahan Kos Rendah Flat Simpang Kuala, Alor Star, Kedah	Majlis Bandaraya Alor Star	RM200 ribu
3	Cadangan Pembangunan Landskap Bagi Program Pembangunan Persekitaran Kehidupan Di Perumahan Kos Rendah Seberang Terus, Alor Star, Kedah	Majlis Bandaraya Alor Star	RM200 ribu
4	Cadangan Pembangunan Landskap Bagi Program NBOS 7 Di Rumah Pangsa Taman Lobak, Seremban, Negeri Sembilan	Majlis Perbandaran Seremban	RM200 ribu
5	Pembekalan Landskap Bagi Program NBOS 7 Di Rumah Pangsa Larkin, Johor Bahru, Johor	Majlis Bandaraya Johor Bahru	RM250 ribu
5	Cadangan Pembangunan Landskap Bagi Program NBOS 7 Di Rumah Pangsa Kinta Height, Ipoh, Perak	Majlis Bandaraya Ipoh	RM50 ribu





D) LAWATAN TURUN PADANG

i. Program Lawatan Kerja dan *"Public Engagement"* YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke Taman Persekutuan-TABB Bukit Kiara

Program *public engagement* telah diadakan pada 31 Julai 2012 bertempat di Bangunan BAKTI Siti Hasmah, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur. Manakala bagi lawatan kerja ialah di sekitar kawasan Taman Persekutuan-TABB Bukit Kiara khususnya yang melibatkan lokasi-lokasi aduan oleh penduduk. Tujuan program ini diadakan ialah untuk memberi peluang kepada wakil NGO iaitu Friends of Bukit Kiara (FoBK) menyampaikan semua aduan ke atas kerja-kerja pembinaan infrastruktur yang sedang dijalankan di TABB. Di samping itu public engagement ini juga berperanan sebagai mekanisme oleh pihak Kementerian dan Jabatan bersama NGO ke arah pelaksanaan pendekatan *"People Centric"* dalam melaksanakan pembangunan kemudahan awam dan rekreasi.

ii. **Sesi Konsultasi Awam, Cadangan Naik Taraf Landskap Taman Lembah Kiara**

Pada 3 hingga 4 November 2012, pihak Jabatan telah mengadakan sesi konsultasi awam bersama-sama dengan wakil penduduk di sekitar Bukit Kiara. Tujuan aktiviti ini dilaksanakan ialah bagi mendapatkan maklum balas penduduk ke atas cadangan untuk Naik Taraf Landskap Taman Lembah Kiara.







E) PAMERAN

Sempena penganjuran FLORIA Putrajaya 2012 pada 30 Jun hingga 8 Julai 2012 yang bertemakan "Bunga Kertas - Tetap Menawan" bertempat di Pesisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya, pihak Jabatan sekali lagi turut serta dalam pertandingan pameran landskap tersebut. Bagi penyertaan pada kali ini, pihak Jabatan telah menampilkan konsep Taman Trapezium. Rekabentuk trapezium ini diadaptasikan daripada kelopak Bunga Kertas yang mana mempunyai rekabentuk yang unik. Ia menggambarkan sebuah taman moden yang sesuai untuk dibangunkan di kawasan backyard atau disudut-sudut tertentu. Pendekatan rekabentuk taman secara tiga dimensi melalui konsep moden kontemporari dihasilkan bagi mewujudkan persekitaran yang unik serta dapat memberi pengalaman persekitaran yang berbeza-beza kepada pengunjung.

Secara keseluruhannya, taman ini didominasi oleh *earth mounding* yang mana rekabentuk *earth mounding* ini adalah berbeza dari segi saiz dan ketinggian. Ia bergabung dan berbentuk TRAPEZUIM secara 3 dimensi. Penggunaan spesis tanaman yang berbeza dengan pelbagai warna digunakan untuk menimbulkan suasana yang ceria dan tenang untuk menarik perhatian pengunjung untuk menikmati persekitaran taman ini.

Taman ini menerapkan ciri-ciri *'introvert'* yang menghalang pandangan daripada luar kawasan dengan menggunakan *'earth mounding'* bagi melahirkan persekitaran yang lebih privasi dan susunan buluh sebagai dinding dengan ketinggian yang berbeza di sepanjang laluan tersebut. Penggunaan buluh di sepanjang laluan ini adalah untuk mewujudkan suasana sejuk dan nyaman serta menyerlahkan elemen semulajadi di dalam pendekatan kontemporari.

Laluan di dalam kawasan taman ini di wujudkan dengan menyerlahkan elemen semulajadi melalui penggunaan bahan seperti batuan *'pebblesstones'* dan *'broken slate'*. Susunatur laluan yang direkabentuk bagi menonjolkan imej trapezium yang dapat menghasilkan daya ingin tahu atau *'sense of curiosity'* bagi pengunjung taman ini.

Taman ini memberi satu gambaran bahawa pembinaan taman yang mampu milik boleh dihasilkan dengan bahan-

bahan semulajadi yang terdapat di sekeliling persekitaran. Fungsi sebuah taman adalah yang mampu memberi keselesaan dan ketenangan kepada pengguna.

Dengan penampilan konsep rekabnetuk taman ini adalah diharapkan dapat memberikan ilham, inspirasi dan kesedaran kepada pengunjung dalam membudayakan kehidupan bertaman.





F) SEMINAR

i. Bengkel Semakan Rangka Kerja Pelaksanaan Dan Pemantauan Pelan Tindakan Dasar Landskap Negara (DLN) 2012 Di Kondominium Peranginan TNB, Teluk Kemang, Port Dickson

Bengkel yang telah diadakan pada 27 hingga 29 Mac 2012 ini bertujuan bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan penambahbaikan ke atas *blue print* rangka kerja Pelaksanaan Pelan Tindakan DLN yang telah disediakan oleh pihak Jabatan. Bengkel yang berlangsung selama tiga (3) hari ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tn. Hj. Mohd Taib Hj. Zin (Timbalan Ketua Pengarah Dasar) Jabatan Landskap Negara. Seramai 45 orang telah menghadiri bengkel tersebut yang terdiri daripada pelbagai wakil di peringkat Kementerian Persekutuan, Jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sepanjang bengkel diadakan, para peserta telah diberikan tanggungjawab bagi menyemak rangka kerja mengikut Teras yang terkandung dalam DLN. Pada akhir sesi bengkel, setiap kumpulan telah diminta untuk membentangkan hasil perbincangan. Secara keseluruhannya, bengkel yang telah diadakan ini berjaya mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan

ii. Bengkel Penyelarasan Akta Landskap Bersama 'Stakeholder' Jabatan Landskap Negara

Bengkel Penyelarasan Akta Landskap ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas serta pandangan 'Stakeholder' terhadap kepentingan dan keperluan kepada penggubalan Akta Landskap. Bengkel ini juga bertujuan sebagai sesi percambahan fikiran untuk mendapatkan input profesional landskap dari pelbagai bidang yang berkaitan dengan pembangunan landskap. Sebanyak 3 siri bengkel telah dilaksanakan iaitu seperti berikut:

- Bengkel Siri Pertama : 6 hingga 8 Mac 2012 bertempat di Avillion Hotel, Port Dickson
- Bengkel Siri Kedua : 17 Julai 2012 bertempat di Dewan Kristal, KPKT

- Bengkel Siri Ketiga: 29 hingga 30 Ogos 2012 bertempat di Cheringin Hills Convention & Spa Resort, Janda Baik

Secara keseluruhannya Bengkel Penggubalan Akta Landskap bersama *'Stakeholder'* ini telah mencapai sasaran yang ditetapkan dimana setiap peserta telah memberikan input yang diperlukan serta komitmen terbaik bagi setiap sesi perbentangan.

iii. Program Sebaran Dasar Landskap Negara (DLN) 2012 Di KPKT

Program Sebaran DLN telah diadakan pada 6 Disember 2012 bertempat di Bilik Latihan, Aras 11, KPKT yang bertujuan bagi menyebarluas pemakaian dan pelaksanaan Pelan Tindakan yang terkandung dalam DLN. Seramai 80 orang peserta telah menghadiri program sebaran ini yang terdiri daripada pelbagi wakil Kementerian, Jabatan dan Bahagian. Taklimat telah disampaikan oleh Ybrs. Tuan Haji Mohd Taib. Haji Zin (Timbalan Ketua Pengarah Dasar, JLN)

iv. Bengkel Akta Arkitek Landskap 2012 Di Hotel Premier Klang

Tujuan bengkel ini dilaksanakan ialah bagi mengadakan konsultasi bersama *stakeholder,* mendapatkan maklum balas dan memperhalusi draf akta bersama kumpulan pakar dan pihak berkaitan. Bengkel telah diadakan pada 19 hingga 21 Disember 2012 .





PROGRAM

KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN

JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)



LATAR BELAKANG

Perkhidmatan Bomba di Malaysia bermula pada tahun 1883 dengan penubuhan Bomba Sukarela Negeri Selangor yang diketuai oleh H.F Bellamy bersama 15 anggota. Pasukan ini yang diletakkan di bawah Lembaga Kebersihan, yang kemudiannya menjadi Pasukan Bomba dan Penyelamat Tetap pada tahun 1895. Perkhidmatan terus berkembang di setiap negeri dan diletakkan di bawah Majlis Perbandaran atau lembaga Luar Bandar. Pada tahun 1946, iaitu selepas Perang Dunia Kedua, pasukan 'Malayan Union Services' (MUS) telah ditubuhkan dengan Flight Lt. W.J Gerumandi sebagai 'Director of Malayan Union Fire Services. MUS beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Melalui perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, Perkhidmatan Bomba diserahkan kembali kepada Kerajaan-kerajaan negeri di bawah pentadbiran Lembaga Bandaran dan Lembaga Luar Bandar mengikut negeri. Untuk menyelaraskan perkhidmatan ini, maka sebuah jemaah Lembaga Perkhidmatan Bomba ditubuhkan pada tahun 1952 di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan.

Perkhidmatan Bomba di negeri-negeri disatukan sebagai sebuah Jabatan di peringkat persekutuan pada 1 Januari 1976. Penyatuan ini meletakkan Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini diikuti oleh perkhidmatan Bomba Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka pada 1hb Januari 1977. Pada 15 Mei 1981, perkhidmatan Bomba Sabah dan Sarawak telah disatukan.

Pada 8 Januari 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan perubahan nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. YAB Perdana Menteri Malaysia dengan rasminya telah mengumumkan dan melancarkan pertukaran nama, logo dan bendera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Genting Highlands pada 21 Februari 1997.

VISI	Menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan yang berprestasi tinggi.
MISI	Memberi perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda
MOTTO	"CEPAT DAN MESRA"
NILAI TERAS	i. Berani (*Valour*); ii. Suka Menolong Orang (*Caring*); iii. Tidak Mementingkan Diri Sendiri (*Selflessness*); iv. Sabar (*Patience*); dan v. Tidak Berputus Asa (*Persistence*).
PERANAN	Objektif dan Fungsi JBPM dengan jelas dinyatakan di bawah Seksyen 5 (1) & (2) Akta 341
PUNCA KUASA UTAMA	i. Perlembagaan Persekutuan Malaysia – Jadual Kesembilan, Perkara 26 (Senarai Bersama); ii. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341); dan ii. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS).
STAKE HOLDER	i. Jemaah Menteri; ii. Exco Negeri; iii. YB Menteri; iv. YB Timbalan Menteri; v. Ketua Setiausaha, dan vi. Ahli Pasca Kabinet.
PELANGGAN	i. Sektor Awam; ii. Sektor Swasta; iii. Badan-Badan Bukan Kerajaan; iv. Badan-Badan Profesional; v. Pertubuhan Antarabangsa; dan vi. Orang Awam.
STRATEGI TERAS	**Strategi Utama** Memperkasakan Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan untuk Kesejahteraan Kualiti Hidup Masyarakat. **Strategi 1** Memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang berkesan. **Strategi 2** Mengamalkan Budaya Pencegahan dan Keselamatan Kebakaran. **Strategi 3** Memberikan perkhidmatan sokongan yang efektif bagi menjayakan strategi 1 dan 2.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

Jadual 41 Senarai Pengiktirafan dan Anugerah yang Diterima oleh JBPM Sepanjang Tahun 2012

Bil	Pengiktirafan/ Anugerah	Peringkat Penerimaan	Organisasi Penganjur
1	Anugerah Ketahanan	Anugerah Nilai Murni	Kementerian Kesenian dan Kebudayaan
2	Finalis Anugerah Inovasi Negara 2012	National Innovation Conference & Exhibition (NICE) 2012	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
3	Anugerah Inovasi Negara 2012 Kategori Perkhidmatan	National Innovation Conference & Exhibition (NICE) 2012	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
4	Johan	Pertandingan Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha KPKT (AI-KSU)	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
5	Pensijilan Semula MS ISO:9001:2008	Kebangsaan	SIRIM QAS International Sdn Bhd
6	Naib Presiden IFCAA	Asia	International Fire Chiefs Association of Asia (IFCAA)

PENCAPAIAN

A) PERASMIAN BALAI

i. Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Hutan Melintang, Perak

Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Hutan Melintang, Perak telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 5 Jun 2012. Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Hulu ini telah dibina pada 15 September 2008 dan siap sepenuhnya pada 17 Februari 2011 dengan kos RM 8.9 juta.



ii. Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Jasin Bestari, Melaka

Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Jasin Bestari, Melaka telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka 20 September 2012. Balai Bomba dan Penyelamat Jasin Bestari ini telah dibina pada 14 November 2007 dan siap sepenuhnya pada 9 Mei 2012 dengan kos RM 12 juta.

iii. Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Seri Balik Pulau, Pulau Pinang

Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Seri Balik Pulau, Pulau Pinang telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 1 Disember 2012. Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Hulu ini telah dibina pada 12 Februari 2008 dan siap sepenuhnya pada 11 Jun 2010 dengan kos RM 12 juta.

B) PENYEDIAAN BALAI

Pada tahun 2012 terdapat empat (4) buah balai bomba dan dua (2) ibu pejabat telah disiapkan.:

Jadual 42 Senarai Balai Bomba dan Ibu Pejabat yang disiapkan Pada Tahun 2012

Bil	Nama Balai	Tarikh Siap
1	Balai Bomba dan Penyelamat Jasin Bestari	19/2/2012
2	Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur	27/7/2012
3	Ibu Pejabat JBPM Negeri Johor	22/6/2012
4	Balai Bomba dan Penyelamat Kinabatangan, Sabah	22/5/2012
5	Balai Bomba dan Penyelamat Parit Raja	12/10/2012
6	Ibu Pejabat JBPM	12/12/2012

Jadual 43 Projek dalam Pembinaan

Bil	Nama Balai	Tarikh Siap
1	Kuarters Ibu Pejabat JBPM Negeri Johor	28/2/2013
2	Pusat R&P Enstek (Puspek), Negeri Sembilan	9/3/2013
3	Balai Bomba dan Penyelamat Jelapang, Perak	11/3/2013
4	Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Putra, Johor	13/4/2013
5	Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Angin, Pahang	22/3/2013
6	Kuarters Bomba dan Penyelamat Cheras, Kuala Lumpur	8/7/2013
7	Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur	31/7/2013
8	Ibu Pejabat JBPM Negeri Perak	11/9/2013
9	Ibu Pejabat JBPM Negeri Pahang	30/6/2013
10	Ibu Pejabat JBPM Pulau Pinang	10/1/2014
11	Akademi Bomba dan Penyelamat Tronoh, Perak	21/2/2014
12	Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur	20/8/2013

C) PEROLEHAN JENTERA DAN KELENGKAPAN

Perolehan jentera dan kelengkapan dalam tahun 2012 yang menggunakan peruntukan pembangunan (P43) dan mengurus adalah seperti dalam Jadual 44.



Jadual 44 Perolehan Jentera Dan Kelengkapan JBPM Tahun 2012

Bil	Perkara	Kuantiti	Pembekal	Nilai Kontrak	Kaedah	Peruntukan
1	FIRE RESCUE VEHICLE (FRT)"	100	AVP (M) Engineering Sdn. Bhd	171,000,000.00	Rundingan Terus	Pembangunan
2	"VOLUNTEER FIRE RESPONSE VEHICLE (VFRV) C/W FITTING AND ACCESSORIES"	30	TOK BALI DOCKYARD & ENGINEERING SDN BHD	3,648,000	Tender Terbuka	Pembangunan
3	"PRIME MOVER VEHICLE (PMV) C/W FITTING AND ACCESSORIES"	5	SCOMI SPECIAL VEHICLES SDN BHD	2,425,000	Tender Terbuka	Pembangunan
4	PORTABLE FIRE PUMP	50	PANDAN NIAGA SDN BHD	2,590,000	Tender Terbuka	Pembangunan
5	SPECIAL UTILITIES VEHICLES (SUV) TOYOTA FORTUNER	9	TOYOTA SDN. BHD.	949,500	Rundingan Terus	Pembangunan
6	"FIRE FIGHTING HELMET" TOYOTA FORTUNER	1000	WASILAH SAFETY SDN BHD	1,845,000	Tender Terbuka	Mengurus
7	"FIRE FIGHTING SUIT" FORTUNER	2000	INVERSYS CORPORATION SDN BHD	3,960,000	Tender Terbuka	Mengurus
8	CHEMICAL PROTECTIVE SUIT (CPS)	40	ARTABARA TECHNIK SDN BHD	592,000.00	Tender Terbuka	Mengurus
9	SELF CONTAIN UNDERWATER BREATHING APPARATUS (SCUBA)	80	MESRA RAKAN ENTERPRISE	791,840.00	Tender Terbuka	Mengurus
10	"FIRE FIGHTING HELMET" (Perluasan Skop)	500	WASILAH SAFETY SDN BHD	922,500,00	Sambungan	Pembangunan
11	"FIRE FIGHTING SUIT" (Perluasan Skop)	1000	INVERSYS CORPORATION SDN BHD	1,980,000	Sambungan	Pembangunan
11	CHEMICAL PROTECTIVE SUIT (CPS) (Perluasan Skop)	20	ARTABARA TECHNIK SDN BHD	296,000.00	Sambungan	Pembangunan
11	SELF CONTAIN UNDERWATER BREATHING APPARATUS (SCUBA) (Perluasan Skop)	40	MESRA RAKAN ENTERPRISE	395,920.00	Sambungan	Pembangunan

PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA

A) PERSIDANGAN INTERNATIONAL CONFEREENC

International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2012" (IFCEM 2012) yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama The Malaysia Fire Protection Association (MFPA), The Institution of Fire Engineers (UK) Malaysia Branch dan Majlis Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Bomba dan Penyelamat Malaysia (MASKAB) telah diadakan pada 20 hingga22 November 2012 di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur dan dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu persidangan dan pameran. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.

Persidangan yang bertemakan *"Fire Safety-The Way Forward"* akan memfokuskan kepada empat (4) komponen utama kebombaan iaitu keselamatan kebakaran *(fire safety)*, pengurusan bencana *(disaster management)*, pengoperasian kebombaan *(fire and rescue operation)* dan kelestarian *(sustainability)*. IFCEM 2012 dihadiri seramai 1,400 orang peserta yang terdiri daripada ketua-ketua organisasi kebombaan hingga kepada para profesional daripada 30 buah negara. Di samping itu seramai 11 orang pakar dalam bidang berkaitan daripada empat (4) benua yang terpilih telah membuat pembentangan kertas kerja di persidangan tersebut. Manakala untuk aktiviti pameran pula sebanyak 200 petak pameran tersedia untuk syarikat-syarikat dalam dan luar negara mempamerkan produk kebombaan dan keselamatan kebakaran yang terkini sepanjang penganjuran persidangan tersebut.

B) MESS NITE 2012 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan Majlis Mess Nite Tahun 2012 di Hotel Marriot Putrajaya. Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan kejayaan yang dicapai oleh jabatan sepanjang tahun 2012, selain menghargai kerjasama yang jitu YB. Dato' Seri Chor Chee Heung dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

C) SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2012

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah menyempurnakan Sambutan Hari Bomba Sedunia 2012 (World Firefighters' Day 2012) di Pekan, Pahang pada 5 Mei 2012. Sambutan Hari Anggota Bomba sedunia 2012 merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota ini adalah penghargaan Kerajaan kepada anggota bomba yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat Negara ini tanpa mementingkan diri sendiri. Pada masa ini 13,000 anggota bomba yang berkhidmat di seluruh Negara di samping seramai (15,575 orang) Bomba Sukarela (354 Pasukan).

D) MAJLIS PERBARISAN TAHUNAN TAHUN 2012

Majlis Perbarisan Tahunan 2012, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah berlangsung pada 19 Januari 2012, hari Khamis, jam 8.30pagi. Majlis tersebut telah dihadiri oleh segenap lapisan pegawai bomba dari seluruh negara dan disempurnakan oleh YAS Ketua Pengarah JBPM, Dato' Wan Mohd. Nor Hj. Ibrahim. Bersempena majlis tersebut juga, YAS Dato' Ketua Pengarah JBPM telah menganugerahkan Pingat Ketua Pengarah Bomba (PKP) kepada YBhg Encik Abu Bakar Johar, Sijil Penghargaan kepada lapan (8) orang pengamal media, tiga (3) orang awam dan sembilan (9) Pasukan Bomba Sukarela kerana khidmat bakti dan sumbangan yang telah diberikan kepada jabatan.





E) LARIAN BERSAMA BOMBA 2012

Bersempena dengan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2012 *(World Fire Fighters' Day 2012)*, pelbagai acara menarik telah diadakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk bagi memeriahkan lagi majlis sambutan tersebut. Larian Bersama Bomba Kali Ke-X telah diadakan pada 6 Mei 2012, di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur yang disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Acara tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai di mana seramai 5,000 peserta telah menyertai Larian Bomba bagi semua kategori. Tidak ketinggalan seramai 310 peserta daripada kategori VVIP dan VIP.





F) MAJLIS PELANCARAN "OPS RAYA 2012"

Majlis Pelancaran "Ops Raya" Tahun 2012 diadakan di IOI Mall Puchong telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pelbagai aktiviti diadakan sempena majlis tersebut antaranya pertandingan mewarna bagi kelab 3K, simulasi penyelamatan kemalangan jalan raya, penyampaian sijil penghargaan premis, penyerahan pamflet dan bahan kempen keselamatan kebakaran kepada pemilik premis serta majlis berbuka puasa YB Menteri bersama pegawai bomba. "Ops" Raya pada tahun 2012 akan bermula pada10 Ogos hingga 26 Ogos 2012 (17 hari). Sebanyak 264 buah balai bomba akan terlibat dalam Ops Raya dan 15 lokasi "*standby* ronda lebuh raya" bersedia untuk menghadiri sebarang kecemasan di sepanjang lebuh raya di Negara ini.





G) MAJLIS PENUTUPAN PERKHEMAHAN KADET BOMBA PERINGKAT KEBANGSAAN

YAS Dato' Wan Mohd Nor Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyempurnakan Majlis Penutupan Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan di Kem Mutiara Pusat Ko-Kurikulum, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Perkhemahan Kadet bermula pada 6 Mei hingga 11 Mei 2012 dengan pelbagai aktiviti diadakan sepanjang perkhemahan tersebut untuk meningkatkan semangat kebombaan di kalangan para kadet bomba. Antara program dan aktiviti yang diadakan ialah Pertandingan Kawad Kecekapan, Pertandingan Ikhtiar Hidup, Pertandingan Ikatan dan Simpulan dan lain-lain lagi. Pertandingan tersebut diadakan untuk meningkat kekuatan dari segi fizikal dan mental untuk mengharungi pelbagai cabaran yang akan datang.

H) PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN 2012

Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan merupakan manifestasi terhadap kualiti dan profesionalisme yang dizahirkan setiap anggota bomba yang terlibat terutama sekali peserta bagi setiap acara yang dipertandingkan. Setiap acara telah direka bentuk untuk mempertingkat lagi kecekapan, kemahiran dan kompetensi setiap anggota bomba bukan sahaja semasa pertandingan tetapi juga apabila terlibat di dalam operasi kebombaan dan penyelamatan. Pertandingan kawad kecekapan ini telah berlangsung selama lima (5) hari iaitu bermula pada 10 September sehingga14 September 2012 dengan mempertandingkan sebanyak 10 acara iaitu Pertandingan Kawad Kaki, Pertandingan Kawad Operasi membentang Hos (200 kaki), Pertandingan Kawad Naik Turun Tangga, Pertandingan Sindiket Perancangan Strategi Operasi (Table Top), Pertandingan Kawad Operasi Penyelamatan Jalan Raya, Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat di air, Pertandingan Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan 1000 kaki, Fire fighters Challenge, Petandingan Kawad Operasi "Fireman Lift" dan Pertandingan Search and Resque Navigation (SARNAV).

I) KONVENSYEN PASUKAN BOMBA SUKARELA ZON UTARA 2012

Pada, 22 November 2012 - Perkarangan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah telah dikunjungi oleh Pasukan Bomba Sukarela dari tiga (3) buah negeri iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang untuk menyertai Konvensyen Bomba Sukarela peringkat Zon Utara. Pasukan Bomba Sukarela merupakan pasukan

yang ditubuhkan secara sukarela oleh masyarakat setempat. Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela mula diberi perhatian pada tahun 1987. Pasukan Bomba Sukarela adalah sesuai ditubuhkan di kawasan-kawasan yang belum mempunyai balai bomba bagi memberi perlindungan kebakaran dan penyelamatan.

J) MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA 2012

YAS Dato' Wan Mohd Nor Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran dan Alunan Azan Peringkat Kebangsaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2012 yang telah diadakan pada 16 November 2012M bersamaan 2 Muharram 1434H sehingga 18 November 2012M bersamaan 5 Muharam 1434H. Majlis tersebut dianjurkan oleh Biro Kebajikan dan Kebudayaan MASKAB di Auditorium Haji Mansor, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Kubu Bharu. Seramai 25 orang qari dan qariah serta 26 orang peserta dari Alunan Azan menyertai majlis ini di mana para peserta diadili dari segi taranum, tajwid,fasohah dan nada suara.

K) SUKAN BOMBA MALAYSIA (SUKBOM) TAHUN 2012

Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) 2012 telah diadakan pada 6 hingga 11 Julai 2012 di Kuching dan Samarahan, Sarawak. SUKBOM 2012 telah sertai seramai 1023 peserta dari seluruh negara termasuk peserta jemputan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negara Brunei Darussalam, Polis Diraja Malaysia Kontinjen Sarawak serta Lembaga Pelabuhan Kuching. Semua kontinjen dari negeri-negeri telah berkampung di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Sebanyak 10 acara telah dipertandingkan di SUKBOM 2012 dengan menawarkan 100 pingat emas, 100 pingat perak dan 113 pingat gangsa. Acara yang dipertandingkan dalam SUKBOM 2012 seperti berikut:

I. Olahraga
II. Badminton
III. Tenis
IV. Ping Pong
V. Boling
VI. Renang
VII. Dart
VIII. Karom
IX. Golf
X. Tarik Tali

AKTIVITI PROGRAM DAN AKTIVITI BERKAITAN NKRA/NKEA

A) PERANGKAAN KEBAKARAN TAHUN 2012

Bagi sepanjang tahun 2012 perangkaan kebakaran adalah seperti di Jadual 45

Jadual 45 Perangkaan Kebakaran Tahun 2012

1.	Jumlah keseluruhan panggilan	64,584
2.	Jumlah panggilan kebakaran	29,874
3.	Jumlah panggilan menyelamat	32,859
4.	Kematian akibat kebakaran	98 orang
5.	Kerugian harta	RM 1.1 bilion
6.	Harta yang diselamatkan	RM 20.6 bilion

B) ANALISIS

Jadual 46 Analisis Perangkaan Kebakaran Tahun 2012

1.	Jumlah keseluruhan panggilan kecemasan telah meningkat sebanyak 5.5 % berbanding tahun 2011.
2.	Jumlah panggilan kebakaran telah meningkat sebanyak 4 % berbanding tahun 2011.
3.	Jumlah panggilan menyelamat telah meningkat sebanyak 6 % berbanding tahun 2011.
4.	Jumlah kerugian harta telah meningkat sebanyak 20 % berbanding tahun 2011.
5.	Angka kematian akibat kebakaran meningkat sebanyak 22.5 % iaitu seramai 80 orang berbanding tahun 2011 seramai 89 orang.

C) ANALISIS IMPAK

i. Statistik keseluruhan panggilan kecemasan pada tahun 2012 menunjukkan peningkatan, sebanyak 4 %. Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor :-
   - Peningkatan kawasan berisiko tinggi disebabkan pertumbuhan kawasan perindustrian yang pesat.
   - Kepesatan pembangunan
   - Peningkatan populasi penduduk

ii. Jika dikira secara purata, dengan mengambil kira jumlah panggilan kebakaran iaitu sebanyak 29,874 kes dibahagikan dengan setahun, maka didapati lebih kurang 82 kes kebakaran berlaku di seluruh negara setiap hari.

iii. Daripada 5,383 kes kebakaran struktur, 3,056 adalah merupakan kebakaran kediaman iaitu 52%

daripada keseluruhan kebakaran struktur lain seperti pejabat, kilang, sekolah, kedai, stor dan lain-lain.

D) PASUKAN BOMBA SUKARELA

Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia akan mengagihkan sebanyak 30 unit *Voulenteer Fire Response Vehicle* untuk digunakan Pasukan Bomba Sukarela semasa membantu operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan di kawasan luar bandar dan pinggir bandar

Jadual 47 Pencapaian *Voulenteer Fire Response Vehicle* yang Diagihkan kepada PAsukan Bomba Sekarang

Jenis	Jumlah	Kos seunit	Jumlah kos
Voulenteer Fire Response Vehicle	30 unit	RM 121,600	RM 3,648,000.00

i. Jumlah pasukan - 354 pasukan
ii. Jumlah keahlian – 15,575 orang

E) STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA (NBOS 7) *MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD* – PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR

Projek pembinaan semula rumah terbakar. (NBOS 7) telah dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Projek pembinaan semula rumah terbakar telah dilaksanakan di JBPM Negeri Selangor, JBPM Negeri Terengganu, JBPM Negeri Sembilan, JBPM Negeri Perak dan JBPM Negeri Kedah. Pembinaan rumah ini telah dibina semula oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia manakala bahan pembinaan adalah sumbangan dari agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam. Program NBOS 7 : *MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD* atau Kejiranan Indah telah dipertanggungjawabkan untuk dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) setelah dilancarkan YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada bulan November 2009. Ini merupakan inisiatif kerajaan bagi menerajui negara ini ke arah sebuah negara maju, berpendapatan tinggi dan sejahtera dalam semua aspek.













PROGRAM PEMBERI PINJAM WANG

DAN PEMEGANG PAJAK GADAI

BAHAGIAN PEMBERI PINJAM WANG
DAN PEMEGANG PAJAK GADAI



LATAR BELAKANG

Pada tahun 2012 Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diketuai oleh Tuan Mohamed Khir Md Yusof. Objektif utama BPWG adalah untuk mewujudkan industri Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) yang kondusif, beretika dan terkawal selaras dengan visi Kementerian melalui kawalan pemberian lesen, peningkatan kuantiti dan kualiti penguatkuasaan di samping peningkatan program kesedaran awam. Berdasarkan objektif tersebut, BPWG bertanggungjawab memproses kesemua permohonan pelesenan dan pengiklanan berkaitan PPW dan PPG, menyiasat aduan yang diterima selain menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara proaktif. BPWG juga berperanan memungut hasil bayaran fi lesen, fi permit iklan dan bayaran kompaun selain menyelenggarakan rekod dan perangkaan mengenai PPW dan PPG. Aktiviti pengawalseliaan PPW dan PPG di seluruh Malaysia adalah berpandukan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.

PENCAPAIAN

A) PEMPROSESAN LESEN

Pada tahun 2012, BPWG telah berjaya memproses sebanyak 1,621 permohonan pembaharuan lesen PPW dan sebanyak 3 permohonan pembaharuan lesen PPG. Manakala itu, manakala sebanyak 70 lesen baru PPG berjaya dikeluarkan. Selain itu, sebanyak 525 premis PPW dan 105 premis PPG berjaya dibuat pemeriksaan pada tahun 2012. Perincian pencapaian BPWG yang lengkap pada tahun 2012 yang melibatkan dua (2) aktiviti teras bahagian iaitu aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan adalah seperti dalam Jadual 48. Maklumat kutipan hasil BPWG tahun 2012 turut disertakan.

Jadual 48 Perincian Pencapaian BPWG bagi Tahun 2012

Bil	Aktiviti	Petunjuk Prestasi	Sasaran	Pencapaian	Cacatan
1	Pemprosesan lesen baru PPW	Lesen baru dikeluarkan selaras dengan dasar semasa	50 lesen baru dikeluarkan setahun	0%	Permohonan lesen baru dibekukan
2	Pemprosesan pembaharuan lesen PPW	lesen diproses dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan lengkap	80% permohonan yang telah lengkap diproses dan diberikan keputusan	100%	sebanyak 1,621 permohonan telah diproses dan diberikan keputusan dalam tempah yang ditetapkan
3	Pemprosesan permit iklan baru PPW	Lesen diproses dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan lengkap	80% permohonan yang telah lengkap diproses dan diberikan keputusan	100%	Sebanyak 63 permohonan telah diproses dan diberikan keputusan dalam tempah yang ditetapkan
4	Pemprosesan pembaharuan permit iklan PPW	Permit diproses dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan lengkap	80% permohonan yang telah lengkap diproses dan diberikan keputusan	100%	Sebanyak 638 permohonan telah diproses dan diberikan keputusan dalam tempah yang ditetapkan
5	Pemprosesan lesen baru PPG	Lesen baru dikeluarkan selaras dengan dasar semasa	50 lesen baru dikeluarkan setahun	140%	Sebanyak 70 lesen telah dikeluarkan dalm tempoh yang ditetapkan
6	Pemprosesan pembaharuan lesen PPG	Lesen diproses dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan lengkap	80% permohonan yang telah lengkap diproses dan diberikan keputusan	100%	Sebanyak tiga (3) permohonan telah diproses dan diberikan keputusan dalam tempah yang ditetapkan
7	Pemprosesan pembaharuan permit iklan PPG	Permit diproses dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan lengkap	80% permohonan yang telah lengkap diproses dan diberikan keputusan	100%	Sebanyak 17 permohonan telah diproses dan diberikan keputusan dalam tempah yang ditetapkan
8	Pemprosesan pembaharuan permit iklan PPG	Permit diproses dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan lengkap	80% permohonan yang telah lengkap diproses dan diberikan keputusan	0%	Tiada permohonan diterima bagi tahun 2012

B) AKTIVITI PENGUATKUASAAN

i. Pemantauan / Pemeriksaan Premis PPW dan PPG

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 525 premis PPW dan 105 premis PPG telah diperiksa dan dipantau. Pemantauan dan pemeriksaan premis yang dilaksanakan secara berterusan adalah bertujuan untuk memastikan kesemua premis PPW dan PPG mematuhi segala peraturan dan tatacara sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972. Tindakan proaktif ini diambil bagi memastikan kesalahan-kesalahan seperti mengenakan faedah yang tinggi, tiada resit bayaran dan lain-lain kesalahan tidak dilakukan oleh pemegang lesen PPW dan PPG.

Jadual 49 Aktiviti Pemantauan dan Pemeriksaan Primis PPW dan PPG bagi Tahun 2012

Bil	Aktiviti	Petunjuk Prestasi	Sasaran	Pencapaian	Cacatan
1	Pemantauan Premis PPW	Bilangan premis PPW dipantau	500 premis PPW	105.00%	Sejumlah 525 premis PPW telah dipantau.
2	Pemantauan Premis PPG	Bilangan premis PPG dipantau	100 premis PPG	105.00%	Sejumlah 105 premis PPG telah dipantau
3	Pemantauan Lelongan Awam Pemegang Pajak Gadai	Bilangan lelongan yang diluluskan dan dipantau	Kesemua permohonan lelongan awam yang memenuhi syarat diluluskan dan dipantau	100.00%	Sejumlah 233 permohonan lelongan awam telah diluluskan dan dipantau.

ii. Pemantauan Lelongan Awam Pajak Gadai

Lelongan awam pajak gadai merupakan lelongan barangan pajakan bagi jumlah pinjaman RM200 yang gagal ditebus oleh pemajak dalam tempoh pajakannya. Setiap lelongan awam pajak gadai yang diadakan perlu dipantau dan disahkan oleh pegawai dari BPWG yang dilantik sebagai Inspektor Pemegang Pajak Gadai. Pada tahun 2012, sebanyak 233 lelongan awam PPG telah diadakan. Pulau Pinang dan Kedah merupakan negeri terbanyak mengadakan lelongan awam iaitu sebanyak 47 dan 31 lelongan, manakala negeri Sabah hanya mengadakan 4 lelongan dan tiada lelongan di Sarawak. Sila rujuk Jadual 50 untuk maklumat lanjut.

Jadual 50 Statistik Pemantauan dan Pengesahan Lelongan Awam PPG 2012

Bil	Negeri	Bulan Lelongan												
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Spt	Okt	Nov	Dis	Jumlah
1	Johor	2	2	3	2	3	2	3	2	2	3	2	3	29
2	Kedah	0	1	0	4	0	0	2	0	0	2	0	1	10
3	Kelantan	0	1	0	4	0	0	2	0	0	2	0	1	10
4	Melaka	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	12
5	Negeri Sembilan	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	12
6	Pahang	0	0	2	0	0	2	0	0	2	0	0	2	8
7	Perak	3	2	3	2	3	2	3	2	3	2	3	3	31
8	Perlis	1	0	1	0	1	0	1	0	1	0	1	1	7
9	Pulau Pinag	3	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	47
10	Selangor	2	0	1	1	2	2	2	2	2	2	2	2	19
11	Terengganu	0	0	0	0	5	0	0	0	0	0	0	2	7
12	Kuala Lumpur	0	1	0	1	0	1	0	1	0	1	0	1	6
13	Sabah	0	0	0	0	0	1	0	0	1	1	0	1	4
14	Sarawak	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		**15**	**16**	**19**	**20**	**22**	**20**	**20**	**17**	**20**	**21**	**17**	**28**	**233**
Keseluruhan		**15**	**31**	**50**	**70**	**92**	**112**	**132**	**149**	**169**	**190**	**207**	**233**	

iii. Pengendalian Aduan

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 564 aduan telah diterima. Aduan tersebut meliputi 470 aduan berkaitan PPW dan 94 aduan berkaitan PPG. Kesemua aduan tersebut telah berjaya diselesaikan. Aduan berkaitan kegagalan menghantar penyata transaksi kepada Pendaftar merupakan kesalahan yang paling tinggi iaitu sebanyak 347 aduan, diikuti kadar faedah tinggi sebanyak 77 dan lain-lain aduan melibatkan sebanyak 42 aduan. Sila rujuk Jadual 51 untuk maklumat lanjut.

Hasil tindakan terhadap aduan yang diterima, sejumlah 25 kes telah didakwa di mahkamah yang mana sembilan (9) kes melibatkan PPW dan 13 kes melibatkan PPG telah dijatuhkan hukuman, tiga (3) kes yang melibatkan PPG pula mohon dibicarakan dan sebanyak 25 kes melibatkan PPW telah dikompaun. Sila rujuk Jadual 52 untuk maklumat lanjut.

Jadual 51 Bilangan Aduan Diterima Mengikut Kategori

Kategori Aduan	Bil. Aduan Diterima		Bil. Aduan diselesaikan	
	PPW	PPG	PPW	PPG
Tiada Lesen Sah	17	5	17	5
Kadar Faedah Tinggi	72	5	72	5
Penipuan	-	-	-	-
Mendatangkan ketakutan dan ugutan	14	-	14	-
Dokumen Perjanjian	13	-	13	-
Pengiklanan	-	-	-	-
Resit bayaran rasmi	-	-	-	-
Simpan kad / buku bank	-	-	-	-
Gagal hantar laporan transaksi	336	31	336	31
Barang gadaian ditebus orang lain	-	4	-	4
Tidak Menghantar Notis Lelong	-	24	-	24
Hak untuk menyemak Buku Jualan		1	-	1
Lain-lain	18	24	18	24
Jumlah	**470**	**94**	**470**	**94**

Jadual 52 Status Tindakan Terhadap Kes PPW dan PPG dari 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2012

Jenis Tindakan	Bil. Siasatan PPW (Bil. Diterima = 470)	Bil. Siasatan PPG (Bil. Diterima = 94)	Jumlah (564)
Siasatan Awal			
1.1 Tiada Kes (NFA/KUS)	39	9	46
1.2 Rujuk Kepada Agensi Lain (PDRM)	18	-	18
2. Siasatan Lanjut			
2.1 Serbuan / Siasatan	21	29	50
2.2 Siasatan Tanpa Serbuan	449	65	514
Jumlah	**470**	**94**	**564**
3. Pecahan Kes Siasatan Lanjut			
3.1 Rujuk LA/KPKT	10	4	14
3.2 Perbicaraan	-	3	3
3.3 Jatuh Hukum	9	13	22
3.4 Kompaun	25	-	25

Nota : Aduan yang mempunyai asas kesalahan akan melalui proses siasatan lanjut dan dikategorikan sebagai kes.

C) KUTIPAN HASIL BPWG TAHUN 2012

Sepanjang tahun 2012, hasil sebanyak RM 12,234,500.00 telah berjaya dikutip oleh BPWG. Aktiviti pembaharuan, pengeluaran lesen baru dan permit iklan PPG menyumbang hasil tertinggi iaitu sebanyak RM9,655,500.00 iaitu 79% dari hasil keseluruhan, diikuti daripada aktiviti pengeluaran lesen dan permit iklan PPW iaitu sebanyak RM2,451,000.00 dan kutipan hasil dari kompaun yang dikenakan kepada PPW berjumlah RM128,000.00. Sila rujuk Carta 3.

Carta 3 Kutipan hasil BPWG sepan



D) SEMINAR DAN BENGKEL

Pada tahun 2012, BPWG telah berjaya mengadakan sebanyak tiga (3) bengkel dan dua (2) Seminar yang mana ianya turut merangkumi bengkel untuk warga BPWG dan juga pemegang lesen PPW dan PPG.

Bengkel yang melibatkan warga BPWG pula adalah Bengkel Penyediaan Kertas Siasatan, Pendakwaan PPW dan PPG yang diadakan di De Palma Hotel, Kuala Selangor pada 26 hingga 28 Mac 2012. Seterusnya, Seminar Pengukuhan Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai telah diadakan pada pada 25 hingga 27 Mei 2012 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel Asas Pemahaman Akta Pemberi Pinjam Wang Dan Pemegang Pajak Gadai telah diadakan pada 27 sehingga 29 Jun 2012 di Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (ILPKT). Selain itu, satu Bengkel Lelongan telah turut diadakan pada 21 hingga 23 November 2012 di Port Dickson, Negeri Sembilan melibatkan seramai 30 orang warga BPWG. Ianya turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), YBrs Tuan Yong Bun Fou.

Seminar Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai Zon Timur di Cherating, Pahang melibatkan penyertaan pemegang lesen PPW dan PPG yang dihadiri oleh seramai 91 peserta telah diadakan pada 6 November 2012. Bahagian ini juga turut terlibat menyertai Program Jelajah Janji Ditepati (JJD) anjuran Jabatan Perdana Menteri yang telah diadakan di Kamunting, Kulim, Paroi, Kudat, Melaka, Bangi dan Pulau Pinang sepanjang tahun 2012. Pada setiap program yang disertai, risalah-risalah berkaitan PPW dan PPG serta borang soal selidik diedarkan kepada orang ramai selain memberikan penerangan kepada orang ramai berhubung PPW dan PPG.




TEL 07-6060 750
PEGURUP WANG BERLESEN
PAJAK GADA
PAJAK






K GADAI MEE CHEONG SDN. BHD.
G PAJAK GADAI BERLESEN





PROGRAM
LATIHAN KPKT

INSTITUT LATIHAN PERUMAHAN DAN **KERAJAAN TEMPATAN (ILPKT)**



LATAR BELAKANG

Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (ILPKT) adalah salah satu agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mana statusnya adalah setaraf dengan jabatan/bahagian di Kementerian. Penubuhan institut ini telah dipersetujui oleh Kerajaan pada Januari 2008 dengan cadangan penempatan 10 orang kakitangan Pasukan Teras. Pengoperasian ILPKT di Bukit Tinggi, Pahang bermula pada 1 Oktober 2011. Secara amya, *core business* ILPKT ialah menyediakan latihan kepada pegawai/kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Manakala dalam jangka masa panjang, ILPKT berperanan sebagai pusat pengumpulan maklumat, pusat rujukan (*referral center*) dan khidmat nasihat kepada PBT dalam bidang teknologi, perkembangan produk dan perkhidmatan, penggubalan dasar, perancangan dan pelaksanaan program/projek.

Pelanggan utama ILPKT ialah semua anggota kerja PBT. Pelanggan sokongan pula ialah jabatan teknikal yang terlibat secara langsung dalam pembangunan di kawasan PBT, pertubuhan profesional (seperti Jururancang Bandar, Arkitek, Jurutera, Arkitek Landskap), Pertubuhan Bukan Kerajaan, pemaju perumahan dan semua badan yang terlibat dalam pembangunan penempatan manusia dan perumahan. ILPKT telah dipertanggungjawabkan dengan peranan dan fungsi utama seperti yang berikut :

Peranan

- Memberi kefahaman terhadap dasar-dasar semasa Kerajaan yang secara langsung menyentuh pembangunan penempatan manusia dan kerajaan tempatan seperti Dasar Perbandaran Negara, Dasar Perumahan Negara, Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan lain-lain.
- Memberi kefahaman terhadap undang-undang dan kaedah penguatkuasaan akta dan garis panduan yang berkait dengan PBT seperti yang berikut :

i) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
ii) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
iii) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1984 (Akta 133);
iv) Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663);
v) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984; dan
vi) Garis panduan Perancangan Bandar, Landskap dan Perumahan.

Fungsi

- Melaksanakan latihan mengenai penempatan manusia, persekitaran dan kualiti hidup, perancangan dan pengurusan bandar serta perkhidmatan perbandaran melalui kajian ke atas demografi, migrasi, sosio budaya, ekonomi, pembangunan teknologi, pengurusan, perubahan teknologi dan perkembangan semasa pentadbiran negara.
- Menyediakan kertas-kertas makluman untuk dibentangkan di peringkat kebangsaan dan persidangan antarabangsa dalam menangani isu-isu berkaitan perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Membantu mengenal pasti isu dan masalah semasa dalam konteks perbandaran negara dan seterusnya memperakukan keadah perancangan dan cadangan dasar.
- Menawarkan khidmat nasihat dan pakar runding bagi penggubalan dasar, perancangan dan strategi pelaksanaan program dan aktiviti dalam sektor berkaitan.
- Melaksanakan program latihan kepada semua peringkat personel dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran teknikal dan pentadbiran.
- Menganjurkan persidangan, seminar dan bengkel berkaitan perumahan dan Kerajaan Tempatan di peringkat tempatan dan antarabangsa.
- Menyalurkan maklumat terkini berhubung dengan perubahan dasar dari semasa ke semasa.
- Menggubal kurikulum, merancang, melaksana, menyediakan garis panduan pelaksanaan kursus dan laporan penilaian kursus yang berkaitan.

Visi

Pusat Kecemerlangan dalam Bidang Latihan, Rujukan dan Khidmat Nasihat bagi aspek Perancangan Fizikal, Sosial, Ekonomi dan Alam Sekitar yang mampan bagi mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembangunan penempatan manusia yang memenuhi sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Misi

- Membangunkan modul dan melaksanakan program latihan bersistematik ke arah pembangunan modal insan yang berkualiti selaras dengan wawasan negara.
- Berperanan sebagai pakar rujuk dan khidmat nasihat dalam bidang perbandaran, perumahan, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta pengurusan Kerajaan Tempatan.
- Menyelaras dan mengendalikan taklimat mengenai Akta, Undang-Undang Kecil dan Peraturan-peraturan serta Dasar / Polisi semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Organisasi Pentadbiran ILPKT

ILPKT diketuai oleh Pengarah dan dibantu oleh seorang Pendaftar. ILPKT mengandungi enam (6) pusat pengajian iaitu :

i Pusat Pengajian Perancangan Bandar dan Urbanisasi
ii Pusat Pengajian Pengurusan Sisa Pepejal
iii Pusat Pengajian Pengurusan Perumahan
iv Pusat Pengajian Kerajaan Tempatan
v Pusat Pengajian Pengurusan Landskap
vi Pusat Pengajian Pemahaman Perundangan dan Penguatkuasaan

Setiap pusat pengajian diketuai oleh seorang Pegawai Pengurusan dan Profesional yang mempunyai kelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan.

A) PUSAT PENGAJIAN PERANCANGAN BANDAR DAN URBANISASI

Pusat Pengajian Perancangan Bandar dan Urbanisasi merupakan pusat pengajian yang penting kerana salah satu fungsi mandatori PBT adalah perancangan dan pembangunan bandar. Pusat ini akan memberi peluang kepada pegawai kakitangan PBT mengenai proses, prosedur dan tatacara perancangan bandar dalam pentadbiran harian PBT. Secara amnya, pusat ini akan mengendalikan :

- Pengurusan dan Pelaksanaan Pusat Sehenti *(One Stop Centre)*
- Amalan dan Prosedur Pemohonan Kebenaran Merancang
- *Certificate of Completion and Compliance*

- Pengurusan Pembangunan Bandar
- *Forward Planning*
- Rancangan Pemajuan (Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas).
- Kawalan Pembangunan
- Bandar Selamat
- Rancangan Pembangunan dan Penempatan Kampung Tradisional

B) PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Pusat Pengajian Pengurusan Sisa Pepejal memainkan peranan yang penting kerana negara berhadapan dengan masalah pengurusan sisa pepejal yang kritikal akibat dari pertambahan isipadu, kekurangan tempat pelupusan dan kesan kepada alam sekitar. Oleh yang demikian, pusat ini akan memberi penekanan kepada bidang-bidang berikut :

- Kursus Pengurusan Sisa Pepejal
- Undang-undang Sisa Pepejal
- Pengurusan Operasi
- Pengurusan Alam Sekitar
- Pengurusan Kebersihan dan Kesihatan Awam
- Program Kitar Semula (3R)
- Teknologi Sisa Pepejal

C) PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERUMAHAN

Pusat ini akan bertanggungjawab menyediakan program-program latihan mengenai perkara-perkara berikut :

- Dasar Perumahan Negara
- Pengurusan Setinggan
- *Industrialised Building System*
- Kawalan Bangunan
- *Commisioner of Building*

D) PUSAT PENGAJIAN KERAJAAN TEMPATAN

Pusat ini bertanggungjawab untuk menyediakan program latihan kepada PBT yang berhubung dengan perkara-perkara berikut :

- Pengurusan Projek Kecil
- Siasatan dan Penguatkuasaan PBT
- Pengurusan Aset
- Pengurusan Pemajuan Hartanah
- Pengurusan Kewangan
- Penyelenggaraan Bangunan
- *Urban Governance*
- *Key Performance Indicator*

E) PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN LANDSKAP

Selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai negara taman, pusat pengajian ini memainkan peranan yang penting bagi menyediakan latihan kepakaran dalam bidang landskap dan seni taman. Secara amnya, pusat pengajian ini akan mengendalikan latihan dalam bidang berikut :

- Rekabentuk Landskap
- Pengurusan Landskap
- Pengurusan Kontrak
- Penyelenggaraan Taman Awam dan Landskap

F) PUSAT PENGAJIAN PEMAHAMAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Pusat pengajian ini memainkan peranan yang penting kerana PBT seringkali terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan kawasan-kawasan di bawah pentadbiran bebas dari kacau ganggu, selamat dan selesa untuk didiami. Sehubungan dengan itu, pusat ini akan mengendalikan kursus kefahaman dalam bidang-bidang seperti berikut :

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1984 (Akta 133)
- Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663)
- Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400)
- Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
- Lembaga Rayuan
- Pekeliling, Perundangan dan garis panduan yang berkaitan

PENCAPAIAN

ILPKT telah berjaya melaksanakan semua kursus, seminar dan bengkel yang telah dirancang bagi tahun 2012 walaupun jabatan ini baru sahaja beroperasi di Bukit Tinggi, Berjaya Hills Pahang. Senarai kursus, seminar dan bengkel yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012 adalah seperti yang berikut :

A. PUSAT PENGAJIAN PERANCANGAN BANDAR DAN URBANISASI

- Kursus Perancangan Dan Pembangunan Semula

Kawasan "*Brownfield*" Pemuliharaan Dan Bandar Mampan
- Kursus Perisian Sumber Terbuka Quantum Gis Bagi Penyedian Rancangan Pemajuan Siri I, II, III dan IV
- Kursus Kesejahteraan Persekitaran Perbandaran Dan Urbanisasi Siri I dan II
- Kursus Rekabentuk Penyediaan Kemudahan Awam Mesra Pengguna Siri I dan II
- Kursus Kebenaran Merancang, Caj Pemajuan Dan Lembaga Rayuan
- *Executive Talk* - Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Perancangan Bandar
- Seminar Perancangan Bandar dan Urbanisasi – Perancangan dan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi

B) PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

- Kursus Pengauditan Dan Pengredan Premis Makanan Siri I dan II
- Kursus Rekebentuk Dan Pembinaan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal & Teknologi Insinerator Siri I dan II
- Kursus Pengurusan Dan Teknologi Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Siri I dan II

C) PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERUMAHAN

- Kursus Pelesenan Pemajuan Perumahan Di Bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 Siri I dan II
- Kursus Pengurusan Penyelenggaraan Di Bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Pengurusan Dan Penyelenggaraan 2007) Siri I dan II
- Kursus Penyediaan Kertas Siasatan & Penguatkuasaan Di Bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan 2007) Siri I dan II
- Kursus Pembangunan Tanah Rezab Melayu & Tanah Wakaf
- Kursus Pengurusan Dan Penempatan Semula Setinggan
- Kursus *Forensic Account* Di Bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan 2007) Siri I dan II
- Bengkel Amalan Terbaik Dalam Pengurusan Bangunan Berstrata Di Kalangan Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) PBT
- *Executive Talk* : (Dasar Perumahan Negara)
- Bengkel Pemahaman Rang Undang- Undang Pengurusan Strata (RUUPS) 2012
- Seminar Pembangunan & Pelaksanaan Bangunan Pintar- Smart Building

D) PUSAT PENGAJIAN KERAJAAN TEMPATAN

- Kursus Pengurusan Projek Di Peringkat PBT Siri I dan II
- Kursus Pengurusan Dan Pungutan Hasil Di PBT Siri I dan II
- Kursus Pemantapan Proses Pengeluaran Lesen Perniagaan Oleh PBT Siri I dan II
- Kursus Pengendalian Bahan Kimia Oleh PBT Siri I dan II
- Kursus Pengurusan Dan Audit Tandas Oleh PBT Siri I dan II
- *Municipal Finance Training Certification* (MFTC)
- Seminar Tindakan Teguran Audit Ke Atas Penyata Kewangan PBT
- Seminar Pemantapan Pemahaman Kepada Undang-Undang Kecil Seragam 1984 Siri I, II, III dan IV
- *Executive Talk* : Model Pembangunan Mampan Konsep *Local Agenda* 21
- Bengkel : *From Corporate Plan To Great Citizen Service*

E) PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN LANDSKAP

- Kursus Pengurusan Projek Landskap- Pengurusan Perolehan Kerja
- Kursus Manual Pemangkasan Pokok Teduhan Siri I dan II
- Kursus *Master Gardener* Peringkat Asas Siri 1/2012
- Kursus *Master Gardener* – Lanjutan 1
- Kursus Manual Pelan Induk Landskap
- Kursus Piawaian Produktiviti Dan Penyelenggaraan Landskap
- Kursus Pengurusan Perolehan Siri 1/2012- (Kelambatan Lanjutan Masa, Gantirugi Kerana Kerja Tak Siap)
- Kursus Pengurusan Perolehan Siri 2/2012- (Bayaran Pendahuluan, Interim, Penyiapan Kerja & Penamatan Kontrak)
- Kursus Perintah Pemeliharaan Pokok
- Kursus Pengurusan Penanaman Dan Penyelenggaraan Rumput Turf
- Kursus Pengurusan Dan Pentadbiran Kontrak 203a Pindaan 1/2010 & Pengurusan Buku Harian Tapak Bina (*Site Diary*)
- Kursus Pengecaman Spesis Pokok Hutan
- *Executive Talk: Greening The Nation*
- Bengkel: Pengurusan Penyelenggaraan Landskap Pihak

Berkuasa Tempatan, Isu Dan Cabaran
- Seminar Landskap Ke Arah Persekitaran Mampan (*Landscape Towards A Sustainable Environment*)

F) PUSAT PENGAJIAN PEMAHAMAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

- Kursus Pentadbiran Dan Pengurusan PBT Berlandaskan Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan) Siri I dan II
- Kursus Pemahaman Pelaksanaan & Penguatkuasaan Seksyen 18,19 & 20 Akta 172 (Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976)
- Kursus Lanjutan Tatacara Penyediaan Kertas Siasatan Dan Pengurusan Kes Di Mahkamah
- Kursus Pendedahan Kemahiran Dan Pengetahuan Untuk Melaksanakan Tugas Sebagai Pegawai Penyiasat Siri I dan II



G) AKTIVITI DENGAN KERJASAMA MAJLIS BERSAMA JABATAN

ILPKT dengan kerjasama wakil pekerja Majlis Bersama Jabatan, KPKT telah menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti yang berikut:

i. Gotong-royong pada 10 Julai 2012
ii. Mesyuarat Pengurusan KPKT pada 11 Julai 2012
iii. Mesyuarat Pasca Kabinet KPKT pada 11 Julai 2012
iv. Seminar kursus agensi KPKT
v. Seminar kursus agensi luar







PROGRAM

KHIDMAT SOKONGAN

BAHAGIAN
UNDANG-UNDANG



LATAR BELAKANG

Bahagian Undang-undang diketuai oleh Tuan Iskandar Ali Dewa. Objektif bahagian ini ialah untuk memberi nasihat perundangan yang berkualiti, profesional dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia kepada Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi di bawahnya. Secara ringkasnya, peranan dan tugas Bahagian ini adalah seprti yang berikut:

i. Memberi nasihat undang-undang yang berkualiti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang serta mengambil kira dasar kerajaan, Kementerian dan kepentingan awam;

ii. Mengubal dan menyemak semua perundangan dan dukumen perundangan dan mengikut keperluan pelanggan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia kepada Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi di bawahnya; dan

iii Mengendali kes-kes pendakwaan dibawah bidang kuasa Kementerian dengan adil dan saksama menurut Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang di bawah bidang kuasa Kementerian dengan mengambil kira kepentingan awam dan negara.

Bahagian ini terdiri daripada tiga (3) unit iaitu Unit Pendakwaan dan Guaman, Unit Nasihat dab Gubalan dan Unit Pentadbiran dan Khidmat Sokongan

PENCAPAIAN

A) KHIDMAT NASIHAT PERUNDANGAN

Sebanyak 360 nasihat perundangan yang telah disediakan oleh Bahagian ini kepada Kementerian dan Agensi dibawahnya. Antara pandangan undang-undang utama yang telah diberikan oleh Bahagian ini adalah seperti yang berikut :

i. Pandangan Perundangan berkaitan isu milikan kosong dan kutipan caj penyelenggaraan bangunan di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007

ii. Pandangan Undang-Undang berhubung Isu Perolehan Tanah untuk Pembinaan Balai Bomba Baru dan Status Tanah yang Menempatkan Balai Bomba di Sarawak Susulan daripada Penyatuan Bomba Seluruh Malaysia.

iii. Pandangan Perundangan berhubung Kelayakan Memegang Jawatan Ahli Majlis Di Dalam Perbadanan Pengurusan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] Melalui Power of Attorney di bawah Akta Surat Kuasa Wakil 1949 [Akta 424] dan Akta Syarikat 1965 [Akta 125].

iv. Pandangan Undang-undang berkenaan dengan permohonan daripada Pihak Berkuasa Tempatan

Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim ("PBT TPHTK") untuk diisytiharkan sebagai "pihak berkuasa yang berkenaan" di bawah subseksyen 67(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan diberi kuasa untuk mengkompaun di bawah perenggan 120(1)(e) Akta 333.

v. Pandangan Perundangan berkenaan dengan Permohonan Pengecualian oleh Venus Assets Sdn. Bhd. dan Dijaya Development ("Pemohon-pemohon") bagi Projek Four Seasons Place Kuala Lumpur dan W Hotel and The Residences ("projek-projek") daripada pemakaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

vi. Pandangan Perundangan kepada Pihak Pesuruhjaya Bangunan ("COB") berhubung sama ada Badan Pengurusan Bersama ("JMB") boleh mengubahsuai ("modify") Borang A Jadual Kedua Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] (notis tunggakan caj).

vii. Pandangan Perundangan berkenaan Keretakan rumah berhampiran Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Taiping, Perak.

B) MENYEMAK, MENYEDIAKAN ATAU MENGGUBAL DRAF PERJANJIAN/ MEMORANDUM PERSEFAHAMAN.

Sebanyak 142 perjanjian yang telah disemak atau disediakan atau digubal oleh Bahagian ini. Antara perjanjian utama yang disemak atau digubal adalah seperti berikut :

i. Draf Perjanjian Pengurusan Jualan bagi 1580 Unit Rumah Pangsa Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2, Petaling Jaya Selangor antara KPKT dengan IM Global Property Consultants Sdn Bhd.

ii. Draf Perjanjian Jual Beli antara Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan Pembeli-pembeli bagi 1580 Unit Rumah Pangsa Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2, Petaling Jaya Selangor.

iii. Perjanjian Pelantikan Kontraktor Penyelamat – Projek Terbengkalai Taman Topaz, Dengkil.

iv. Perjanjian Peningkatan Portal e-JKT

v. Perjanjian Bagi Bayaran Balik Kos Pembangunan Oleh PSK Kepada JPN Berkaitan Pembinaan 97 Unit Rumah Di Program Perumahan Rakyat (PPRM) Leban Chondong, Mukim Kuala Rompin, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur Dan 88 Unit Rumah Di Program PPRM Paya Sok, Daerah Temerloh, Pahang Darul Makmur

vi. Perjanjian Bagi Bayaran Balik Kos Pembangunan Oleh PSK Kepada JPN Berkaitan Pembinaan 97 Unit Rumah Di Program Perumahan Rakyat (PPRM) Leban Chondong, Mukim Kuala Rompin, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur Dan 88 Unit Rumah Di Program PPRM Paya Sok, Daerah Temerloh, Pahang Darul Makmur

vii. Draf Perjanjian Tambahan Kedua Projek Membekal, Memasang, Menguji terima dan Menyelenggarakan Sistem Pemantauan Kamera Tanpa Wayar (CCTV) Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Secara Sewaan.

viii. Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bagi Cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2012

ix. Memorandum Jemaah Menteri berhubung Cadangan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan Taman Laut (GP)

x. Memorandum daripada Perdana Menteri mengenai Pelaksanaan Garis Panduan Pemasangan dan Pengedaran Bahan Kempen Semasa Pilihan raya.

C) UNDANG-UNDANG UTAMA ATAU PERUNDANGAN SUBSIDIARI YANG DIGUBAL, DISEMAK ATAU DIPINDA

Sebanyak 40 Undang-Undang Utama atau Perundangan Subsidiari yang digubal,disemak atau dipinda sepanjang tahun 2012. Antara Undang-Undang Utama atau Perundangan Subsidiari yang telah digubal,disemak atau dipinda oleh Bahagian ini adalah seperti berikut :

i. Peraturan-Peraturan Bomba (Pakaian Seragam, Tanda Pangkat dan Kad Pengenal Pegawai Bomba

ii. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tugas Khas)

iii. Peraturan-Peraturan Bomba (Fi Perkhidmatan)

iv. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba(Tugas Khas)

v. Rang Undang-Undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2012 (Akta 118)

vi. Draf Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012

vii. Draf Pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

viii. Draf Pindaan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81)

ix. Empat (4) Peraturan-Peraturan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)

x. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Sisa Pepejal Pembinaan) 2012

xi. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal Pembinaan) 2012

xii. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Sisa Pepejal Perniagaan) 2012

xiii. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal Perniagaan) 2012

xiv. Peraturan-Peraturan di Bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400)

xv. Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81)

D) KERTAS SIASATAN YANG DITELITI

Sebanyak 25 Kertas Siasatan yang telah diteliti dan diberi izin pendakwaan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) dan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400)

E) KES YANG DIDAKWA

Sebanyak 22 kes pendakwaan dibawa ke mahkamah bagi kesalahan yang dituduh di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) dan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400)

Jadual 53 Statistik Bahagian Undang-Undang Tahun 2012

Output Utama	Jumlah
Khidmat Nasihat	360
Menyemak draf perjanjian / memorandum persefahaman	142
Undang-undang utama atau perundingan subsidiari yang digubal, disemak atau dipinda	40
Kes siasatan yang diteliti	25
Kes yang didakwa	22

BAHAGIAN
DASAR KPKT



LATAR BELAKANG

Bahagian Dasar diketuai oleh YBrs Dr. Ab Rahman Awang. Misi bahagian ini adalah untuk bertindak sebagai *think tank* dan *strategic integrator* bagi memastikan dasar/program/projek dirancang dan digubal secara bersepadu dan berkesan untuk membangun persekitaran hidup dan penempatan manusia yang berkualiti dan mapan. Bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk mencorak dan menentukan hala tuju Kementerian selaras dengan kehendak dan perubahan dasar serta program Kerajaan sejajar dengan perubahan persekitaran global yang kian mencabar. Peranan ini menjadi bertambah penting untuk memenuhi tuntutan dan hala tuju baru kepimpinan negara melalui pengenalan pelbagai inisiatif bahru kerajaan seperti konsep Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Model Baru Ekonom (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP), dan Program Transformasi Politik.

Di samping itu, sejajar dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-10 Kesepuluh (RMKe-10), Bahagian Dasar meneruskan peranan sebagai penasihat, penyelaras strategik dan pakar rujuk bagi membantu Pengurusan Atasan Kementerian serta agensi-agensi di bawahnya bagi melaksanakan program dan aktiviti pembangunan lima (5) tahun masing-masing. Tanggungjawab ini sangat penting dalam memastikan segala perancangan dasar dan program RMKe-10 di peringkat Kementerian dilaksana, dipantau dan dinilai untuk mencapai impak dan *outcome* yang disasarkan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Peranan dan tanggungjawab utama Bahagian ini adalah seperti yang berikut:

i. Menerajui perancangan dan penggubalan dasar-dasar baru berhubung dengan *core business* Kementerian;

ii. Menilai keberkesanan pelaksanaan dasar dan peraturan selaras dengan hala tuju Kementerian;

iii. Menambah baik secara berterusan dasar dan peraturan sedia ada berasaskan kepada amalan terbaik melalui penada arasan; dan

iv. Memberi khidmat nasihat dan perundingan dalam aspek perancangan dan penggubalan dasar-dasar berhubung dengan core business Kementerian.

Bahagian Dasar KPKT juga merupakan sebagai *strategic integrator* dalam mengukuhkan jalinan kerjasama dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan yang lain bagi meningkatkan perkongsian strategik dalam membina perancangan dasar pembangunan yang saling memerlukan untuk mencapai matlamat pembangunan negara.

PENCAPAIAN

A) MENGURUSETIAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN (JPP)KPKT 2011

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) KPKT merupakan platform yang amat penting bagi setiap Jabatan dan Bahagian di KPKT bagi membentangkan

dan mendapatkan kelulusan daripada Pengurusan Atasan berkaitan cadangan, penyelarasan pelaksanaan program, kajian dan dasar baru atau sedia ada secara kesuruhan. Mesyuarat JPP KPKT telah bermesyuarat sebanyak lapan (8) kali dan sebanyak 34 kertas Pertimbangan telah dibentangkan di sepanjang tahun 2012.

B) MENGURUSETIAKAN MESYUARAT PERANCANGAN STRATEGIK KPKT 2013

Dalam memastikan setiap program, aktiviti dan projek yang dilaksanakan di KPKT dirangka dan dipantau dengan berkesan, Bahagian Dasar KPKT sebagai Urus Setia Mesyuarat Perancangan Strategik KPKT 2013 telah menganjurkan aktiviti tahunan ini pada 4 hingga 6 Disember 2012 di Dewan Kristal, KPKT dengan memastikan mesyuarat ini berjalan dengan lancar dan memberikan impak yang berkesan untuk perancangan tahun 2013.



C) MENUBUHKAN PASUKAN PETUGAS KHAS (PPK) MENGENAI PELAKSANAAN CADANGAN MAKMAL PEMBANGUNAN HARTANAH (MPH)

Makmal Pembangunan Hartanah (MPH) adalah di bawah penyelarasan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) bagi tujuan mempercepatkan proses kelulusan pembangunan hartanah. Makmal ini telah memperakukan sebanyak 22 buah inisiatif yang telah dipertanggungjawabkan kepada KPKT.

Bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif tersebut, Pasukan Petugas Khas (PPK) telah ditubuhkan pada 22 Disember 2010 dengan keahlian daripada pelbagai agensi Kerajaan Swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan pertubuhan badan-badan profesional seperti *Real Estate and Housing Developers' Association* (HBA), pertubuhan Akitek Malaysia (PAM), Lembaga Jurutera malaysia (LJM) dan Malaysian *Institute of Planners* (MIP) yang merupakan pengguat industri pembangunan hartanah.

Keanggotaan PPK juga melibatkan jabatan/agensi KPKT seperti Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) yang bertanggungjawab dalam melaksanakan 10 Inisiatif MPH dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) yang bertanggungjawab dalam melaksanakan lima (5) inisiatif. Selain itu, Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan yang telibat adalah seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA), Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sepanjang tahun 2012, sebanyak lima (5) mesyuarat PPK telah diadakan. Mesyuarat tersebut yang dipengerusikan sendiri oleh Ybhg Datuk KSU, KPKT bertujuan untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan inisiatif-inisiatif MPH dan seterusnya mengemukakan laporan kepada Jemaah Menteri melalui PEMANDU.

Sehingga Disember 2012, sebanyak 13 daripada 15 inisiatif MPH di bawah KPKT telah berjaya dilaksanakan manakala baki inisiatif-inisiatif dijangka dapat diselesaikan pada tahun 2013.

Pada tahun 2012 juga Bahagian Dasar telah selesai di peringkat akhir penghasilan Pelan Strategik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2013-2015 (PS KPKT 2013-2015). Dokumen ini bertujuan membentuk hala tuju yang lebih strategik serta budaya kerja yang cemerlang di KPKT bagi memenuhi ekspektasi pihak berkepentingan dan pelanggan utama KPKT di samping menjadikan KPKT terus relevan dengan cabaran semasa dan yang akan datang.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN **PELAKSANAAN PROJEK**



LATAR BELAKANG

Bahagian Perancangan Dasar dan Pembangunan telah ditubuhkan selaras dengan kehendak Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1982. Bahagian ini kemudiannya telah disusun semula dalam pertengahan tahun 2003 dan dinamakan sebagai Bahagian Pembangunan. Ia diletakkan di bawah pengawasan terus Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) dan bertanggungjawab ke atas strategi serta program-program pembangunan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pada tahun 2007 Bahagian Pembangunan telah digabungkan dengan Bahagian Pelaksanaan dan Penyelenggaraaan Projek (PIMD) dan diberi nama baru sebagai Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, diletakkan di bawah pengawasan TKSU(D).

Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (BPPP) yang diketuai oleh Tuan Haji Abu Bakar bin Johar, telah dipertanggungjawabkan dengan peranan dan fungsi utama seperti berikut :

i. Menyelaras bajet pembangunan bagi projek-projek pembangunan KPKT;
ii. Menyelaras pelaksanaan dan menyelenggara projek-projek pembangunan KPKT;
iii. Menyelaras pemantauan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan KPKT; dan
iv. Menyelaras penilaian program / projek pembangunan KPKT.

PENCAPAIAN

A) PROJEK DI BAWAH RMKE-10 – ROLLING PLAN KEDUA (RP2)

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) yang dilaksanakan dari tahun 2011 hingga 2015 akan menyaksikan transformasi dan perubahan lebih dinamik dengan tumpuan bukan saja kepada memulihkan ekonomi, tetapi juga kepada usaha memajukan dan memakmurkan negara secara berterusan. Model baru pembangunan berasaskan pendekatan secara *Rolling Plan* adalah lebih dinamik serta membolehkan Kerajaan bertindak lebih tangkas dan tepat untuk berdepan iklim ekonomi dunia yang sering berubah. Sehingga 31 Disember 2012, dalam RMKe-10 bagi *Rolling Plan* Kedua, KPKT menerima peruntukan siling sebanyak RM2,677,913,526.00 dengan peruntukan tahun 2012 sebanyak RM1,586,241,320.00 bagi membiayai 213 projek. Secara keseluruhannya, KPKT telah membelanjakan sebanyak 98.15% daripada jumlah peruntukan tahunan bersamaan dengan RM1,556,966,310.28. Berdasarkan peruntukan tersebut, sebanyak 86 projek berjaya dilaksanakan serta siap sepenuhnya sepanjang tahun 2012 dan sebanyak 127 projek sedang dalam pelaksanaan. Perincian bilangan projek tersebut mengikut Jabatan adalah seperti di Jadual 54.

Jadual 54 Status Bilangan Projek Mengikut Jabatan Berdasarkan Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) Pada Tahun 2012

Bil	Jabatan	Bilangan Projek Dalam Pelaksanaan	Bilangan Projek Siap Sepenuhnya
1.	JPBD	9	14
2.	JBPM	21	39
3.	JKT	27	0
4.	JPN	27	16
5.	JLN	11	15
6.	JPSPN	32	2
	JUMLAH	**124**	**86**

B) LAWATAN TURUN PADANG

Mesyuarat Majlis Tindakan Negara Bil. 2/2009 pada 29 Oktober 2009 telah memutuskan agar YB Menteri untuk turun padang bagi melawat sekurang-kurangnya satu (1) projek setiap bulan manakala Ketua Setiausaha sekurang-kurangnya tiga (3) projek setiap bulan dengan tumpuan diberikan kepada projek-projek yang bermasalah dan keputusan ini telah mula dilaksanakan oleh KPKT sejak bulan November 2009. Dengan demikian, Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, KPKT adalah penyelaras Laporan Lawatan Turun Padang YB Menteri dan Ketua Setiausaha kepada YAB Perdana Menteri dan Buletin Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-10 setiap bulan melalui sistem iPantau (*Integrated Project and Tracking Analysis Update*). Sepanjang tahun 2012, KPKT telah mengadakan sejumlah 90 lawatan turun padang yang melibatkan YB Menteri dan Ketua Setiausaha KPKT. Perincian bilangan lawatan turun padang tersebut mengikut bulan pada tahun 2012 adalah seperti di Jadual 55.

Jadual 55 Bilangan Lawatan Turun Padang Mengikut Bulan Pada Tahun 2012

Bil	Bulan	YB Menteri	KSU
1	Januari	6	9
2	Februari	4	4
3	Mac	4	3
4	April	4	4
5	Mei	4	7
6	Jun	2	5
7	Julai	5	5
8	Ogos	1	4
9	September	1	4
10	Oktober	1	3
11	November	1	3
12	Disember	3	3
	JUMLAH PENCAPAIAN	**36**	**54**









BAHAGIAN
KEWANGAN DAN PEROLEHAN



LATAR BELAKANG

Bahagian Kewangan dan Perolehan diketuai oleh Setiausaha Bahagian , Puan Nor Inchun Haji Mohd Salleh. Objektif bahagian ini adalah untuk memberikan perkhidmatan pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan di dalam memenuhi keperluan semua anggota Kementerian dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan KPKT. Bahagian ini bertanggungjawab menjalankan fungsi-fungsi pengurusan kewangan seperti yang berikut:-

i. Menyediakan dan menyelaraskan perbelanjaan anggaran perbelanjaan mengurus/ pembangunan;
ii. Menguruskan pembelian barang/ perkhidmatan/ kerja secara sebutharga dan tender untuk Jabatan/ Bahagian dan urusan tanggungan;
iii. Menguruskan pembayaran gaji/ elaun serta bayaran-bayaran lain yang perlu;
iv. Menguruskan pindah peruntukan bagi perbelanjaan mengurus/ pembangunan;
v. Mengurus kutipan hasil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
vi. Urusan perakaunan dan penyediaan penyata/ laporan berkenaan untuk tujuan kawalan dan pengesahan perbelanjaan.

BAHAGIAN
INSPEKTORAT



LATAR BELAKANG

Bahagian Inspektorat telah diwujudkan melalui Waran Perjawatan Bilangan S163 bertarikh 18 September 2007 yang bermula dengan pengisian empat (4) jawatan utama iaitu seorang Setiausaha Bahagian, dua (2) orang Timbalan Setiausaha Bahagian dan seorang Penolong Setiausaha. Kini, bilangan pegawai di Bahagian Inspektorat telah bertambah iaitu seramai 36 orang yang terdiri daripada 23 orang pegawai dalam kategori Pengurusan dan Profesional serta 13 orang pegawai daripada kumpulan pegawai pelaksana. Objektif dan fungsi Bahagian Inspektorat adalah seperti yang berikut:

Objektif

i. Memastikan semua sistem penyampaian perkhidmatan Kementerian dilaksanakan.
ii. Mencadangkan penambahbaikan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.
iii. Melaporkan secara berkala prestasi PBT dalam mesyuarat-mesyuarat utama Kerajaan.
iv. Mengesyorkan PBT-PBT untuk pengiktirafan di peringkat kebangsaan.

Fungsi

i. Memeriksa dan memantau pelaksanaan dan pematuhan terhadap dasar/arahan/ garis panduan KPKT di Bahagian, Jabatan dan PBT serta mencadangkan penambahbaikan.
ii. Memeriksa dan memantau pelaksanaan cadangan pemajuan serta pengurusan dan penyelenggaraan hartanah seperti OSC, CCC dan COB di PBT.
iii. Menilai sistem penyampaian perkhidmatan PBT bagi tujuan penggredan SSR-PBT.
iv. Memeriksa dan memantau pelaksanaan Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan.
v. Memeriksa dan memantau pelaksanaan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal.

PENCAPAIAN

Selaras dengan tujuan penubuhannya, Bahagian Inspektorat telah melaksanakan lawatan inspektorat untuk memantau penyampaian perkhidmatan di Jabatan dan Bahagian-bahagian di KPKT serta PBT bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatannya. Pencapaian bagi aktiviti-aktiviti Bahagian Inspektorat merangkumi enam aktiviti utama iaitu:

i. Lawatan Inspektorat Kebombaan
ii. Lawatan Inspektorat OSC
iii. Lawatan Inspektorat COB
iv. Lawatan Inspektorat Sisa Pepejal
v. Soal Selidik Pandangan Penduduk
vi. Lawatan Secara Menyamar (*Mystery Shopping*)





A) LAWATAN INSPEKTORAT KEBOMBAAN

Bahagian Inspektorat telah melaksanakan Lawatan Inspektorat Kebombaan ke atas 16 Ibu Pejabat Negeri Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di seluruh Malaysia pada 9 sehingga 21 Februari 2012. Lawatan ini dilaksanakan menjurus kepada tiga (3) aspek perkhidmatan JBPM iaitu pengeluaran ulasan teknikal kepada Unit OSC di PBT, pengurusan pili bomba dan proses pengeluaran Sijil Perakuan Bomba (*Fire Certificate*). Laporan lawatan Inspektorat Kebombaan 2012 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan KPKT Bilangan 12 Tahun 2012 pada 25 Julai 2012. Susulan daripada mesyuarat tersebut, pihak JBPM telah diminta untuk mengambil tindakan-tindakan yang sesuai selaras dengan cadangan-cadangan penambahbaikan yang dikemukakan itu.





B) LAWATAN INSPEKTORAT OSC

Bahagian Inspektorat telah juga melaksanakan Lawatan Inspektorat OSC ke atas 37 Unit OSC di PBT-PBT bertaraf Majlis Daerah dan *modified* PBT Semenanjung sepanjang bulan Mac 2012. Objektif lawatan ini adalah untuk melihat sejauh mana Unit OSC mematuhi arahan, pekeliling dan garis panduan KPKT yang berkaitan dengan fungsi Unit OSC. Di samping itu, lawatan ini juga adalah untuk menilai kecekapan dan keberkesanan Unit OSC dalam mempercepat dan mempermudah proses cadangan pemajuan hartanah mengikut norma masa dan tempoh yang dikehendaki oleh piagam pelanggan selain melihat pelaksanaan prosedur kelulusan pelan bangunan (bahru) yang diperbaharui berkuatkuasa mulai 15 Julai 2011 dan mengenalpasti isu dan masalah yang dihadapi oleh Unit OSC. Beberapa cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi prestasi penyampaian perkhidmatan Unit OSC telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan KPKT Bilangan 9 Tahun 2012 pada 6 Jun 2012.

C) LAWATAN INSPEKTORAT COB

Lawatan Inspektorat COB telah dilaksanakan di 13 Unit COB di PBT bertaraf Majlis Daerah dan *modified* PBT. Lawatan ini telah dijalankan bersekali dengan lawatan inspektorat OSC pada bulan Mac 2012. Ia bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyukarkan pelaksanaan Akta 663, khususnya peranan COB sendiri selain melihat keberkesanan pengurusan aduan oleh Unit COB dan mencadangkan penambahbaikan untuk meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan Unit COB di PBT.

D) LAWATAN INSPEKTORAT SISA PEPEJAL

Bahagian Inspektorat telah melaksanakan Lawatan Inspektorat Sisa Pepejal pada 3 hingga 14 September 2012 di lapan (8) negeri yang telah menerima Akta 672 dan Akta 673. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan penduduk dan PBT mengenai kualiti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dalam tempoh setahun pengambilalihan oleh Kerajaan Persekutuan, selain mengenalpasti isu/masalah yang dihadapi oleh PPSPPA Negeri dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Laporan lawatan telah dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan KPKT Bilangan 15 Tahun 2012 pada 15 Oktober 2012.





E) SOAL SELIDIK PANDANGAN PENDUDUK SEMENANJUNG MALAYSIA

Pandangan penduduk merupakan salah satu kriteria yang penting dalam penggredan Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT). Kajian pandangan penduduk telah dilaksanakan dengan bantuan seramai 202 orang Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang dilantik dari semua PBT di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Hasil kajian soal selidik ini menyumbang sebanyak 10% daripada markah keseluruhan SSR-PBT.



F) LAWATAN SECARA MENYAMAR *(MYSTERY SHOPPING)*

Lawatan *Mystery Shopping* adalah bertujuan untuk membuat tinjauan secara mengejut terhadap perkhidmatan dan layanan di kaunter jabatan-jabatan di bawah KPKT. Lawatan ini memfokuskan terhadap pematuhan Piagam Pelanggan, perkhidmatan yang mesra pelanggan, kecekapan serta tahap pengetahuan petugas kaunter dan susunatur dan keselesaan ruang menunggu. Lawatan telah dibuat di tiga Pejabat Cawangan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan tiga Pejabat Negeri Bahagian Pemantauan dan Pelaksanaan Projek (PIMB) pada bulan Mac 2012.

BAHAGIAN
SUMBER MANUSIA



LATAR BELAKANG

Penubuhan BSM, KPKT telah diluluskan penubuhannya melalui Waran Perjawatan Bil.S.68 Tahun 2001. Terdapat empat (4) unit di Bahagian ini iaitu Unit Perancangan Tenaga Manusia dan Pembangunan Organisasi, Unit Perkhidmatan, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Sumber Manusia serta Unit Pengurusan Prestasi dan Tatatertib. Sebelum itu, Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Personel.

Walau bagaimanapun, pada 18 September 2007, penyusunan semula Kementerian telah diluluskan dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah diluluskan sebanyak 88 perjawatan. Penyusunan semula ini melibatkan peluasan fungsi serta pertambahan jawatan di BSM. BSM kini mempunyai dua (2) cawangan iaitu Cawangan Pengurusan Sumber Manusia dan Cawangan Latihan. Perluasan fungsi BSM ini melibatkan pertambahan perkhidmatan iaitu pengurusan kaunseling dan pengurusan data HRMIS. Objektig dan fungsi bahagian ini adalah seperti yang berikut

Objektif

i. Memastikan KPKT mempunyai tenaga manusia yang mencukupi dan digunakan secara optimum; dan
ii. Memastikan KPKT mempunyai tenaga manusia yang berilmu, berdisiplin dan berdedikasi agar program Kementerian dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Fungsi

i. Pengurusan Perkhidmatan
ii. Pengurusan Latihan dan Kompetensi Pegawai
iii. Pengurusan Prestasi dan Tatatertib
iv. Perancangan Tenaga Manusia dan Pembangunan Organisasi
v. Pengurusan Kaunseling dan Perhubungan Pekerja

PENCAPAIAN

A) PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN

Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 16,629 (91%) daripada 18,255 perjawatan di Kementerian telah diisi dan bilangan kekosongan adalah 1,626 (9%) daripada jumlah perjawatan. Maklumat terperinci perjawatan,pengisian dan kekosongan Kementerian mengikut Perbadanan/ Jabatan/ Bahagian/ Unit seperti di Jadual 56.

Jadual 56 Maklumat Perjawatan, Pengisian Dan Kekosongan Perkhidmatan Awam Persekutuan Dan Badan Berkanun Persekutuan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Sehingga 31 Disember 2012

NAMA AGENSI	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN			
Anggota Pentadbiran	3	3	0
Pejabat Menteri	11	11	0
Pejabat Timbalan Menteri	6	6	0
Pejabat Ketua Setiausaha	6	6	0
Unit Komunikasi Korporat	16	16	0
Bhg.Inspektorat	36	30	6
Bhg.Korporat	52	46	6
Unit Audit Dalam	18	18	0
Bhg.Undang-Undang	17	17	0
Bhg.Khidmat Pengurusan	73	70	3
Bhg.Sumber Manusia	89	85	4
Bhg.Teknologi Maklumat	49	46	3
Bhg.Kewangan & Perolehan	55	54	1
Bhg. Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek	531	489	42
Bhg.Dasar	24	22	2
Bhg. Pemberi Pinjam Wang Dan Pemegang Pajak Gadai	78	60	18
JUMLAH DI KEMENTERIAN	**1064**	**979**	**85**
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah	72	61	11
Jabatan Perumahan Negara	388	355	33
Jabatan Kerajaan Tempatan	515	449	66
Jabatan Landskap Negara	164	147	17
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	735	670	65
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia	13881	12862	1019
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam	73	61	12
Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	29	16	13
JUMLAH DI JABATAN / AGENSI	**15857**	**14621**	**1236**
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN			
PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	**1334**	**1029**	**305**
JUMLAH DI B.B.PERSEKUTUAN	**1334**	**1029**	**305**
JUMLAH KESELURUHAN	**18255**	**16629**	**1626**
PERATUS (%)	**100**	**91.09**	**8.91**

B) PENEMPATAN DAN PERSARAAN

Penempatan

Seramai 214 orang penjawat awam telah diberikan penempatan sepanjang tahun 2012 di KPKT. Daripada jumlah tersebut, seramai 94 orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 98 orang daripada Kumpulan Sokongan 1 dan seramai 22 orang daripada Kumpulan Sokongan 2.

Persaraan

Seramai sembilan (9) orang penjawat awam KPKT telah bersara pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut seramai lima (5) orang telah memilih bersara pilihan, tiga (3) orang bersara wajib pada usia 58 tahun, seorang (1) bersara wajib pada usia 56 tahun. Pecahan persaraan mengikut jawatan adalah seperti di Jadual 57.

Jadual 57 Persaraan Mengikut Jawatan

JAWATAN	BILANGAN	KATEGORI PERSARAAN
Pelukis Pelan Gred J22	1	Bersara Wajib
Juruteknik Landskap Gred J22	1	Bersara Wajib
Juruteknik Gred J22	1	Bersara Wajib
Pelukis Pelan Gred J17	1	Bersara Wajib
Penolong Jurutera Gred J38	1	Bersara Pilihan
Penolong Jurutera Gred J36	1	Bersara Pilihan
Juruteknik Gred J22	1	Bersara Pilihan
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22	1	Bersara Pilihan
Penolong Pelukis Pelan Gred J17	1	Bersara Pilihan

C) PELAKSANAAN SISTEM HRMIS

Empat (4) mesyuarat bagi memperkasakan pelaksanaan HRMIS di Kementerian telah diadakan pada tahun 2012 seperti di Jadual 58.

Jadual 58 Mesyuarat Jawatankuasa HRMIS Bagi Tahun 2012

BIL	TARIKH	AKTIVITI
1	11 Jun 2012	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Bil. 1/2012
2	12 Julai 2012	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS Bil. 1/2012
3	21 September 2012	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS Bil. 2/2012
4	22 November 2012	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS Bil. 3/2012

Selain daripada itu, Bahagian Sumber Manusia telah mengadakan 17 Bengkel *Hands-on* di semua Bahagian/ Jabatan di bawah KPKT berdasarkan modul dan submodul yang ditetapkan oleh JPA seperti modul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) serta submodul cuti untuk pentadbir cuti dan pengisyhtiharan harta.

D) PROGRAM LATIHAN/KURSUS

Antara teras aktiviti BSM adalah bertanggungjawab merancang dan melaksanakan pembangunan Sumber Manusia melalui program latihan/ kursus kepada semua peringkat Penjawat Awam KPKT.

Selaras dengan teras aktiviti tersebut, Dasar Latihan KPKT digubal bagi mencapai objektif yang berikut :

i Menyediakan pegawai yang berkelayakan, berkebolehan dan berkompetensi;
ii Mencapai hasil kerja yang berkualiti;
iii Meningkatkan kompetensi dan produktiviti;
iv Membentuk nilai-nilai murni dan sikap positif;
v Mewujudkan nilai cipta (*value-creation*) dan nilai tambah (*value-added*); dan
vi Menyediakan hala tuju kemajuan kerjaya.

Secara umumnya, perancangan latihan KPKT dirangka berdasarkan aspek yang berikut :

i Bidang tugas utama atau *focus area* yang dilaksanakan oleh pegawai kumpulan Pengurusan dan Professional serta Kumpulan Sokongan mengikut gred jawatan;
ii Latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas yang dijalankan;
iii Latihan untuk peningkatan pengetahuan dan kemahiran pegawai;
iv Latihan sokongan untuk peningkatan pembangunan diri pegawai.

Perancangan dan pelaksanaan program/ aktiviti latihan berteraskan kepada enam (6) kategori latihan yang meliputi semua skim dan klasifikasi perkhidmatan, iaitu:

i Kursus Wajib;
ii Kursus Umum;
iii Kursus Fungsional;
iv Kursus Jangka Pendek Luar Negara;
v Kursus Kerajaan
vi Kursus Anjuran Swasta

Bagi tahun 2012, sebanyak 125 kursus telah dikendalikan oleh BSM seperti di Jadual 59,60 dan 61.

Jadual 59 Bilangan Kursus Anjuran Bsm, Luar Negara Dan Swasta Bagi Tahun 2012

Kursus	Siri	Perserta
Wajib (Induksi)	4	111
Umum	136	5392
Fungsional (Sumber Manusia)	33	1401
Luar Negara	69	132
Swasta	25	55
Jumlah	**267**	**7091**

Jadual 60 Bilangan Pegawai Menghadiri Kursus Bagi Tahun 2012 Berdasarkan Penganjur

Perjawatan	Kursus			Jumlah
	Wajib	Umum	Fungsional	
BSM	111	5392	140	6904
Swasta	0	55	0	55
Jumlah	**111**	**5447**	**1401**	**6959**

Jadual 61 Bilangan Pegawai Menghadiri Kursus Bagi Tahun 2012 Berdasarkan Kump. Perjawatan

Perjawatan	Kursus			Jumlah
	Wajib	Umum	Fungsional	
P&P	45	485	419	949
Sokongan	66	4907	982	5955
Jumlah	**111**	**5392**	**1401**	**6904**

E) KAUNSELING DAN PSIKOLOGI

Pelaksanaan program di bawah Unit Pengurusan Psikologi (UPP) adalah berdasarkan empat (4) aplikasi psikologi:

i. Aplikasi Psikologi Dalam Penilaian Personel
ii. Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel
iii. Aplikasi Psikologi Dalam Penyelidikan
iv. Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi

1. Aplikasi Psikologi Dalam Penilaian Personel

Tujuan Aplikasi :
Membantu pengurus sumber manusia dalam memahami minat, bakat, personaliti, emosi, sikap dan pencapaian dengan menggunakan ujian psikologi.bagi tujuan membuat keputusan dan penilaian semasa, proses pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi diri, pembangunan kompetensi dan pra-persaraan.

Jadual 62 Bilangan Warga Kementerian Yang Mengambil Ujian Psikologi Mengikut Jenis Inventori Bagi Tahun 2008-2012

Jenis Ujian/	Tahun 2012
Ujian Personaliti Warna	50
Ujian DASS (The Depression Anxiety Stress Scales)	17
Inventori Mengenalpasti Motivasi Kendiri	17
Inventori Skala Penilaian Stress	-
Ujian Cara Gaya Bercinta	52
Inventori Stres Organisasi	70
Jumlah Keseluruhan	**206**

2. Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel

Tujuan Aplikasi :
Menyediakan input khidmat runding dan pelaksanaan program bagi peningkatan motivasi dan kepuasan pekerja menerusi program pembangunan. pemulihan dan pencegahan di organisasi .

Jadual 63 Program Di Bawah Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel

Program	Tahun 2012/ Bil./ Siri
Program Pembangunan	
Kursus Pengukuhan Pasukan	1
Kursus Transformasi Diri dan Penampilan Anggun	Diurus oleh UOL
Kursus Pra Persaraan	Diurus oleh UOL
Kursus Kesihatan dan Kecergasan	1
Kursus Pengurusan Stres	2
Bengkel Pementoran	1
Program PPKK	-
Program Pemantapan AKRAB	3
Program Pemulihan	
Kursus Peningkatan Motivasi	1
Program Pencegahan	
Ceramah Kaunseling/PKU	6
Ceramah Integriti	Diurus oleh UOL
Lawatan Sambil Belajar	1
Program Gaya Hidup Sihat	6
Hari Psikologi	1
Jumlah	**23**

3. Aplikasi Psikologi Dalam Penyelidikan

Tujuan Aplikasi :
Menyediakan input khidmat runding dan pelaksanaan program bagi peningkatan motivasi dan kepuasan pekerja menerusi program pembangunan. pemulihan dan pencegahan di organisasi .

Jadual 64 Kajian Aplikasi Psikologi Dalam Penyelidikan

Kajian	2012	
	Bilangan Kajian	Bilangan Responden
Kajian Kepuasan Pekerja	1	908
Sistem Pengurusan Audit Nilai	1	825
Kajian Keberkesanan Program Psikologi & Kaunseling KPKT	1	133
Kajian Keberkesanan AKRAB	1	150
Jumlah Keseluruhan	**4 kali**	**2016 orang**

4. Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi

Tujuan Aplikasi :
Mewujudkan perubahan yang lebih positif kepada penjawat awam melalui Program Pengupayaan Kendiri yang tersusun dan bersepadu kepada pegawai yang memerlukan bantuan dan bimbingan. Berikut adalah program pengupayaan kendiri yang dijalankan di Kementerian ini.

i Kaunseling

Jadual 65 Program Pengupayaan Kendiri

Maklumat	Bilangan
Kategori Kaunseling	
Kaunseling Individu	36 sesi
Kaunseling Kelompok	2 sesi

Jenis Kes	
Kes Dirujuk	19 kes
Kes Sukarela	5 kes

Jantina	
Lelaki	12 orang
Perempuan	12orang

Maklumat	Bilangan
Gred jawatan	
Pengurusan & Profesional	3 orang
Sokongan I (18-40)	6 orang
Sokongan II (1-17)	15 orang

Klasifikasi Masalah	
Disiplin/ Kehadiran	2 kes
Peribadi/ Keluarga	7 kes
Kerjaya (LNPT)	15 kes

Ii. Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam

Sehingga November 2012, KPKT mempunyai seramai 37 orang ahli AKRAB yang telah ditauliahkan pada tahun 2008 dan 2011. Tiada pengambilan ahli AKRAB pada tahun 2012 kerana pihak urusetia lebih memfokuskan kepada program pemantapan AKRAB. Antara program AKRAB yang dilaksanakan pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

- Kursus Pengukuhan Pasukan AKRAB : Membentuk pasukan AKRAB yang komited dalam melaksanakan fungsi Rakan Pembimbing sebagai satu pasukan.
- Kursus Pemantapan AKRAB Siri I dan 2 :Pendedahan kepada SEFT terapi, *Corporate Massage*, Grafologi (personaliti melalui tulisan tangan) dan Terapi Lukisan yang dapat dipraktiskan dalam membantu rakan di tempat kerja.
- Sesi Perkongsian Ilmu: Mengulangkaji kemahiran kaunseling yang telah dipelajari.
- Taklimat AKRAB di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia : Mempromosikan AKRAB di jabatan tersebut.
- Program Jalinan Kasih AKRAB bersama warga Dar-Assaadah: Program sukarelawan ke Pusat Perlindungan Wanita di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.





Antara aktiviti/kursus yang dijalankan oleh Bahagian Sumber Manusia KPKT









Sambutan Hari Psikologi peringkat kementerian pada 16 Oktober 2012







Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011 yang telah diadakan pada 29 Mac 2012.

BAHAGIAN **KORPORAT**



LATAR BELAKANG

Mulai Januari 2012, Bahagian Korporat telah diterajui oleh Encik Ooi Seong Hoe sebagai Setiausaha Bahagian. Sepanjang penubuhannya, Bahagian Korporat KPKT telah menjalankan tanggungjawab seperti yang berikut :

i. Menyelaras dan menyediakan Memorandum dan Nota Jemaah Menteri mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

ii. Menyelaras dan menyediakan maklum balas Jemaah Menteri mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

iii. Menyediakan ulasan Memorandum Jemaah Menteri dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh arahan diterima tertakluk kepada penerimaan input yang lengkap daripada agensi berkenaan.

iv. Menyelaras dan memantau pelaksanaan keputusan Jemaah Menteri yang melibatkan KPKT.

v. Menyelaras maklum balas mesyuarat-mesyuarat utama Kerajaan yang dihadiri oleh Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi KPKT.

vi. Mengurus setia Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Pasca Kabinet KPKT.

vii. Merancang, menyelaras dan memantau program, aktiviti dan maklumbalas hal ehwal antarabangsa yang melibatkan KPKT.

viii. Mengurus setia mesyuarat dan merancang serta menyelaras program dan aktiviti sebagai *National Focal Point* bagi *United Nations Human Settlement Programme* (UN-HABITAT) di Malaysia.

ix. Menyelaras penyertaan KPKT dalam organisasi antarabangsa [UN-HABITAT, *Commanwealth Local Government Forum* (CLGF), *Eastern Regional Organisation for Planning and Human Settlements* (EAROPH)].

x. Menyelaras lawatan kerja Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi KPKT ke luar Negara.

xi. Merancang, menyelaras dan memantau program dan aktiviti inovasi KPKT.

xii. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan Sistem *Star Rating* (SSR) MAMPU.

xiii. Menyelaras dan menyediakan petunjuk utama (KPI) Ketua Setiausaha KPKT.

xiv. Mengurus setia mesyuarat bagi Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan.

xv. Menyelaras dan menerbitkan data/perangkaan KPKT secara berkala dan tahunan.

xvi. Melaksanakan urusan pentadbiran dan kewangan bahagian.

PENCAPAIAN

A) PROGRAM HABITAT SEMPENA SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA 2012

Sambutan Hari Habitat Sedunia adalah s**atu sambutan peringkat global** yang dianjurkan oleh *United Nations Human Settlements Programme* (UN-HABITAT). UN-HABITAT adalah satu badan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang beribu pejabat di Nairobi, Kenya dan bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan program peningkatan kualiti petempatan manusia ke arah lebih sihat, selamat dan mampan.
KPKT telah dilantik sebagai *National Focal Point* untuk menyelaras semua aktiviti berkaitan UN-HABITAT di Malaysia pada tahun 1985 termasuklah menghadiri mesyuarat berkala, persidangan dan menyelaraskan sambutan Hari Habitat Sedunia setiap tahun.

Pada tahun ini, Bahagian Korporat telah menyelaras serta menganjurkan beberapa program/aktiviti sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012 seperti berikut:

(i) Majlis Pra-Pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012 telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 17 Julai 2012 di KL Sentral. Objektif Majlis ini adalah bagi menghebahkan kepada masyarakat mengenai peranan KPKT sebagai Focal Point UN-HABITAT dalam menganjurkan pelbagai program/aktiviti sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia di peringkat kebangsaan.

(ii) *Habitat Magazine* diterbitkan sebagai satu usaha memperkasakan peranan KPKT sebagai National Focal Point terhadap isu petempatan manusia, peningkatan kualiti hidup dan pembangunan mampan. Habitat Magazine ini telah diedarkan ke negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam ASEAN dan ke Ibu Pejabat UN-HABITAT di Nairobi, Kenya.

(iii) Pertandingan Photojournalism bertujuan bagi mengukuhkan pemahaman berkenaan petempatan manusia dan pembangunan di Malaysia. Grafik yang dipilih sebagai pemenang pertandingan ini telah digunakan sebagai muka hadapan penerbitan Habitat Magazine 2012.

(iv) *Habitat Scroll of Honour Award* adalah satu anugerah berprestij dalam bidang penempatan manusia yang telah diperkenalkan pada tahun 1989 oleh UN-HABITAT bagi mengiktiraf individu atau agensi yang telah banyak menyumbang ke arah perkembangan dan peningkatan kualiti penempatan manusia di seluruh dunia. Bagi tahun 2012, Bahagian Korporat telah menyelaraskan penyertaan dari Institute for Environment and Development (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk '*Livable Cities*'.

(v) Program Sedetik Habitat 1Malaysia adalah satu aktiviti di mana lebih 57,569 orang pelajar daripada sekolah rendah dan menengah terpilih di seluruh Malaysia melafaz ikrar 'Aku Janji' secara serentak pada 18 September 2012 jam 8.00 pagi, untuk menjadi lebih bertanggungjawab dalam memelihara kemapanan petempatan manusia dan alam sekitar. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran pelajar terhadap isu-isu semasa petempatan manusia dan perancangan alam sekitar, memandangkan pelajar adalah golongan pelapis pemimpin negara pada masa hadapan.







(vi) Program Bank Kitar Semula telah dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) pada 18 September 2012. Objektif program ini adalah untuk menerapkan amalan kitar semula khususnya di kalangan pelajar-pelajar supaya sentiasa mengamalkan budaya kitar semula dalam kehidupan seharian.





(vii) Pertandingan Analisis Senario Habitat merupakan satu aktiviti di mana para pelajar sekolah Menengah dan Institut Pengajian Tinggi Awam diberikan satu situasi atau masalah berkaitan dengan petempatan manusia dan alam sekitar di masa hadapan dan mereka diminta menggunakan pemikiran kritikal untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Sebanyak 92 penyertaan telah diterima daripada para pelajar sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia.

(viii) Seminar Hari Habitat Sedunia 2012 telah dianjurkan dengan kerjasama *Eastern Regional Organisation for Planning and Human Settlements* (EAROPH) International pada 1 Oktober 2012 di Putrajaya International Convention Centre (PICC) dan telah dihadiri oleh seramai 100 orang peserta. Objektif Seminar ini adalah untuk memberikan pemahaman kepada masyarakat mengenai isu penempatan manusia serta mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam penempatan manusia yang dihadapi oleh Malaysia. Empat (4) orang pembentang kertas kerja dari dalam dan luar Negara telah membentangkan kertas kerja pada hari tersebut.

(ix) Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012 telah diadakan pada 1 Oktober 2012 di PICC, Putrajaya dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.





(x) 4R *Environment and Community Care Project* telah dianjurkan oleh EAROPH Malaysia dengan penyertaan beberapa buah sekolah dan Kolej New Era di Kajang, Selangor. Program ini telah berjaya mempromosikan isu-isu berkaitan dengan alam sekitar dan seterusnya mengajar masyarakat bagaimana untuk mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar.

(xi) Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat 2012 telah dianjurkan oleh PPSPPA pada 17 November 2012 secara serentak di sembilan (9) buah negeri (kecuali Pulau Pinang, Perak, Selangor, Sabah dan Sarawak). Objektif larian ini adalah untuk mengingatkan masyarakat akan kepentingan dan tanggungjawab semua pihak dalam mewujudkan kehidupan dan petempatan manusia yang lebih sempurna dan selesa serta meningkatkan kesedaran masyarakat dalam mengamalkan budaya kitar semula.



(xii) Projek *House Build* 2012 adalah satu projek *Corporate Social Responsibility* (CSR) untuk membaik pulih rumah golongan miskin tegar bagi membantu mereka hidup dalam rumah yang lebih selesa, selamat dan berkualiti, selaras dengan matlamat KPKT dan objektif penubuhan UN-HABITAT. Bahagian Korporat telah menerima sumbangan daripada pihak syarikat dan individu untuk membaik pulih 20 buah rumah di seluruh Negara.



Delegasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bersama Kakitangan The National Arboretum Westonbirt di United Kingdom

B) LAWATAN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN PIHAK PENGURUSAN KE LUAR NEGARA

Bahagian Korporat juga turut terlibat di dalam memastikan penyertaan KPKT di dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang dianggotai iaitu UN-HABITAT, CLGF dan EAROPH. Sepanjang tahun 2012, Unit Hal Ehwal Antarabangsa telah menyelaras sebanyak empat (4) lawatan Anggota Pentadbiran dan Pihak Pengurusan KPKT ke Jepun dan Hong Kong; Colombo, Sri Lanka; Naples, Itali dan United Kingdom serta Daegu, Korea Selatan.

C) LAWATAN DELEGASI LUAR NEGARA KE KPKT

Sepanjang tahun 2012, Bahagian Korporat telah menyelaras 10 kunjungan hormat dan lawatan delegasi luar negara ke KPKT. Lawatan yang diselaraskan melibatkan delegasi dari Indonesia, Kenya, Myanmar, Bangladesh, Afrika Selatan, Nigeria, Bahrain, Singapura, Denmark dan Jepun.

D) SAMBUTAN HARI INOVASI 2012

KPKT telah meraikan Sambutan Hari Inovasi KPKT bagi tahun 2012 pada 31 Oktober 2012 iaitu bersamaan dengan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam yang telah ditetapkan pada 31 Oktober setiap tahun. Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2012 yang diadakan di Dewan Kristal KPKT telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2012 diserikan dengan tayangan montaj program/ aktiviti inovasi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012. YB Menteri juga turut menyampaikan anugerah kepada para pemenang anugerah/ pertandingan sempena sambutan hari inovasi KPKT 2012.

Untuk tahun 2012, buat julung kalinya Bahagian Korporat KPKT menganjurkan Pertandingan Debat KPKT. Penyertaan kumpulan debat adalah terdiri daripada campuran Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana. Senarai penerima anugerah/ pemenang pertandingan adalah seperti yang berikut.

I. Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha

a. Kategori Pengurusan

KEDUDUKAN	ORGANISASI/ INDIVIDU	INOVASI
Tempat Pertama	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)	Transformasi Pengurusan Tuntutan Perjalanan Yang Lebih Efektif Menerusi Sistem Tuntutan PPSPPA
Sagu hati	Encik Abbas bin Abdul Wahab JPBD Semenanjung	Perkongsian E-Kalendar Townplan

b. Kategori Teknikal

KEDUDUKAN	ORGANISASI/ INDIVIDU	INOVASI
Tempat Pertama	Progresif Dedikasi (JBPM Negeri Sembilan)	Papan Maklumat Tempat Kejadian

Ii. Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Terbaik

a. Kategori Pengurusan

KEDUDUKAN	ORGANISASI/ INDIVIDU	INOVASI
Tempat Pertama	Mytownnet (JPBD SM)	Pembangunan Laman Web Sistem Repositori Penyelidikan Perancangan Bandar
Tempat Kedua	P.R.O (PPSPPA Johor)	Laporan Analisa KPI Yang Tidak Sistematik dan Berkesan
Tempat Ketiga	Enigma (JPBD Selatan)	Menyediakan Peralatan Persembahan Bersistematik dan Efisien

b. Kategori Teknikal

KEDUDUKAN	ORGANISASI/ INDIVIDU	INOVASI
Tempat Pertama	Shah (JBPM Pahang)	Kesukaran Memusnahkan Sarang Tebuan di Premis
Tempat Kedua	Arief (JBPM Melaka)	Proses Pemasangan dan Penggunaan Hos Ram Kurang Berkesan Semasa Operasi
Tempat Ketiga	Kumpulan Pahang Tour (PPSPPA Pahang)	Hasil Baja Organik Dari Proses Pengkomposan Takakura Tidak Di manfaat Secara Komersial

Iii. Pertandingan Debat

KEDUDUKAN	KUMPULAN
Johan	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Naib Johan	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Tempat Ketiga	Sektor Pengurusan KPKT
Pendebat Terbaik	Puan Siti Adora binti Rahtimin

Iv. Pertandingan Mencipta Tema Sambutan Hari Inovasi 2012

PENERIMA	Encik Shariff Bin Mat Yusoff

E) KONVENSYEN KIK 2012

Bahagian Korporat telah menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT 2012 dari 19-20 September 2012 bertempat di Dewan Kristal KPKT dengan penyertaan 11 kumpulan dari pelbagai jabatan/bahagian di KPKT seperti yang berikut.

a. Kategori Pengurusan

BIL.	KUMPULAN	INOVASI
1	Kumpulan Mytownnet (JPBD SM)	Pembangunan Laman Web Sistem Repositori Penyelidikan Perancangan Bandar
2	Kumpulan Enigma (JPBD Zon Selatan)	Menyediakan Peralatan Persembahan Bersistematik Dan Efisien
3	Kumpulan Pahang Tour (PPSPPA Pahang)	Hasil Baja Organik Dari Proses Pengkomposan Takakura Tidak Dimanfaatkan Secara Komersial
4	Kumpulan P.R.O (PPSPPA Johor)	Laporan Analisa KPI Yang Tidak Sistematik Dan Berkesan

b. Kategori Teknikal

BIL.	KUMPULAN	INOVASI
1	Kumpulan Matahari (JBPM Kelantan)	Memudahkan & Mempercepatkan Anggota Menaiki Bot
2	KUMPULAN A.B.S (Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek KPKT)	X- TEE (RAINSAVER)
3	Kumpulan Arief (JBPM Melaka)	Proses Pemasangan & Penggunaan Hose Ram Kurang Berkesan Semasa Operasi
4	Kumpulan Inspex (Bahagian Inspektorat KPKT)	Centralised Inspectorate Documents (CID)
5	Kumpulan Dr. Lanskap (JLN)	Sistem Pengurusan Maklumat Pelawat (Vi Mass)
6	Kumpulan Mentol (JKT)	Bilangan Akaun Penyelesaian Cek Terbatal (APCT) Yang Tinggi
7	Kumpulan Shah (JBPM Pahang)	Kesukaran Memusnahkan Sarang Tebuan Di Premis

F) PENYELARAS LAWATAN PENILAIAN PENARAFAN LIMA BINTANG KPKT OLEH UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

Pihak MAMPU telah mengadakan Lawatan Penilaian Penarafan Bintang Sistem *Star Rating* (SSR) MAMPU 2012 ke KPKT pada 18-21 Jun 2012. Lawatan ini turut disertai oleh panel dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan Arkib Negara. Penilaian SSR 2012 merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu :

i. Komponen A : Pengurusan;
ii. Komponen B : Perkhidmatan Teras; dan
iii. Komponen C : Pengurusan Pelanggan.



G) PENGURUSETIAAN MESYUARAT TERTINGGI KPKT

Bahagian Korporat telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus setia dua (2) mesyuarat tertinggi KPKT iaitu Mesyuarat Pasca Kabinet yang dipengerusikan oleh YB Menteri dan Mesyuarat Pengurusan KPKT yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU. Bagi tahun 2012, Mesyuarat Pasca Kabinet telah diadakan dua (2) kali di luar bangunan KPKT manakala Mesyuarat Pengurusan KPKT pula telah diadakan empat (4) kali di luar KPKT. Penganjuran mesyuarat di luar KPKT membolehkan YB Menteri, YBhg. Datuk KSU dan semua ahli mesyuarat

penganjuran mesyuarat di luar KPKT mendekati penjawat-penjawat awam KPKT yang berada di luar Putrajaya serta turun padang melawat tapak-tapak projek bermasalah.

Jadual 66 Mesyuarat Pasca Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan

MESYUARAT	BIL
Mesyuarat Pasca Kabinet	29
Mesyuarat Pengurusan	17
Mesyuarat Pasca Kabinet di luar bangunan KPKT i. 23 Mei 2012 – Ibu Pejabat PPSPPA ii. 11 Julai 2012 – ILPKT, Bukit Tinggi	2
Mesyuarat Pengurusan KPKT di luar bangunan KPKT i. 23 Mei 2012 – Ibu Pejabat PPSPPA ii. 25 Jun 2012 – Akademi Bomba Wakaf Tapai iii. 11 Julai 2012 – ILPKT, Bukit Tinggi iv. 10 Oktober 2012 – Ibu Pejabat JLN	4

H) PENYELARASAN KERTAS JEMAAH MENTERI DAN MAKLUM BALAS BAGI MESYUARAT-MESYUARAT UTAMA KERAJAAN

Bahagian Korporat juga dipertanggungjawabkan menyelaras kertas Jemaah Menteri dan maklum balas bagi Mesyuarat Jemaah Menteri dan lain-lain mesyuarat utama Kerajaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Negara daripada jabatan dan bahagian di bawah KPKT seperti yang berikut:

Jadual 67 Penyelarasan Kertas Jemaah Menteri, Ulasan dan Maklum Balas Mesyuarat-Mesyuarat Utama Kerajaan

Aktiviti	Bil Kertas
Memorandum Jemaah Menteri	19
Nota Jemaah Menteri	17
Ulasan terhadap Memorandum Jemaah Menteri daripada kementerian/ agensi pusat	38
Maklum Balas Mesyuarat Jemaah Menteri	136
Maklum Balas Mesyuarat-mesyuarat Utama Kerajaan Yang Dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Negara	132

I) PROJEK HOUSE BUILD 2012

Bagi tahun 2012, sumbangan sejumlah RM44,550.00 telah diterima daripada 41 pihak syarikat dan individu dalam bentuk cek manakala sebanyak tujuh (7) buah syarikat swasta telah memberikan sumbangan berbentuk bahan binaan dan tenaga kerja. Sumbangan ini telah disalurkan untuk membaik pulih 20 buah rumah di sembilan (9) buah negeri. Penerimaan dan sokongan daripada syarikat-syarikat swasta dan anggota masyarakat serta pengiktirafan yang baik oleh anggota pentadbiran dan pengurusan atasan KPKT, telah mendorong KPKT untuk meneruskan projek ini pada tahun-tahun akan datang.

Bahagian Korporat juga telah mengemukakan permohonan untuk menubuhkan Tabung Amanah bagi Projek *House Build* di bawah seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk memperakukan sumbangan dan terimaan daripada mana-mana pihak bagi projek ini. Akaun ini akan memudahkan proses pengesahan bagi potongan cukai kepada pihak yang memberikan sumbangan. Akaun Amanah ini diwujudkan sebagai satu saluran untuk menyampaikan bantuan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk membaik pulih rumah yang berkeadaan daif dan usang. Ia menunjukkan kesungguhan KPKT untuk bergerak selari dengan matlamat Program Transformasi Kerajaan (GTP) di peringkat nasional serta memenuhi aspirasi UN-HABITAT di peringkat antarabangsa dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Satu Majlis Penyerahan Rumah Projek *House Build* Tahun 2012 telah diadakan di Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bakar Bata Alor Setar, Kedah Darul Aman pada 25 November 2012. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



J) I-SPEAK : SEMBANG-SEMBANG INOVASI

Unit Inovasi melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Inovasi KPKT telah menganjurkan program i-Speak : Sembang-sembang Inovasi pertama pada 31 Mei 2012 bertempat di Lobi Dewan Kristal KPKT.
Sesi pertama i-Speak telah disampaikan oleh YBhg. Datin Maziah Adnan, Setiausaha Bahagian Inspektorat KPKT dengan membicarakan pelbagai topik menarik berkaitan inovasi.



Sesi i-Speak kedua diadakan di Lobi Dewan Kristal, Aras B1, KPKT pada 7 Ogos 2012. Sesi kedua i-Speak ini telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Ab Rahman Awang, Setiausaha Bahagian Dasar KPKT dan Puan Julaila Jamaludin, Pegawai Undang-Undang, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah.



BAHAGIAN
KHIDMAT PENGURUSAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan dari segi Pentadbiran Am, Pengurusan Aset, Dokumentasi dan Protokol yang berkesan bagi memastikan objektif Kementerian tercapai dengan jayanya seperti yang berikut :

i. Memastikan khidmat pengurusan Kementerian dilaksanakan secara holistik dan berkualiti tinggi berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa;

ii. Memastikan tahap keselamatan fizikal, dokumen dan individu di KPKT dipertingkatkan dan dimantapkan dari semasa ke semasa;

iii. Menyelaras pengurusan aset agar dilaksanakan secara komprehensif dan bersepadu;

iv. Memastikan pengurusan stor dilaksanakan secara sistematik dan efektif berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa; dan

V. Menyelaraskan pengurusan protokol majlis-majlis rasmi KPKT selaras dengan tatacara yang berkuat kuasa dan mendokumentasikannya untuk panduan dan rujukan.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

ANUGERAH PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN 2012 OLEH PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN

Pada 22 November 2012, Bahagian Khidmat Pengurusan telah menerima Anugerah Pengurusan Keselamatan Perlindungan 2012 oleh Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan bertempat di Dewan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara kepada YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT. KPKT berada di kedudukan keempat daripada sepuluh agensi Kerajaan seluruh negara yang mendapat pengiktirafan ini. Agensi lain yang turut mendapat pengiktirafan ini termasuklah Jabatan Peguam Negara (AGC), Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (UPE JPM), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Pejabat SUK Pulau Pinang, Pejabat Pentadbiran Am Jabatan Perdana Menteri (PAJPM), Parlimen Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Pejabat SUK Perlis.





PENCAPAIAN

A) MAJLIS PERARAKAN DAN PERHIMPUNAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN 1433H/2012M

Majlis Perarakan Dan Perhimpunan Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1433H/2012M bertemakan "1 Malaysia 1 Ummah" telah diadakan pada 5 Februari 2012 bersamaan 12 Rabiulawal 1433H. Majlis

yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dimulakan dengan perarakan yang disertai oleh sebanyak 112 kontinjen dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta bermula di hadapan Istana Kehakiman dan berakhir di Dataran Putra, Putrajaya. BKP yang bertindak selaku urus setia di peringkat Kementerian bertanggungjawab menyelaras penyertaan penjawat awam KPKT seramai 100 orang peserta yang terdiri seramai 70 orang peserta lelaki dan 30 orang peserta wanita dari pelbagai peringkat jawatan di Kementerian. Pelbagai persembahan menarik disediakan seperti deklamasi sajak, syair rakesh, nyanyian gabungan bahasa Arab dan Inggeris, bacaan rawi, nazam dan selawat beramai-ramai serta pengurniaan Anugerah Perdana dan Anugerah Maulidur Rasul.

B) SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2012

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan Majlis Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina pada 2 Februari 2012 bertempat di Lobi Utama KPKT dan Anjung KPKK. Majlis yang dirasmikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut dimeriahkan dengan persembahan Tarian Singa. Tetamu yang hadir terdiri daripada penjawat awam KPKT, pelawat KPKT serta tetamu-tetamu khas iaitu rumah orang-orang tua Little Sister of the Poor dihidangkan dengan pelbagai jenis juadah.





C) PERHIMPUNAN HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012

Sempena dengan Sambutan Hari Pekerja 2012, BKP telah menyelaras penyertaan seramai 80 orang penjawat awam KPKT dalam menyertai Majlis Perhimpunan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia bertempat di Taman Ekspo Pertanian Serdang (MAEPS) pada 11 Mei 2012. Perhimpunan yang bertemakan " Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi " diadakan untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan golongan pekerja dalam pembangunan negara serta mengeratkan semangat kerjasama dan permuafakatan antara tiga pihak utama iaitu kerajaan, majikan dan pekerja.

D) PERHIMPUNAN KHAS PENJAWAT AWAM KPKT SEMPENA BULAN RAMADHAN 2012

Sempena ketibaan bulan Ramadhan 2012, satu perhimpunan Khas Penjawat Awam KPKT sempena Bulan Ramadhan 2012 telah diadakan pada 26 Julai 2012 bertempat di Lobi KPKT dan Anjung KPKK. Majlis yang bermula pada jam 6.30 petang di Dewan Kristal didahului dengan Tazkirah oleh Al-Ustaz Mohamad Shukry Sulaiman dan diikuti dengan bacaan surah Yasin. Selepas berbuka puasa dan solat maghrib para jemputan menikmati jamuan makan malam bertempat di Lobi KPKT dan Anjung KPKK. YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga bersama-sama para tetamu menikmati makan malam yang disediakan. Majlis kemudiannya diteruskan dengan solat Isyak dan Solat Tarawih serta jamuan moreh.

E) SAMBUTAN PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2012

Majlis Sambutan Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2012 KPKT telah diadakan dengan meriahnya pada 12 September 2012 bertempat di Dataran Gemilang, Presint 4, Putrajaya berhadapan dengan Bangunan KPKT. Majlis ini diadakan untuk merapatkan hubungan silaturahim di kalangan penjawat awam di KPKT. Jabatan / Bahagian telah menyediakan gerai-gerai yang menyajikan pelbagai juadah kepada tetamu yang hadir. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Ali - Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah MAMPU, Ketua Pengarah EPU dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan.





F) KARNIVAL PELANCONGAN TARIAN CUTI-CUTI 1 MALAYSIA 2012

Karnival Pelancongan Tarian Cuti-cuti 1Malaysia 2012 (TCC1M 2012) berjaya menghimpunkan seramai 17,000 orang peserta dari seluruh negara, berbanding 16,000 pada tahun sebelumnya. Majlis penuh meriah ini adalah anjuran Kementerian Pelancongan Malaysia pada 2 Disember 2012 bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya dan ianya telah dirasmikan oleh Y.A.Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah. Mansor, Isteri YAB Perdana Menteri Malaysia. Beberapa rutin baru juga telah ditambah untuk meningkatkan semangat jati diri serta cintakan negara di kalangan rakyat iaitu 1Malaysia forYouth (1M4U), 1Malaysia serta Tahun Melawat Malaysia. KPKT juga telah dijemput bagi menyertai program ini dan seramai 40 penjawat awam KPKT telah hadir untuk sama-sama memeriahkan program ini.

G) PERHIMPUNAN SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN 1434H/2012M

Majlis Perhimpunan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1434H/2012M yang bertemakan "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah" telah berlangsung dengan jayanya pada 15 November 2012 bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis telah diadakan dengan penuh meriah dengan kehadiran seramai lebih 5,000 orang daripada agensi Kerajaan dan swasta termasuk seramai 40 orang penjawat awam dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

H) LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN (*FIRE DRILL/ EVACUATION DRILL*) DI BANGUNAN KPKT

Bagi meningkatkan kesedaran dan melatih penjawat awam di KPKT mengenai persediaan dan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran atau kecemasan, satu Latihan Pengungsian Bangunan (*Fire Drill/Evacuation Drill*) telah diadakan di Bangunan KPKT pada 14 Disember 2012. Latihan ini telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Putrajaya, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Pejabat Kesihatan Putrajaya Presint 11, Ibu Pejabat Polis Putrajaya, Hospital Putrajaya, Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya, Haifa Bina Sdn. Bhd. (penyelenggara Bangunan KPKT), North Borneo Security Services Sdn. Bhd. (kontraktor perkhidmatan kawalan keselamatan di Bangunan KPKT) serta penjawat awam dan pelawat KPKT.



BAHAGIAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT



LATAR BELAKANG

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bertanggungjawab terhadap perancangan dan pelaksanaan teknologi maklumat di KPKT. Objektif BTM ialah mempertingkatkan kecekapan jentera dan sistem pengurusan Kementerian melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ICT, mewujudkan satu sistem pengumpulan maklumat bersepadu Kementerian untuk kemudahan rujukan pihak Kementerian dan faedah kepada orang ramai serta menyediakan pegawai / kakitangan yang mahir dan celik IT.

PENGANUGERAHAN :

A. Mengekalkan penarafan 5 bintang bagi Portal KPKT

B. Kementerian yang pertama menerima Anugerah *Self Reliance* OSS Sektor Awam dalam Persidangan MyGosscon 2012 oleh MAMPU pada 26 November 2012

C. Pensijilan ISMS MS ISO/IEC 27001:2007 bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu bermula pada 21 September 2012 sehingga 20 September 2015

PENCAPAIAN

A) JAWATANKUASA PEMANDU ICT KEMENTERIAN (JPICT)

Sepanjang tahun 2012, sebanyak empat (4) Mesyuarat JPICT telah diadakan pada tarikh seperti yang berikut:

i 21 Februari 2012
ii 11 Jun 2012
iii 27 September 2012
iv 26 November 2012

Dalam keempat-empat menyuarat sebanyak 34 kertas permohonan telah dibentangkan oleh jabatan/bahgian. Status permohonan adalah seperti yang berikut:

i 29 diluluskan dengan jumlah RM 24,388,230.00
ii Satu (1) ditangguhkan
iii Empat (4) lagi perlu pertimbangan semula

B) PEMBANGUNAN DAN PENINGKATAN SISTEM

Jadual 68 Sistem-Sistem Yang Telah Dibangunkan Dan Ditingkatkan

Bil	Nama Sistem	Objektif Sistem	Pengguna Sistem
1	Sistem Pemantauan Pulangan Wang Pemegang Pajak Gadai atau Pemilik Pajak Gadai	Merekodkan lelongan dan pulangan wang pemilik pajak gadai	Pemilik Sistem & Pengguna Sistem – - Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG), KPKT
2	BLESS - Permohonan Lesen dan Permit Iklan PPW dan PPG	Permohonan dan kelulusan lesen perniagaan dan permit iklan organisasi PPW dan PPG, secara bersepadu melalui Portal BLESS yang dibangunkan oleh ICU JPM	Pemilik Sistem – Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG), KPKT Pengguna Sistem – BPWG KPKT, Pemegang Lesen PPW dan PPG, Agensi-agensi Teknikal
3	Sistem Pemantauan Perancangan Strategik	Merekod dan memantau perancangan strategik jabatan/ bahagian, KPKT	Pemilik Sistem dan Pengguna Sistem - Bahagian Dasar KPKT
4	Sistem SiPPer i) Modul Rundingan Terus	Menyediakan satu sistem yang memantau proses perolehan secara menyeluruh bermula dari fasa perancangan perolehan sehingga penilaian prestasi pembekal	Pemilik Sistem dan Pengguna Sistem - Bahagian Kewangan dan Perolehan dan semua bahagian yang terlibat dengan perolehan
5	Sistem eKampung Baru i) Modul Pembayaran Elaun ii) Modul Statistik Elaun	Memudahkan pembayaran elaun Pengerusi, Setiausaha, AJK dan Ahli JKKK/JKKKP Kampung Baru. Memudahkan pengguna sistem merujuk rekod pembayaran terdahulu dan membuat statistik jumlah pembayaran yang telah dibuat	Pemilik Sistem dan Pengguna Sistem - Bahagian Kampung Baru, JKT
6	Portal Kampung Baru	Penambahan ciri-ciri keistimewaan yang terdapat di Kampung Baru	Pemilik Portal- Bahagian Kampung Baru, JKT Pengguna Portal – Bahagian Kampung Baru dan orang awam
7	*Single Entry* untuk Pengguna Sistem Aplikasi KPKT	Memudahkan pengguna dalam mengakses pelbagai sistem dengan hanya menggunakan satu kata nama dan satu kata laluan sahaja	Pemilik Sistem– Bahagian Teknologi Maklumat,KPKT Pengguna Sistem- Pengguna Pelbagai sistem di KPKT

Bil	Nama Sistem	Objektif Sistem	Pengguna Sistem
8	Sistem Latihan Bersepadu (SLB)	i) Mengurus latihan dan kursus yang menyeluruh secara atas talian untuk membantu mempercepatkan aliran kerja dalaman dan luaran yang berkaitan; ii) Mewujudkan laporan dan statistik secara atas talian, real-time, mudah dan cepat bagi meningkatkan kecekapan proses pemantauan dengan lebih berkesan dan menyeluruh;dan iii) Menyediakan Portal bagi memperkemaskan fungsi capaian maklumat permohonan, penawaran dan semakan status permohonan latihan dan kursus secara atas talian oleh semua warga KPKT, agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak swasta dan awam.	Pemilik Sistem– Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (ILPKT) Pengguna Sistem - Semua Jabatan dan Bahagian di KPKT termasuk peserta kursus daripada agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak swasta dan awam
9	Sistem Seranta Awam Atas Talian KPKT (*Online Public Engagement*)	Objektif sistem adalah bagi menyediakan satu platform untuk mendapatkan maklumbalas dari orang awam bagi sebarang cadangan atau pindaan undang-undang atau peraturan atau perintah di bawah bidang kuasa KPKT.	Pemilik Sistem – Bahagian Dasar KPKT Pengguna Sistem - Semua Jabatan dan Bahagian di KPKT termasuk orang awam

C) PELUPUSAN ASET ICT

Sepanjang 2012, hanya sekali pelupusan aset ICT telah dijalankan yang melibatkan 102 unit peralatan ICT dengan nilai pelupusan sebanyak RM391,474.96.

D) PENGURUSAN ADUAN ICT

Sepanjang 2012, aduan ICT yang diterima dan diselesaikan adalah seperti dalam jadual 69 berikut:

Jadual 69 Bilangan aduan ICT yang diterima dan diselesaikan

Bil.	Kategori Aduan	Jumlah
1	Aplikasi	228
2	Perisian	255
3	Perkakasan/ Teknikal	451
4	Rangkaian	15
5.	Lain-lain Aduan	42
	JUMLAH BESAR	**991**

E) KESELAMATAN ICT

Sepanjang 2012, hanya terdapat satu (1) insiden keselamatan ICT yang berlaku dan telah berjaya dibuat pengukuhan. Insiden tersebut berlaku pada 28 September 2012 yang mana didapati IP dari Bogor Indonesia telah menggunakan satu perisian/tools yang dinamakan Havij untuk mencari kelemahan aplikasi dan sistem pengoperasian.

Selain itu juga, Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT telah melaksanakan *Security Posture Assessment* (SPA) bermula 1 Ogos 2012 sehingga 30 November 2012 bersama-sama dengan pembekal Inspos Sdn Bhd. Segala penemuan kelemahan yang diperolehi semasa ujian penembusan ini akan dibuat pengukuhan sepanjang tahun 2013.

UNIT
AUDIT DALAMAN



LATAR BELAKANG

Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah ditubuhkan pada Februari 1991 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 2 Tahun 1979. Pekeliling ini kemudiannya dibatalkan dan diganti dengan PP Bil. 9 Tahun 2004 bagi memantapkan lagi pelaksanaan audit dalam di Kementerian dan Jabatan Persekutuan. UAD yang diketuai oleh Puan Lim Sok Kiang merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman KPKT dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha (KSU).

Objektif utama UAD adalah untuk membantu pihak pengurusan atasan dalam mempertingkatkan tahap pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta menilai sama ada program dan aktiviti diuruskan dengan ekonomi, cekap dan berkesan. Bagi mencapai objektif itu, UAD bertanggungjawab menjalankan pengauditan kewangan, pematuhan, prestasi dan pemeriksaan mengejut. Selain itu, UAD juga melaksanakan pengauditan khas dan siasatan atas arahan KSU, pengauditan susulan serta memberi khidmat nasihat bagi menambah nilai KPKT.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2012

Pada tahun 2012, sebanyak 68 aktiviti pengauditan telah dilaksanakan oleh UAD seperti ringkasan butiran di Jadual 70.

Jadual 70 Ringkasan butiran aktiviti pengauditan bagi tahun 2012

Bil.	Laporan Pengauditan	Jumlah
1.	Pengurusan Kewangan	6
2.	Pemeriksaan Mengejut	12
3.	Susulan	46
4.	Prestasi	2
5.	Khas/Siasatan	2
Jumlah Keseluruhan		**68**

A. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan pendekatan audit bagi menentukan wujudnya kesempurnaan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan dan undang-undang. Antara tujuannya adalah untuk memastikan semua pembayaran dibenarkan dan dibuat serta diperakaunkan dengan teratur; hasil dipungut dan disimpan dengan betul; harta dan inventori disimpan, dikawal, direkod, diselenggara dan dilupuskan dengan sewajarnya. Sebanyak enam (6) pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan pada tahun 2012 seperti di Jadual 71.

Jadual 71 Pengauditan Pengurusan Kewangan Pada Tahun 2012

Bil.	Tajuk Laporan
1.	Pengauditan Pematuhan Tatacara Perolehan di Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)
2.	Pengauditan Muktamad Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011
3.	Pengauditan Muktamad Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Skim Pinjaman Perumahan Bagi Rakyat Negeri Terengganu (SPPRNT) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011
4.	Pengauditan Pematuhan Tatacara Perolehan di Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
5.	Pengauditan Interim Kumpulan Wang Amanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki Bagi Tahun 2012
6.	Pengauditan Interim Akaun Amanah Skim Pinjaman Perumahan Bagi Rakyat Negeri Terengganu (SPPRNT) Bagi Tahun 2012

B. PENGAUDITAN PRESTASI

Pengauditan prestasi merupakan satu penilaian terhadap program dan aktiviti KPKT dan Jabatan di bawah KPKT untuk menentukan sama ada objektif/matlamat yang ditetapkan telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan. Pada tahun 2012, sebanyak dua (2) Pengauditan Prestasi telah dilaksanakan. Laporan yang dikeluarkan hasil daripada kedua-dua pengauditan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan KSU. Pengauditan Prestasi 2012 yang telah dilaksanakan adalah seperti di

Jadual 72 Pengauditan Prestasi Pada Tahun 2012

Bil.	Tajuk Laporan
1.	Penggunaan Pelan Induk Landskap
2.	Program Kemajuan Perkampungan Oleh Bahagian Kampung Baru, Jabatan Kerajaan Tempatan

C. PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pemeriksaan Mengejut dilaksanakan bagi mewujudkan kesedaran di kalangan auditi bahawa UAD sentiasa memantau tahap pematuhan Jabatan/Bahagian di bawah KPKT terhadap peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Melalui pelaksanaan Pemeriksaan Mengejut, sebarang ketidakpatuhan akan dapat dikenal pasti lebih awal dan tindakan pembetulan serta penambahbaikan dapat diambil dengan segera. Pada tahun 2012, Pemeriksaan Mengejut telah dijalankan terhadap 12 Jabatan/Bahagian di bawah KPKT seperti di Jadual 73.

Jadual 73 Pemeriksaan Mengejut Pada Tahun 2012

Bil.	Tajuk Laporan
1.	Balai Bomba dan Penyelamat Dungun
2.	Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Berang
3.	Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam
4.	Balai Bomba dan Penyelamat Andalas
5.	Balai Bomba dan Penyelamat Wangsa Maju
6.	Balai Bomba dan Penyelamat Pandan
7.	Balai Bomba dan Penyelamat Alor Gajah
8.	Balai Bomba dan Penyelamat Masjid Tanah
9.	Balai Bomba dan Penyelamat Tawau
10	Balai Bomba dan Penyelamat Lahad Datu
11.	Balai Bomba dan Penyelamat Semporna
12.	Balai Bomba dan Penyelamat Kunak

D. PENGAUDITAN SUSULAN

Melalui pengauditan susulan, Unit Audit Dalam dapat memantau tindakan pembetulan dan penambahbaikan berterusan yang diambil oleh Jabatan/Bahagian di bawah KPKT terhadap teguran yang telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan UAD KPKT sendiri semasa pengauditan dijalankan. Pengauditan susulan ini meliputi Laporan Pengauditan Pengawasan Sistem Terimaan, Laporan Naziran e-SPKB, Laporan Pengauditan Sistem Perbelanjaan, Laporan Pemeriksaan Mengejut dan Laporan Pengaudiatan Prestasi. Pada tahun 2012, pengauditan susulan telah dibuat terhadap enam (6) Laporan JANM di lima (5) agensi di bawah KPKT seperti di Jadual 5 dan pengauditan susulan kali kedua terhadap 16 Laporan JANM

di 15 agensi di bawah KPKT seperti Jadual 75. Pengauditan susulan turut dijalankan terhadap 22 Laporan Pemeriksaan Mengejut Tahun 2011 di 22 agensi di bawah KPKT seperti di Jadual 76 dan terhadap dua (2) Laporan Pengauditan Prestasi Tahun 2011 seperti di Jadual 77. Laporan Audit bagi pengauditan susulan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan yang terlibat.

Jadual 74 Pengauditan Susulan 2012 Berkaitan Laporan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Laporan Jabatan Akauntan Negara Malaysia		
Bil.	**Tahun**	**Pejabat**
1.	2011	Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu
2.		Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor
3.		Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai
4.		Balai Bomba dan Penyelamat Dungun
5.		Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang

Jadual 75 Pengauditan Susulan Kali Kedua Berkaitan Laporan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Bil.	Tahun	Pejabat
1.	Pengauditan Susulan pertama telah dijalankan pada tahun 2011	Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang
2.		Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Labuan
3.		Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu
4.		Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Mertajam
5.		Balai Bomba dan Penyelamat Perai
6.		Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Jermal
7.		Balai Bomba dan Penyelamat Kota Marudu
8.		Balai Bomba dan Penyelamat Wangsa Maju
9.		Balai Bomba dan Penyelamat Tangkak
10		Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu
11.		Balai Bomba dan Penyelamat Sibu
12.		Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Nerang
13.		Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam
14.		Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai
15.		Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

Jadual 76: Pengauditan Susulan Kali Kedua Berkaitan Laporan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Bil.	Pengauditan
1.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang
2.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Labuan
3.	Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Mertajam
4.	Balai Bomba dan Penyelamat Perai
5.	Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Jermal
6.	Balai Bomba dan Penyelamat Nibong Tebal
7.	Balai Bomba dan Penyelamat Parit Buntar
8.	Balai Bomba dan Penyelamat Sepang
9.	Balai Bomba dan Penyelamat Kajang
10.	Balai Bomba dan Penyelamat KLIA
11.	Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Terengganu
12.	Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Bangi
13.	Balai Bomba dan Penyelamat Pelabuhan Klang
14.	Balai Bomba dan Penyelamat Selayang
15.	Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Buloh
16.	Balai Bomba dan Penyelamat Petaling Jaya
17.	Balai Bomba dan Penyelamat Tanah Merah
18.	Balai Bomba dan Penyelamat Sibu
19.	Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu
20.	Pejabat Zon Bomba Sibu
21.	Bahagian Pemberi Pinjam Wang & Pemegang Pajak Gadai
22.	Bahagian Pelesenan Pemaju Perumahan, Jabatan Perumahan Negara

Jadual 77 Pengauditan Susulan 2012 Berkaitan Laporan Pengauditan Prestasi Tahun 2011

Bil.	Tajuk Laporan
1.	Pengauditan Susulan Kajian Penyenggaraan Balai & Kuarters Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
2.	Pengauditan Susulan Terhadap Kajian Pembangunan Dan Penggunaan Taman Awam

E) PENGAUDITAN KHAS DAN SIASATAN

Selain daripada melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Prestasi, Pemeriksaan Mengejut dan Pengauditan Susulan, UAD turut diarahkan oleh KSU untuk melaksanakan Pengauditan Khas dan Siasatan. Sebanyak dua (2) Pengauditan Khas dan Siasatan telah dilaksanakan pada tahun 2012 di mana kedua-dua laporan pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada KSU. Pengauditan Khas dan Siasatan 2012 adalah seperti di Jadual 78

Jadual 78 Pengauditan khas dan siasatan 2012

Bil.	Tajuk Laporan
1.	Pengauditan Ke Atas Bahagian Pemberi Pinjam Wang Dan Pemegang Pajak Gadai, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
2.	Pengauditan Terhadap Penggunaan Kenderaan Jabatan di Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

UNIT
KOMUNIKASI KORPORAT



LATAR BELAKANG

Unit Komunikasi Korporat (UKK) diketuai oleh Puan Jessylina Mat Lazim. Objektif utama unit ini adalah untuk memastikan keberkesanan penyampaian dasar utama program Kementerian melalui perancangan dan pelaksanaan pelan media yang menyeluruh. Antara objektif unit ini adalah memastikan maklumat dan informasi terkini kementerian disebarkan secara efektif melalui laman web dan menyelaraskan aduan yang diterima dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, unit ini juga memantau isu-isu kementerian dan mempromosikan "*branding*" kementerian.

FUNGSI DAN PERANAN

i. Merancang dan melaksanakan pelan media berhubung publisiti, promosi dan kempen bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti serta majlis rasmi bagi Kementerian melalui stesen TV dan radio; bahan promosi, artikel, teks ucapan dan penyampaian maklumat perkhidmatan KPKT dan Jabatan di bawahnya;

ii. Menguruskan perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media/ sidang media, kenyataan akhbar, siaran media dan temu bual khas media cetak dan elektronik;

iii. Merancang, mengurus dan mendokumentasikan bahan maklumat bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti majlis rasmi Kementerian melalui penerbitan bahan cetakan seperti buletin, laporan tahunan, brosur, risalah, rakaman foto dan video bagi tujuan edaran dan rujukan pihak awam dan media;

iv. Memantau dan mengurus maklum balas bagi aduan dan cadangan yang diterima melalui surat khabar, laman web, serta aduan daripada Biro Pengaduan Awam;

v. Merancang dan mengendalikan urusan mendapatkan maklum balas kepuasan teras perkhidmatan Kementerian daripada orang awam dan pelanggan yang ingin mengetahui, yang sedang dan telah menerima perkhidmatan Kementerian menerus borang kajian selidik, soalan laman web dan talian telefon;

vi. Menyelaras persiapan taklimat, lawatan dari dalam negeri yang datang ke Kementerian; dan

vii. Merancang serta mendokumentasikan KPI YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

UKK diterajui oleh empat (4) seksyen utama unit iaitu Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan; Seksyen Media dan Publisiti; Seksyen Penerbitan dan Hal Ehwal Korporat; dan Seksyen KPI Menteri. Berikut merupakan aktiviti dan pencapaian mengikut seksyen masing-masing.

A) SEKSYEN PERHUBUNGAN AWAN DAN KHIDMAT PELANGGAN

Seksyen ini bertanggungjawab menyelaras penerimaan dan maklum balas aduan dan pertanyaan orang awam; menyelaras program pemantapan aduan awam; dan khidmat pelanggan, melaksanakan kajian Kepuasan Pelanggan (*Inbound*) dan menyelaras pengurusan Pegawai Khidmat Pelanggan.

1.1 Menyelaras Penerimaan Dan Maklum Balas Aduan Awam



Sepanjang tahun 2012, Kementerian dan agensi di bawahnya telah menerima sebanyak 3721 aduan daripada orang awam. Dalam usaha memudahkan orang awam menyalurkan aduan kepada kepada KPKT, pihak Kementerian menyediakan pelbagai sumber penerimaan aduan antaranya melalui laman web, emel, hadir sendiri, surat, telefon, borang kaunter aduan jabatan, media massa, dan Biro Pengaduan Awam (BPA). Tempoh penyelesaian aduan yang diterima adalah bergantung kepada kes dan piagam pelanggan kementerian dan agensi dbawahnya. Jadual 79 menunjukkan penerimaan aduan mengikut jabatan/bahagian/unit dan sumber penerimaan aduan bagi tahun 2012.

Penyelesaian aduan bagi keseluruhan aduan yang diterima oleh KPKT adalah berada di tahap yang cemerlang. Setakat 31 Disember 2012, sebanyak 3511 (94.36%) aduan telah diselesaikan dan baki aduan yang masih dalam siasatan adalah sebanyak 210 (5.64%) aduan.

Jadual 79 Penerimaan aduan mengikut Jabatan/Bahagian/Unit dan sumber penerimaan Aduan bagi tahun 2012

Jabatan/Bahagian	SUMBER PENERIMAAN ADUAN															
	Laman Web	Emel	Sistem Pesanan (SMS)	Hari Khidmat Pelanggan	Hadir Sendiri	Surat/ Faks	Telefon	Borang Kaunter Aduan Jabatan	Surat Khabar	Biro Pengaduan Awam (BPA)	Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH)	Memo Pengurusan Tertinggi	Persatuan Pengguna/ NGO	Aduan dari Pegawai Kakitangan	Media elektronik	JUMLAH
Jabatan Perancang Bandar dan Desa	6	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**8**
Jabatan Bomba dan Penyelamat	2	130	0	0	0	12	6	0	9	7	0	0	0	0	0	**166**
Jabatan Landskap Negara	3	7	0	0	0	0	3	0	7	0	0	0	0	0	0	**20**
Jabatan Kerajaan Tempatan	0	1	0	0	0	1	0	0	4	0	0	0	0	0	0	**6**
Jabatan Perumahan Negara	863	304	0	0	244	637	370	270	16	61	8	14	0	0	0	**2787**

SUMBER PENERIMAAN ADUAN																
Jabatan/Bahagian	Laman Web	Emel	Sistem Pesanan (SMS)	Hari Khidmat Pelanggan	Hadir Sendiri	Surat/ Faks	Telefon	Borang Kaunter Aduan Jabatan	Surat Khabar	Biro Pengaduan Awam (BPA)	Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH)	Memo Pengurusan Tertinggi	Persatuan Pengguna/ NGO	Aduan dari Pegawai Kakitangan	Media elektronik	JUMLAH
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	58	6	0	0	0	9	0	0	6	15	0	0	0	0	0	**94**
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah	20	12	0	0	0	4	0	0	2	0	0	0	0	0	0	**38**
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai	20	12	0	0	0	4	0	0	2	0	0	0	0	0	0	**38**
Bahagian Dasar	43	29	0	0	41	46	7	0	1	1	0	0	0	247	0	**415**
Bahagian Pembangunan dan Perlaksanaan Projek	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Bahagian Teknologi Maklumat	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Bahagian Sumber Manusia	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Bahagian Kewangan dan Perolehan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Bahagian Korporat	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Bahagian Inspektorat	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Bahagian Undang-Undang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Bahagian Khidmat Pengurusan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Institut Latihan KPKT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Unit Komunikasi Korporat	177	0	0	0	0	1	0	0	1	6	0	1	1	0	0	**187**
Unit Audit Dalam	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
JUMLAH	**1172**	**490**	**0**	**0**	**285**	**711**	**386**	**270**	**46**	**90**	**8**	**15**	**1**	**247**	**0**	**3721**

1.2 Kajian Kepuasan Pelanggan (*Inbound*)

Selain menyelaras aduan yang diterima oleh KPKT, seksyen ini juga menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan (*Inbound*) secara *e-rating*. Sistem *e-rating* telah digunapakai secara sepenuhnya bermula Disember 2011 bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan Kaunter Perkhidmatan KPKT dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

B) SEKSYEN MEDIA

Seksyen Media telah melaksanakan aktiviti promosi yang melibatkan media sepanjang tahun 2012. Aktiviti media telah mendapat kerjasama yang baik dari semua agensi media cetak, elektronik dan media baru.

1. **Menyediakan Pelan Komunikasi Media**
   Sepanjang tahun 2012, seksyen ini telah bekerjasama dengan jabatan dan bahagian dan telah Berjaya menghasilkan dua (2) Pelan Komunikasi Media bagi program-program utama Kementerian seperti yang berikut:
   i. Sambutan Hari Tandas 2012
   ii. Hari Habitat 2012

2. **Menghasilkan Keluaran Khas Media Cetak**
   Sepanjang tahun 2012, KPKT telah menghasilkan sebanyak 32 keluaran khas media cetak di akhbar utama negara bagi tujuan hebahan, promosi program/aktiviti Kementerian dan agensi di bawahnya, menyebarkan maklumat serta memberi pemahaman berkaitan dasar-dasar sedia ada dan baru kepada rakyat.

3. **Menyelaras Wawancara Khas**
   Sebanyak 11 wawancara khas di media elektronik telah diadakan sepanjang tahun 2012 bagi mempromosi program Kementerian dan agensi di bawahnya. Antara program-program utama yang telah dipromosikan melalui sesi wawancara khas di radio dan TV ialah Sambutan Hari Tandas 2012, Hari Habitat 2012 dan OSC Online 2012.

4. **Menyelaras Sidang Akhbar**
   Sepanjang tahun 2012, sebanyak 43 kali sidang akhbar telah diadakan di mana peratusan bagi paparan berita adalah seperti di Carta 4.





Carta 4 Paparan Berita Selepas Sidang Akhbar

5. **Menyelaras Penganjuran Malam Media**
   Bagi menyemarakkan hubungan harmonis antara Kementerian dengan pihak media, UKK telah menyelaras penganjuran Malam Media pada 3 Februari 2012 bertempat di Holiday Villa, Alor Setar, Kedah. Majlis ini juga diadakan bertujuan menghargai jasa pengamal-pengamal media yang telah bekerjasama dengan pihak Kementerian dalam menyebarkan maklumat kepada rakyat.



6. **Menyelaras Lawatan Media ke Projek Di Bawah Kementerian**
   Dengan kerjasama Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek KPKT dan jabatan/bahagian yang berkaitan, sebanyak 77 lawatan ke projek-projek di bawah Kementerian telah diadakan bersama-sama dengan pihak media. Tujuan lawatan turun padang ini diadakan adalah bagi

membolehkan YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha memantau pelaksanaan projek-projek oleh Kementerian. Disamping itu, program turun padang ini juga dilihat dapat memberi pendedahan kepada orang awam terhadap projek-projek rakyat yang dilaksanakan oleh Kementerian.

C) SEKSYEN PENERBITAN DAN KORPORAT

Bagi memantapkan lagi strategi komunikasi korporat dalam usaha memastikan maklumat sampai kepada kumpulan sasar, Seksyen Penerbitan dan Korporat telah diberi tanggungjawab berkaitan penerbitan pelbagai bahan bercetak, pengemaskinian kandungan portal KPKT dan media sosial, penyelarasan aktiviti outreach bersama kumpulan sasar dan penstoran gambar program/aktiviti Kementerian. Berikut merupakan ringkasan aktiviti dan pencapaian seksyen ini

1. Penerbitan Bahan Bercetak

Sepanjang tahun 2012, Seksyen ini telah menerbitkan bahan-bahan bercetak seperti yang berikut:

i. Buku Laporan Tahunan KPKT 2011
ii. Buletin KPKT (Tiga (3) keluaran : Januari – April, Mei – Ogos dan September – Disember 2012)
iii. Direktori KPKT Tahun 2012
iv. Lawatan Turun Padang KPKT Tahun 2012
v. KPKT *Media Route* 2012 (Koleksi Keratan Akhbar)

2. Pengemaskinian Kandungan Portal KPKT

Seksyen Penerbitan dan Korporat juga bertindak sebagai penyelaras bagi mengemaskini kandungan Portal KPKT dengan kerjasama dari Bahagian Teknologi Maklumat KPKT. Sepanjang tahun 2012, sebanyak empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web KPKT telah diadakan bagi membincangkan penambahbaikan terhadap Portal KPKT dan laman web Jabatan serta isu-isu lain yang berkaitan. Penambahbaikan dan pengemaskinian kandungan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memudahkan pengunjung portal mendapatkan maklumat terkini dan bagi tujuan penilaian dalam Malaysia *Government Portals and Websites Assessment* 2012 oleh Malaysia Development Corporation (MDeC). Hasil penilaian yang dijalankan, KPKT sekali lagi berjaya mengekalkan kedudukan portal bertaraf 5 bintang.

3. Penyelaras Aktiviti *Outreach* Bersama Kumpulan Sasar

Sepanjang tahun 2012, KPKT banyak terlibat dengan aktiviti *outreach* bersama kumpulan sasar bertujuan mempromosi perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian dan berinteraksi secara bersemuka dengan rakyat bagi membolehkan Kementerian mendengar dan melihat masalah yang dihadapi oleh rakyat. Sehubungan itu, Seksyen Penerbitan dan Korporat bertanggungjawab menyelaras lapan (8) aktiviti *outreach* di peringkat nasional seperti dalam jadual 80





Jadual 80 Aktiviti *Outreach* Bersama Kumpulan Sasar Tahun 2012

Bil.	Aktiviti/Program	Tarikh	Tempat
1.	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Kedah	8 Jun 2012	Kulim Hi Tech, Kulim, Kedah
2	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Perak	17 Jun 2012	Pusat Latihan Berteknologi Tinggi (ADTEC), Kamunting, Perak
3	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Melaka	23 Jun 2012	UTC Jalan Hang Tuah, Melaka
4	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Selangor	8 Jul 2012	Padang LHDN, Bangi, Selangor
5	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Sembilan	29 Sept 2012	Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Negeri Sembilan
6	Ekspo Malaysiaku 2012	5 hingga 7 Okt 2012	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur
7	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Sabah	14 Okt 2012	Pusat Sukan Kudat, Sabah
8	Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Pulau Pinang	8 Dis 2012	Padang Kawad USM, Pulau Pinang

4. Penstoran Gambar Program/Aktiviti Kementerian

Seksyen ini telah melaksanakan penstoran (archiving) gambar-gambar untuk 66 program/ aktiviti Kementerian sepanjang tahun 2012. Penstoran gambar-gambar tersebut dilakukan secara *in-house* yang mana gambar-gambar akan dipilih dan disimpan dalam CD-ROM. Selain itu, gambar-gambar ini juga dimuatnaik ke Portal KPKT dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT.

D) SEKSYEN KPI MENTERI

Aktiviti utama Seksyen KPI YBM adalah bagi menyediakan, memantau dan memastikan dicapai pada tahun semasa. Selain itu, seksyen ini juga dipertanggungjawabkan bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Program Transformasi yang diwawarkan oleh Kerajaan iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi pembentukan sebuah Negara berpendapatan tinggi. Sehubungan dengan itu sepanjang tahun 2012,Seksyen KPI YBM telah mengadakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

1. Penyelarasan dan Pemantauan KPI Menteri dan Ketua Setiausaha

i. Menyelaras, mencadangkan dan menyediakan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Ketua Setiausaha Kementerian;

ii. Mengemaskini pencapaian dalam bentuk pelaporan kepada YB Menteri (setiap bulan) dan dan Ketua Setiausaha Kementerian (setiap suku tahun) supaya pelaksanaan dan pencapaian KPI dapat dipantau;

iii. Menyediakan dan mengadakan pembentangan mengenai kedudukan semasa (pencapaian) KPI YB Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian apabila diarahkan bagi memaklumkan berkenaan status pencapaian KPI;

iv. Menyelaras, mengumpulan dan mengemaskini sumber maklumat dalam sistem pemantauan KPI yang dibangunkan oleh Kementerian.

2. Latihan dan Pembangunan KPI

i. Mengadakan sekurang-kurangnya tiga (3) siri *Continuous Professional Development* (CPD) bagi kumpulan Pengurusan & Profesional setahun mengenai KPI YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta KPI Ketua Setiausaha Kementerian bagi memastikan pegawai (dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan) mengambil maklum dan memahami peranan masing-masing dalam pencapaian KPI YB Menteri dan Kementerian secara keseluruhannya;

ii. Seksyen ini bertanggungjawab menyelaras dan mengadakan sekurang-kurangnya dua (2) bengkel bagi penyediaan KPI setahun bagi

meningkatkan kefahaman berkenaan KPI dan memaklumkan berkenaan sasaran KPI pada tahun tersebut serta penyediaan KPI bagi tahun akan datang. Berikut merupakan bengkel yang telah dijalankan.

a. Bengkel Pelan Transformasi Penjenamaan
Bengkel Pelan Transformasi Penjenamaan Siri 1 Tahun 2012 telah diadakan dari 8 Mac 2013 sehingga 10 Mac 2012 dengan kerjasama Bahagian Dasar, KPKT. Bengkel ini telah dihadiri oleh 24 orang peserta, diselia oleh empat (4) orang fasilitator dan dua (2) orang penceramah jemputan dari iaitu Puan Anneliza Zainal, Vice President Customer Experience, Malaysia Airlines Berhad dan Dato' Rozlaila Abdul Rahman, Chief Marketing Officer, Telekom Malaysia Berhad.

b. Bengkel Petunjuk Prestasi Utama Kementerian (*Ministerial Key Performance Indicators*) Tahun 2012
Bengkel MKPI KPKT 2012 telah diadakan dari 23 sehingga 27 April 2012 di Impiana Hotel Ipoh, Perak dan dihadiri oleh Pegawai Kementerian serta Jabatan dan Agensi-agensi dari gred 41 sehingga gred 52 seramai 25 orang peserta, empat (4) fasilitator serta tiga (3) penceramah dalaman. Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi melatih dan memberikan fahaman yang seragam dalam pembentukan KPI di semua Jabatan / Bahagian di KPKT manakala output yang diperlukan merupakan cadangan asas bagi pembentukan pelan strategik Kementerian dengan mengambil kira input serta cadangan dari pegawai-pegawai yang lebih terbuka kepada ide baru dan transformasi.

3. Transformasi Kerajaan

Dalam membantu kerajaan menjayakan program transformasi kerajaan, Seksyen KPI Menteri telah diberi tanggungjawab seperti yang berikut:

i. Menjadi pegawai penyelaras (*focal person*) bagi urusan berkaitan Transformasi Kerajaan (GTP/ ETP).

ii. Menyelaras pengumpulan data dan penyediaan ulasan rasmi Kementerian kepada Agensi yang berkaitan.

iii. Menyediakan *talking points* / teks ucapan / nota bagi YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Ketua Setiausaha Kementerian bagi Mesyuarat yang berkaitan dengan *National Key Result Areas* (NKRAs) ataupun *National Key Economic Areas* (NKEAs).

iv. Menyediakan nasihat serta khidmat rundingan bagi perkara-perkara berkaitan KPI, NKRA dan NKEA

